

Bil 221

Wadah Terkini Tentera Darat

PERCUMA

# CBTDM

BERITA TENTERA DARAT MALAYSIA



JENERAL DATUK ZAMROSE MOHD ZAIN  
PTD KE-28



"Pemimpin bertukar ganti, tetapi organisasi TD akan kekal komited ... benteng utama pertahanan negara"

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin  
Ketua Pengarang



**S**etinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinanNya memberikan kami kekuatan dan peluang untuk menerbitkan edisi 221 ini. Sebagai sebuah platform dalam merencanakan wadah Tentera Darat bukanlah suatu tugas yang mudah dan sudah pastinya memerlukan kesinambungan usaha dan komitmen yang berterusan. Terima kasih kepada sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk memastikan majalah ini menjadi tatapan umum. Tidak dilupa juga kepada para pembaca yang terus setia menyokong serta menjadi tulang belakang kepada penerbitan Berita Tentera Darat Malaysia.

Dikesempatan ini, izinkan saya menzahirkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Jen Datuk Zamrose Mohd Zain yang telah dinaikkan pangkat ke Jen dan seterusnya menggalas amanah sebagai Panglima Tentera Darat ke-28. Sesungguhnya kami seluruh warga TD akan turut membualatkan azam untuk mengerah keringat, mendokong hasrat pucuk kepimpinan tertinggi bagi memastikan kesinambungan organisasi TD yang utuh ini.

Saya turut ingin mengambil peluang untuk menzahirkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada mantan PTD ke-27, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi di atas khidmat bakti serta pengorbanan yang telah dicurahkan sepanjang melaksanakan tugas selaku PTD ke-27. Kami mendoakan Tan Sri dan keluarga dikurniakan ketenangan serta kebahagiaan selepas berpenat lelah menerajui organisasi ini bagi mengekalkan keunggulannya.



Sidang pembaca sekalian, "yang patah akan tumbuh, yang hilang pasti berganti". "Pemimpin bertukar ganti, tetapi organisasi TD akan kekal komited menyambung usaha warga terdahulu agar ketumbukan ini sentiasa relevan selaku benteng utama pertahanan daratan negara". Oleh itu, marilah bersama-sama kita mengembelng tenaga serta berganding bahu agar misi dan visi yang telah digariskan dapat dicapai sepenuhnya.

Sidang pembaca yang dikasihi, pada ketika ini negara telah semakin pulih daripada ancaman wabak pandemik COVID-19. Usaha mengekang penularan wabak ini tidak akan dicapai tanpa kerjasama dan penglibatan semua pihak. Justeru, suka saya ingatkan kepada semua, kekal dan amalkan norma kehidupan baru agar penularan wabak ini dapat dihentikan sepenuhnya. Patuhi segala arahan dan prosedur yang telah ditetapkan. Semoga Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang akan memberkati serta membantu usaha yang telah ditabur untuk megebalikan negara kepada keadaan sediakala.

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan TD khasnya sekali lagi membuktikan keupayaannya dalam mengekalkan kedaulatan negara. OP BENTENG yang dilaksanakan telah berjaya mengekang anasir luar terutamanya Pendatang Asing masuk ke persempadan negara. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan operasi tersebut. Kesungguhan yang dipamerkan jelas membuka mata umum bahawa ATM sentiasa relevan dan diyakini sebagai teras utama benteng pertahanan negara.

# SERAH TERIMA TUGAS PTD KE-28

Mantan PTD Ke-27, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi menyerahkan tugasnya kepada Jen Datuk Zamrose Mohd Zain yang berkuatkuasa pada 11 Jun 2020.

4



Edisi 221  
Isi Kandungan

## Paparan Menarik

[www.btdm.my](http://www.btdm.my)

### 22 | Perintah Ulung PTD Ke-28

22

Menyeru kepada segenap lapisan warga Tentera Darat untuk mengorak langkah bersama beliau supaya TD kekal relevan sebagai sebuah ketumbukan utama benteng pertahanan negara sejarah dengan aspirasi negara dan Angkatan Tentera Malaysia agar TD mencapai kejayaan.

### 26 | HAT Tunku Mizan Bantu Rawat Pesakit Covid-19

22

Bertungkus-lumus memutuskan rantaian penyakit Pandemik Coronavirus 2019 (Covid-19) disamping mengangkat teknologi dan kepakaran Kor Kesihatan Diraja (KKD), di mana ia berupaya menjalankan ujian saringan covid setanding beberapa hospital di negara maju.

26



### 32 | Kehidupan Berubah Dalam Dunia Fotografi

Tekad jati diri, usaha, modal serta minat yang bersungguh-sungguh pasti tidak akan nampak hasilnya. Kejayaan bukan datang bergolek, bahkan ia mesti disusuli dengan iltizam yang tinggi demi mencapai cita-cita yang dasarkan.

### 36 | Bersama Peluru Sepanjang Hayat

36



32



BULANAN	
4	BERSAMA PEMIMPIN
54	MK PMB TD
56	MK 1 DIV
57	MK 2 DIV
61	MK 3 DIV
65	MK 4 DIV
67	MK 5 DIV
73	TRUP TD

# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

Jen Datuk Zamrose Mohd Zain

## KETUA PENGARANG

Mej Jen Dato' Rezil Shahidin

## EDITOR

Kol Ahmad Jafri Ahmad Zulyadai

## PENOLONG EDITOR

Kapt Mursyideen Ahmad Iskandar Shah

## WARTAWAN/JURUGAMBAR

SSJn Vijay Gaundar Arikrishnan, Sjn Saiful Fazley Rusli, Sjn Nurulhaswani Ruzaini, Kpl Ainur Aisyah Yahaya, Pbt Muhammad Shukri Suhaimi, Pbt Mohammad Fadzil Akirul dan Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

## SUSUN ATUR DAN GRAFIK

PW II Nor Rizam Hamad dan Saifun Hakimi Zainon

## KORESPONDEN

### TRUP TD

Kapt Sirichai Manichorte, Kapt Mohamad Haziq, Lt Azfar Asyrafie Ahmad, SSJn Ahmad Norizam Jaafar, SSJn Md Noor Sabar, LKpl Muhammad Razif Anzeli

### MK PMBTD

Kpl Azlina Abd Azmi, Kpl Mohd Fikry Nordin dan Kpl Norirawati Abdul Wahab

### MK PMTTD

Mej Muhammad Muzhafar Salji, Sjn Mohd Khairil Anuar Zhali

### MK PLDTD

Mej NorShafiza Zakaria, Kapt Syaiyidul Marwan Mustapha, Kapt Syed Abdul Muiz Sed Manshor, Lt Nur Shahida Ahmad

### 1 DIV

Kapt Syaiful Shahidan, Lt Muhammad Khawarizmi Abdul Shukor, Lt Muhamad Safwan Md Yuso, Lt Azlan Azmi, Sjn Donny Mike Andy, Kpl Muhammad Shukri Anuar, Pbt Nazirul Abdullah

### 2 DIV

Mej Mohd Said Adam Mohamed Said, Mej Azrol Mansor, Kapt Muhd Farith Ibrahim, Lt Abdul Hadi Abdul Halim, Sjn Mohd Rashidi Ab.Ghani, Kpl Md Shukor Md Soleh, LKpl Mohamad Nasrol Mokhtar, Pbt Mohamad Sufri Suleiman

### 3 DIVISYEN

Mej Mohamed Fahmi Ishak, Lt Aizul Fahmi Jamaluddin, SSJn Muhammad Haffizz Hamid, SSJn Azwan Pairus, Sjn Muhammad Suhaimy Jimmy, Kpl Mohd Hafiz Hamzah, LKpl Noor Atirah Abu Seman

### 4 DIVISYEN

Mej Wan Ismail Wan Abdullah, Mej Norhelmi Mohd Zaki, Kapt Mohd Yusof Mohd Noh, Sjn Che Azham Che Raman, Kpl Azlina Abd Azmi, Kpl Mohd Sadiq Zakaria, Kpl Norsalina Johari, Kpl Siti Zubaidah Ramelan, Kpl Mohd Na'zrul Adnan, LKpl Khatijah Sahbudin, Pbt Abu Huzaifah Sabaruddin

### 5 DIVISYEN

Mej Aisyah Ismail, Kapt Muhammad Yasin Mohd Sazali Chang Wee Loong, Kpl Naim Ahmad

Mari ikuti kami di Laman rasmi kami...



WWW.  
btdm.my



Walaupun tanpa kehadiran keluarga tercinta dan juga penonton, PM ini tetap nampak gagah dengan perbarisan statik yang memperlihatkan penjarakan anggota yang berbaris lebih jauh berbanding biasa serta setiap anggota perbarisan memakai pelitup mulut bercorak celoreng digital.



Berdasarkan ikrar tersebut, ternyata ia mempunyai nilai penghayatan Islam yang kuat dan mematuhi pemerintah adalah sesuatu yang wajib.

**BTDM mengalu-alukan artikel, idea dan kritikan anda agar dapat dikongsi bersama. Setiap surat atau artikel perlu ada nama penuh dan di tandatangani. Segala sumbangan artikel boleh disalurkan terus kepada:**

**Pengarang BTDM, Tingkat 8-11,  
Markas Tentera Darat,**

**Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak,  
50634 KUALA LUMPUR**

**atau**

**e-mail: www.btdm.my / Faks: 03-26923195  
Tel: 03-20716290/0320713667**



# SERAH TERIMA TUGAS PTD KE - 28



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli  
Gambar: Saifun Hakimi Zainon

KUALA LUMPUR: Jen Datuk Zamrose Mohd Zain dilantik sebagai Panglima Tentera Darat Ke-28 yang baharu

dalam Majlis Serah Terima Tugas Panglima Tentera Darat disaksikan Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan pada 11 Jun 2020.

Dalam majlis tersebut mantan PTD Ke-27, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi menyerahkan tugasnya kepada Jen Datuk Zamrose Mohd Zain yang berkuatkuasa pada 11 Jun 2020.



Sebelum majlis menandatangani Nota Serah Terima Tugas PTD Ke-28, terdahulu dari itu diadakan Majlis Pemakaian Pangkat Jeneral kepada Lt Jen Datuk Zamrose Mohd Zain yang disempurnakan oleh Menteri Kanan Pertahanan dan disaksikan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM.

Mengimbas keperibadian PTD Ke-28, beliau dilahirkan pada 22 Sep 1962 di Seremban, Negeri Sembilan dan memulakan karier dengan menyertai latihan sebagai Pegawai Kadet pada tahun 1980.

Seterusnya beliau ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 24 Jan 1981 dan pasukan pertama beliau ialah Batalion Kelapan Rejimen Askar Melayu Diraja (8 RAMD).

Sepanjang 39 tahun usia perkhidmatannya, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting di dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) dan jawatan terakhir beliau sebelum ini sebagai Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD).

Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah mendirikan rumah tangga bersama

Datin Zainuriah Hj Mustapha dan dikurniakan lima orang cahaya mata perempuan dan seorang lelaki.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Muez Abd Aziz, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dan Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Ashgar Khas Goriman Khan TUDM.



## Hari Pertama PTD Ke-28

Oleh: Saifun Hakimi Zainon  
Gambar: SSjn Vijay Arikhrishnan

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat Ke-28, Jen Datuk Zamrose Mohd Zain secara rasminya memulakan tugas sebagai PTD yang baharu pada hari pertama di Wisma Pertahanan pada 12 Jun 2020.

Sebaik sahaja tiba di perkaraan Wisma Pertahanan, PTD menerima tabik hormat lalu memeriksa Kawalan Kehormatan Utama (KKU)

dari Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) yang terdiri daripada tiga pegawai serta 43 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai oleh Mej Mohd Izham Ahmad Rashidi dan diiringi Pancaragam Pusat RAMD.

Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah mengambil alih tugas sebagai PTD Ke-28 dari PTD Ke-27, Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi pada 11 Jun 2020 di Auditorium Kementerian Pertahanan

disaksikan Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dan Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM.

Turut hadir Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Ketua Staf Markas Tentera Darat, Mej Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi dan pegawai kanan MKTD.

# PTD Kunjungi Mantan PAT Ke-10



**MELAKA:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah mengadakan lawatan ke 94 Hospital Angkatan Tentera (94 HAT), Kem Terendak bagi menziarahi Mantan Panglima Angkatan Tentera (PAT) Ke-10, Jen Tan Sri Dato' Borhan Haji Ahmad (Bersara) pada 14 Jun 2020.

Jen Tan Sri Dato' Borhan Haji Ahmad yang kini telah berusia 81 tahun telah bersara dari Angkatan Tentera Malaysia pada 2 Feb 1995 dan telah dimasukkan ke 94 HAT pada 13 Jun 2020.

Turut hadir Panglima 21 GGK, Lt Jen Datuk Hassan Ali, Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim dan Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki.

## Sembah Mengadap PTD Ke Atas KDYMM SPB YDP Agong

**KUALA LUMPUR:** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan menerima Sembah Mengadap Panglima Tentera Darat, Jen Datuk Zamrose Mohd Zain di Istana Negara pada 19 Jun 2020.

Sembah Mengadap ini bersempena dengan perlantikan Jen Datuk Zamrose Mohd Zain sebagai Panglima Tentera Darat Ke-28 yang baharu mengantikan Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi pada 11 Jun 2020.

Baginda berkenan meluangkan masa bersama PTD selama 45 minit untuk berkongsi pendapat serta pandangan bagi memantapkan lagi organisasi Tentera Darat Malaysia (TDM) dan PTD turut mempersembahkan cenderahati kepada Seri Paduka Baginda. - **LKpl Mohammad Shahrun Nizam Mohamad Radzuan**



## Kunjungan Hormat Komander NTF



**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat(PTD), Jen Datuk Zamrose Mohd Zain, menerima Kunjungan Hormat dari Laksamana Madya Dato' Aris Adi Tan Abdullah, Komander National Task Force (NTF) yang juga merupakan Panglima Armada Barat TLDM di pejabat beliau pada 23 Jun 2020.

Kunjungan Hormat ini adalah bagi bertukar pendapat dalam pelaksanaan OP BENTENG yang diterajui Angkatan Tentera Malaysia dengan NTF sebagai agensi yang mengkoordinasikan operasi tersebut.

Turut hadir pegawai-pegawai Kanan NTF yang mengiringi Komander NTF.

# Kunjungan Hormat Komandan Maktab Ketahanan Nasional Ke Atas PTD

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah menerima Kunjungan Hormat daripada Komandan Maktab Ketahanan Nasional, Mej Jen Hj Dato' Md Yusof Aziz di Pejabat PTD pada 29 Jun 2020.

Turut hadir dalam acara tersebut adalah Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan, Mej Jen Dato' Ahmad Tajuddin Abdul Ghani.



## PAT Tinjau Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19



**KUALA LUMPUR:** Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM turun padang hari ini bagi meninjau pengoperasian Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) pada 26 Mei 2020.

Pada 25 Mei lalu, Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah mengumumkan bahawa

pusat kuarantin berkenaan telah dikhatusukan untuk pendatang asing tanpa izin (PATI) yang dikesan positif COVID-19 melalui penempatan mereka di Depoh Tahanan Imigresen (DTI).

Beliau juga berkata semua rakyat Malaysia yang sebelum ini dirawat di pusat itu sudah dipindahkan ke Hospital Sungai Buloh.

Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 di MAEPS kini juga sudah dipasang dengan kawat berduri dan dikawal ketat oleh anggota tentera serta polis.

Turut bersama beliau dalam tinjauan tersebut ialah Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.- **MK ATM J7**

# Kunjungan Hormat PMB TD Ke Atas PAT

Oleh: MK ATM J7

**KUALA LUMPUR:** Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami, telah membuat Kunjungan Hormat ke atas Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM, di Wisma Pertahanan pada 9 Jun 2020.

Kunjungan hormat ini adalah sempena persaraan beliau dari perkhidmatan ATM.



## Kunjungan Hormat Ke Atas PM



**PUTRAJAYA:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri

Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi melakukan Kunjungan

Hormat persaraannya ke atas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Pejabat Perdana Menteri pada 21 Mei 2020.

Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi merupakan PTD Ke-27 setelah dilantik ke jawatan itu pada Sep 2018 dan dijadual menyerahkan tugasnya kepada PTD yang baharu pada 11 Jun 2020 sebelum bersara wajib pada 2 Nov 2020.

Semasa perjumpaan tersebut, PM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada PTD atas sumbangan yang diberikan sepanjang mengetuai Tentera Darat yang merupakan salah satu daripada cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

## Majlis Serah Terima Tugas YDP KSSKA

**KUALA LUMPUR:** Majlis Serah Terima Tugas Yang Dipertua Kelab Sukan, Sosial dan Kebajikan ATM (KSSKA) telah diadakan bertempat di Wisma Pertahanan pada 5 Jun 2020.

Serah Terima Tugas YDP KSSKA ini di antara Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah Hj Mohd Nawawi dengan Panglima Tentera Udara (PTU) Jen Dato' Sri Ackbal Hj Abdul Samad TUDM.

Pada masa yang sama turut diadakan Serah Menyerah YDP Majlis Sukan Angkatan Tentera Malaysia (MSAT) di antara Panglima Angkatan Tentera (PAT) Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM dengan Panglima Tentera Laut (PTL) Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany.

Turut hadir pegawai kanan ATM dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan.

- MK ATM J7



# Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Kesyukuran PTD Ke-28



Oleh: PRTD

Gambar: Saifun Hakimi Zainon

**KUALA LUMPUR:** Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Kesyukuran Panglima Tentera Darat, Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah diadakan pada 18

Jun 2020 di Wisma Perwira Tentera Darat.

Majlis yang dihadiri oleh pegawai Tentera Darat (TD) dimulakan dengan Solat Maghrib. Ia diteruskan lagi dengan Solat Hajat serta Bacaan

Yasin dan Tahlil yang dipimpin oleh Pengarah Agama Tentera Darat, Kol Mohamad Azmi Wahab.

Tujuan majlis diadakan bagi memohon doa dan munajat agar PTD diberi kekuatan dan kebijaksanaan dalam menerajui TD, agar terus cemerlang dan dipermudahkan dalam apa jua halangan dan rintangan.

Majlis diakhiri dengan Solat Isyak secara berjemaah dan ucapan oleh PTD. Dalam ucapannya, beliau menyatakan kesyukuran di atas pengajuran majlis tersebut dan berharap agar semua warga TD dapat mengekalkan kerjasama dengan penuh semangat di sepanjang perkhidmatan beliau bagi mencapai visi dan misi organisasi TD.

Majlis dihadiri oleh Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Mohammad Ab Rahman, Ketua Staf Tentera Darat, Mej Jen Datuk Zakaria Hj Mohd Yadi dan Pegawai kanan TD.

## Majlis Amanat Menteri Kanan Pertahanan 2020

**KUALA LUMPUR:** Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah menyampaikan Amanat 100 Hari Menerajui Kementerian Pertahanan bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan, pada 18 Jun 2020.

Selain itu, ia turut melibatkan warga kakitangan awam Kementerian Pertahanan serta pegawai dan anggota daripada ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

Dalam ucapan Menteri, beliau telah menggariskan beberapa fokus dan hala tuju kementerian, antaranya dengan memperkasakan ATM dari segi aset dan persenjataan.

Dalam masa yang sama, beliau turut menekankan aspek kebijakan semua anggota tentera khususnya berkaitan keselesaan Rumah Keluarga Anggota Tentera (RKAT) dan juga kebijakan veteran ATM.

Terdahulu beliau juga telah merasmikan Dataran Wisma Pertahanan dengan disaksikan oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Panglima

Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Muez bin Abd Aziz.

Turut hadir Panglima Tentera Darat, Jen Datuk Zamrose Mohd Zain dan pegawai-pegawai Kanan ATM- PRTD



# PTD Iring PAT Tinjau Operasi Sempadan di Sarawak

Oleh: LKpl Mohammad Shahrin Nizam Mohamad Radzuan

**SARAWAK:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Datuk Zamrose Mohd Zain mengiringi Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang TUDM melakukan lawatan kerja ke Kem Jawatankuasa Perancang Gerakan (JPG) Biawak iaitu Pos Gabungan Bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM)/Tentera Nasional Indonesia (TNI) di Lundu, Sarawak pada 21 Jun 2020.

Pos Gabungan ini yang juga merupakan salah satu pos kawalan sempadan bagi Operasi AWAS/KERIS PARANG. Lawatan kerja ini adalah bagi meninjau dan melihat kesiagaan anggota Tentera Darat Malaysia (TDM) yang terlibat dalam kawalan operasi persempadan daratan antara Sarawak dan Kalimantan di bawah formasi Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMTTD).

Kawalan operasi ini juga merupakan sebahagian daripada pelaksanaan Operasi BENTENG yang diletakkan di bawah koordinasi ATM melalui penubuhan *National Task Force* (NTF).

Ia bertujuan mengawal ketat sempadan negara secara bersepadu bersama agensi penguatkuasaan dan keselamatan yang lain bagi menangani aktiviti jenayah rentas sempadan terutama menyekat pencerobohan PATI serta mengekang penularan wabak pandemik COVID-19 yang berkemungkinan tinggi dibawa oleh mereka.

Dalam lawatan kerja tersebut, beliau turut dibawa ke beberapa titik atau lokasi lorong tikus sekitar Biawak yang dikawal ketat bagi mengelak sebarang pencerobohan atau aktiviti jenayah rentas sempadan.

ATM terutamanya TD serta Polis Diraja Malaysia



(PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan agensi-agensi penguatkuasaan serta keselamatan yang lain akan terus komited melaksanakan OP BENTENG melalui koordinasi bersepadu oleh NTF bagi memastikan persempadan negara baik daratan mahupun perairan tidak dicerobohi oleh anasir asing demi memelihara kedaulatan negara dan kesejahteraan rakyat.

PAT turut berkesempatan menyampaikan sumbangan bungkus Beg Hari Raya Aidilfitri dan Gawai kepada anggota yang terlibat dalam kawalan operasi persempadan di pos berkenaan.

Turut mengiringi beliau adalah Pemangku Panglima Medan Timur Tentera Darat, Mej Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan, Panglima 1 Div, Mej Jen Dato' Dzulkafli Hj Mustaffa, Pesuruhjaya Polis Kontjen Sarawak, CP Dato' Aidi Ismail, Komander Briged PGA Sarawak, SAC Mancha Ata, Penolong Pengarah MKN Sarawak, Wazi Seman, Pengarah Imigresen Malaysia Sarawak, Datu Ken Leben dan Pengarah Kastam Sarawak, Dato' Hajah Sharifah Halimah Tuanku Taha.

## PTD Mempengerusikan Taklimat OP PENAWAR

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Datuk Zamrose Mohd Zain mempengerusikan Taklimat OP PENAWAR di Pusat Operasi Tentera Darat (POTD), Cawangan Operasi dan Latihan (OPLAT), Markas Tentera Darat pada 16 Jun 2020.

Beliau buat pertama kali mempengerusikan taklimat tersebut setelah mengambil alih jawatan PTD Ke-28 pada 11 Jun 2020 yang lalu.

Tanggungjawab PTD sebagai peneraju OP PENAWAR diteruskan bagi memutuskan rangkaian virus COVID-19 yang masih melanda negara.

Beliau mendengar sendiri taklimat yang disampaikan oleh staf dan formasi-formasi yang membantu PDRM menguatkuasakan pelaksanaan tugas PKPP iaitu rondaan pematuhan bersama PDRM setelah tugas sekatan jalan raya ditamatkan. - PRTD



# Kunjungan Hormat PTD Ke Atas KSN

Oleh: LKpl Mohammad Shahrin Nizam Mohamad Radzuan

**PUTRAJAYA:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Datuk Zamrose Mohd Zain melakukan Kunjungan Hormat ke atas Ketua Setiausaha Negara (KSN), Datuk Seri Mohd Zuki Ali pada 24 Jun 2020.

Pertemuan yang diadakan di Pejabat KSN, Bangunan Perdana Putra adalah bersempena dengan pelantikan beliau sebagai PTD Ke-28 pada 11 Jun 2020.



## Majlis BBQ Bersama PTD dan Raja Muda Selangor



**MELAKA:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah menghadiri acara jamuan BBQ bersama Raja Muda Selangor, DYTM Lt Tengku Amir Shah

Sultan Sharafuddin Idris Shah di *Army Officer Recreation Club* (AORC), Kem Terendak pada 25 Jun 2020.

DYTM Lt Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah telah ditauliahkan sebagai pegawai Tentera Darat berpangkat Leftenan Muda di Batalion Ke-17 Rejimen Askar Melayu Diraja (Para) pada 19 Jul 2017.

Baginda sedang mengikuti Bengkel Peperiksaan Kenaikan Pangkat Leftenan ke Kapten di Markas 10 Bgd (Para) sebagai persiapan menghadapi peperiksaan pada 7 hingga 9 Jul 2020.

Hadir sama dalam acara tersebut adalah Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim, Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan Markas Tentera Darat, Mej Jen Dato' Ahmad Tajuddin Abdul Ghani, Pengarah Infantri, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Huzaimi Sabri, Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki dan Komander Artileri 3 Div, Brig Jen Noor Sazali Puteh. - **LKpl Mohammad Shahrin Nizam Mohamad Radzuan**

## Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan TD

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Datuk Zamrose Mohd Zain menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan Tentera Darat di di Pejabat PTD pada 29 Jun 2020.

Dalam majlis tersebut, Mej Raja Azamawi Raja Isa dinaikkan pangkat ke Lt Kol berkuatkuasa 20 Mei 2020 dan menjawat jawatan sebagai Kem Komandan, Markas Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dan Ketua Staf Tentera Darat, Mej Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi. - **LKpl Mohammad Shahrin Nizam Mohamad Radzuan**



# Agong Kurnia Sumbangan MAIWP Bernilai RM 1.8 Juta Kepada Veteran ATM



Oleh: Sjn Saiful Fazley Rusli

**KUALA LUMPUR:** Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Hj Ahmad Shah Al-Musta'in Billah berkenan mencemar duli ke Majlis Pengurniaan Sumbangan Ampun Kurnia Kepada Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertempat di Dewan Serbaguna Masjid Wilayah Persekutuan pada 25 Jun 2020.

Baginda berkenan mengurniakan sumbangan bernilai RM1.8 juta daripada Majlis Agama Islam Persekutuan (MAIWP) kepada 6,000 Veteran ATM dalam kalangan B40.

Selain itu, Baginda turut berkenan mengurniakan ampun kurnia berupa wang tunai dan hamper barang makanan asas kepada 10 Veteran ATM sebagai simbolik Baginda berkenan berangkat menyantuni golongan Veteran ATM yang telah banyak mencurahkan bakti kepada negara.

Keberangkatan Baginda ke majlis tersebut turut mencerminkan keperibadian tinggi dan keprihatinan Baginda dalam menyantuni golongan berkenaan serta membantu golongan yang memerlukan bantuan untuk kelangsungan hidup.

Majlis ini dianjurkan MAIWP dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dengan kerjasama Istana Negara, Kementerian

Pertahanan dan pertubuhan bukan kerajaan Bantu-Bantu Malaysia.

Sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu, majlis ini merupakan aktiviti ketiga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang diadakan di luar Istana Negara.

Turut hadir ialah Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ahmad Marzuk Shaary, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Hj Affendi Buang TUDM dan Panglima dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM.



# Profil PTD Ke-28

## Jen Datuk Zamrose Mohd Zain



**P**anglima Tentera Darat Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah dilahirkan di Seremban, Negeri Sembilan pada 22 Sep 1962. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Tunku Besar Tampin sebelum melanjutkan pelajaran menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Besar Tampin mulai Tingkatan satu hingga tiga dan seterusnya ke Maktab Tentera Diraja (MTD) pada tahun 1978. Kerjaya beliau dalam Angkatan Tentera Malaysia bermula apabila menjalani latihan sebagai Pegawai Kadet di Maktab Tentera Diraja (MTD) pada tahun 1980. Beliau seterusnya ditauliahkan sebagai Leutenant Muda dan menyertai Batalion Kelapan Rejimen Askar Melayu Diraja sebagai unit pertamanya pada 24 Jan 1981.

Di sepanjang perkhidmatan beliau telah diberi kepercayaan memegang pelbagai jawatan penting di peringkat Tentera Darat (TD) mahupun Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai pemerintah, staf dan jurulatih. Antara perjawatan yang disandang termasuklah Pegawai Memerintah, Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) pada tahun 2002 hingga 2003, Ketua Staf, Markas Brigid Kesebelas Infantri Malaysia (2003-2005), Juruarah di Maktab Turus Angkatan Tentera (2005-2006), Komandan Kolej Tentera Darat (2006-2008), Panglima Brigid Keempat Infantri Malaysia (Mekanize) (2009-2012), Ketua Staf Am Markas Medan Tentera Darat (2012-2014) serta Asisten Ketua Staf Operasi dan Latihan, Markas Tentera Darat, Cawangan OPLAT (2014-2015).

Selain itu beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Panglima Divisyen Ketiga Infantri Malaysia (2015-2016), Ketua Tim Pemerhati Mindanao 11 Filipina (2016-2017), Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota MK ATM, Bahagian Perkhidmatan Anggota (2017-2018) dan Panglima Medan Timur Tentera Darat (2018-2020). Pada tanggal 11 Jun 2020, atas kecemerlangan yang ditunjukkan, beliau telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk dinaikkan ke pangkat Jeneral dan seterusnya menjawat jawatan Panglima Tentera Darat Ke-28.

Dalam menentukan kecemerlangan pendidikan dan pengetahuannya, Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah mengikuti kursus dan pengajian di dalam serta juga di luar negara. Antara kursus utama yang dihadiri adalah Diploma Pengajian Strategik dan Pertahanan, Universiti Malaya (1996), Sarjana Kajian Dasar dan Keselamatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (2001), *Managing Defence in a Democracy Course* di United Kingdom (2007) dan *National Defence College* (ndc) di Thailand (2008-2009).

Sebagai pengiktirafan terhadap khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada negara, beliau telah menerima pelbagai Darjah Kebesaran, Pingat serta Anugerah dan di antaranya adalah Darjah Panglima Setia Di-Raja (PSD) yang membawa gelaran Datuk (Persekutuan), Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) yang membawa gelaran Datuk Wira (Melaka), Panglima Setia Angkatan Tentera (PSAT), Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato' (Pahang) dan Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (DPNS) yang membawa gelaran Dato' (Negeri Sembilan).

Jen Datuk Zamrose Mohd Zain telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Zainuriah Hj Mustapha, seorang suri rumah dan dikurniakan enam orang cahaya mata iaitu lima perempuan dan seorang lelaki. Waktu lapang beliau sering digunakan untuk membaca dan mengembara manakala sukan kegemarannya adalah golf.

# Pucuk Kepimpinan Tertinggi TD



Timbalan Panglima Tentera Darat  
mulai 19 Sep 2018

Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dilahirkan pada 1 Nov 1963 di Segamat, Johor. Beliau menyertai Tentera Darat pada 1 Dis 1981.

Sepanjang 39 tahun usia perkhidmatannya, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting di dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) dan jawatan terakhir beliau sebelum ini sebagai Panglima 3 Divisyen. Pada 19 Sep 2018, beliau telah dinaikkan ke pangkat Lt Jen dan dilantik sebagai Timbalan Panglima Tentera Darat Ke-24.

Berkat perkongsian rumahtangga Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dan Datin Norhanita A. Hamid, beliau telah dikurniakan lima orang cahaya mata.



## Panglima Medan Barat TD mulai 10 Jun 2020

Lt Jen Dato' Mohammad Ab Rahman berasal dari Machang, Kelantan dan dilahirkan pada 15 Mac 1964 dan menceburi alam ketenteraan pada 1 Jul 1987.

Di sepanjang hampir 33 tahun usia perkhidmatan, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) selain banyak menghadiri kursus-kursus strategik di dalam dan luar Negara.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Ramlah Dawi serta dikurniakan tiga cahaya mata, satu lelaki dan dua perempuan.



## Panglima Medan Timur TD mulai 17 Julai 2020

Lt Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi dilahirkan pada tanggal 17 Jun 1963 di Ipoh, Perak. Beliau telah memulakan karier dengan menyertai latihan sebagai Pegawai Kadet pada tahun 1981 dan seterusnya ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 9 Mei 1983.

Sepanjang 39 tahun usia perkhidmatannya, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting di dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) selain banyak menghadiri kursus-kursus strategik di dalam dan luar Negara.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Norhayati Usul serta telah dikurniakan empat cahaya mata, tiga lelaki dan satu perempuan.



## Panglima 1 Div mulai 18 Jun 2020

Maj Jen Dato' Dzulkafli Hj Mustaffa dilahirkan pada 23 Feb 1963 di Kubang Pasu, Kedah. Beliau memulakan karier dengan menyertai latihan sebagai Pegawai Kadet pada tahun 1981 dan seterusnya ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 22 Mei 1982.

Batalion Ketiga Rejimen Renjer Diraja (3 RRD) merupakan unit pertama perkhidmatan beliau. Di sepanjang hampir 38 tahun usia perkhidmatan, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) selain banyak menghadiri kursus-kursus strategik di dalam dan luar Negara.

Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama Datin Norziati Hj Othman dan telah dikurniakan tiga orang cahaya mata perempuan.



## Panglima 2 Div mulai 5 Nov 2018

Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad berasal dari Pasir Mas, Kelantan dan dilahirkan pada 30 Apr 1965 dan menceburialam ketenteraan pada 11 Jul 1988.

Di sepanjang hampir 32 tahun usia perkhidmatan, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) selain banyak menghadiri kursus-kursus strategik di dalam dan luar Negara.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Sdafra' Hj Ahmad serta dikurniakan dua cahaya mata lelaki.



## Panglima 3 Div mulai 20 Jul 2019

Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim telah dilahirkan pada 30 Jan 1970 di Kuala Terengganu. Pada 19 Ogos 1988 beliau telah menyertai Angkatan Tentera Malaysia pada 19 Ogos 1988.

Di sepanjang hampir 32 tahun usia perkhidmatan, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) selain banyak menghadiri kursus-kursus strategik di dalam dan luar Negara.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Haslinda Mohd Ali dan dikurniakan dengan empat orang cahaya mata, dua lelaki dan dua orang perempuan.



## Panglima 4 Div mulai 30 Mac 2020

Mej Jen Dato' Hj Ya'cob Hj Samiran berasal dari Batu Pahat, Johor dan dilahirkan pada 22 Mac 1965 dan menceburialam ketenteraan pada 1 Jan 1985.

Di sepanjang hampir 35 tahun usia perkhidmatan, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) selain banyak menghadiri kursus-kursus strategik di dalam dan luar Negara.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Hanesabirin Yusoff serta dikurniakan empat cahaya mata, dua lelaki dan dua perempuan.



## Panglima 5 Div mulai 5 Apr 2020

Mej Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan dilahirkan pada tanggal 18 Apr 1968 di Segamat, Johor. Beliau memulakan karier dengan menyertai latihan sebagai Pegawai Kadet pada tahun 1986, dan seterusnya ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 30 Jul 1988.

Rejimen Kesepuluh Askar Melayu Diraja (10 RAMD) merupakan unit pertama perkhidmatan beliau. Di sepanjang hampir 34 tahun usia perkhidmatan, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) selain banyak menghadiri kursus-kursus strategik di dalam dan luar Negara.

Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama Datin Hartiah Hamzah dan telah dikurniakan seorang cahaya mata lelaki dan dua cahaya mata perempuan.



## Panglima Logistik mulai 1 Mei 2020

Mej Jen Dato' Md Fuad Abd Jalil dilahirkan pada tanggal 13 Ogos 1961 di Pontian, Johor. Beliau telah terpilih untuk menghadiri Kadet Universiti di Universiti Teknologi Malaysia dan telah ditauliahkan pada 26 Jul 1984 ke Kor Jurutera Elektrik dan Jentera Diraja.

Disepanjang hampir 39 tahun usia perkhidmatan, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) selain banyak menghadiri kursus-kursus strategik di dalam dan luar Negara.

Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama Datin Hamidah Daud dan telah dikurniakan lima orang cahaya mata.



## Panglima Latihan mulai 10 Jun 2020

Mej Jen Dato' Nazari Abd Hadi dilahirkan pada 15 Mac 1963 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau menyertai Tentera Darat pada 1 Mei 1981. Sepanjang 39 tahun perkhidmatannya, beliau telah memegang beberapa jawatan penting dalam TD dan kini sebagai Panglima Latihan Tentera Darat Ke-22

Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama Datin Rasilah Shaari dan dikurniakan tiga orang cahaya mata.



## Panglima 21 GGK mulai 20 Jul 2020

Mej Jen Datuk Jamaluddin Jambi dilahirkan pada tanggal 21 Apr 1962 di Simpang Pantai, Merlimau, Melaka. Beliau memulakan karier dengan menyertai latihan sebagai Pegawai Kadet pada tahun 1 Jul 1980 dan seterusnya ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 11 Apr 1981.

Sepanjang 38 tahun perkhidmatan beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) selain banyak menghadiri kursus-kursus strategik di dalam dan luar Negara.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Norliah Hj Ali serta dikurniakan dua orang cahaya mata lelaki dan dua orang cahaya mata perempuan.



## Panglima 10 Bgd Para mulai 1 Ogos 2019

Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki berasal dari Batu Pahat, Johor dan dilahirkan pada 9 Sep 1967 dan menceburialam ketenteraan pada 1 Okt 1985.

Di sepanjang hampir 35 tahun usia perkhidmatan, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting dalam Tentera Darat Malaysia (TDM) selain banyak menghadiri kursus-kursus strategik di dalam dan luar Negara.

Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan puan Hafzilah Mokmin serta dikurniakan empat cahaya mata dua lelaki dan dua perempuan.



# Peneraju Baharu KJLD



Oleh: Mej Adlin Adam

Gambar: Kpl Muhammad Affandi Mad Sapian

**KUALA LUMPUR:** Ketua Staf Tentera Darat, Mej Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi menyaksikan Majlis Serah Terima Tugas Pengarah JLJ di antara Pemangku Pengarah JLJ, Lt Kol Hasnan Mohamad Rais dengan Pengarah JLJ yang baharu, Kol Ir. Hj Khairul Said Mohd Ali di Pejabat Pengarah JLJ pada 6 Mei 2020.

Selain menyerahkan jawatan sebagai Pengarah JLJ, Pemangku Pengarah turut menyerahkan jawatan sebagai Pengurus Ragi Tentera Darat kepada Kol Ir. Hj Khairul Said Mohd Ali.

Kol Ir. Hj Khairul Said Mohd Ali merupakan Pengarah Operasi dan Logistik (J4) di Markas Angkatan Bersama (MAB) sebelum diberi kepercayaan meneruskan legasi kecemerlangan KJLD dengan memegang jawatan sebagai Pengarah JLJ Ke-16.

Turut hadir pegawai-pegawai kanan KJLD.

## Serah Terima Tugas Pengerusi KPD

**PERAK:** Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi KPD di antara Mej Jen Datuk Hj Hasim Jabar Pengerusi Ke-12 dan Mej Jen Meor Anuar Shuhaili Mohd Ramli Pengerusi Ke-13 yang telah diadakan di Wisma Perwira KPD pada 20 Jun 2020.

Majlis telah disaksikan oleh Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah dan Mantan Pengerusi KPD juga telah menyampaikan senaskah Majalah Khidmat Edisi Enam Tahun 2019 sebagai cendera kenangan kepada Timbalan Panglima Tentera Darat.

Turut hadir Mantan Asisten Ketua Staf Logistik Pertahanan MK ATM, Mej Jen Hj Abd Malik Hj Amid, Pengarah KPD, Brig Jen Ezani Abdullah, Ketua Staf Perkhidmatan PMBTD, Brig Jen Ab Aziz Mohd Sharif, dan Pegawai-Pegawai Kanan KPD. - **Sjn Mohd Hamdan Osman, Gambar : LKpl Mohd Farid Mazelan**



## Bengkel Sistem e-Kehakiman



**KUALA LUMPUR:** Seramai 60 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) KPTD telah mengikuti Bengkel Sistem e-Kehakiman anjuran Pejabat Provost Marsyal Tentera Darat bermula 30 Jun hingga 1 Jul 2020.

Tenaga pengajar yang terlibat semasa bengkel ini terdiri daripada Badan Kehakiman, Putrajaya dan Sel Mahkamah Tentera.

Bengkel ini merupakan medium dalam memperkenalkan Sistem e-Filing yang merangkumi Sistem e-Kehakiman dan memberi pendedahan mengenai tatacara permohonan dan penggunaan Sijil Digital e-Kehakiman selain memberi pendedahan kepada peserta bengkel mengenai tatacara pemfailan permohonan di bawah peruntukan Seksyen 174 Akta Angkatan Tentera 1972. - **Kapt Khairul Selamat, Gambar: Sel Operasi Pejabat Provost Marsyal Tentera Darat**



# Perintah Ulung PTD Ke-28

## Jen Datuk Zamrose Mohd Zain

### ■ Prinsip Pertama

#### Laksanakan Apa Yang Harus Dilakukan

Prinsip ini berkehendakkan setiap jawatan anggota mempunyai bidang tugas tertentu yang mesti dilakukan supaya sistem dan proses dalam organisasi berjalan lancar untuk mencapai misi yang ditetapkan.

### ■ Prinsip Kedua

#### Lakukan Apa Yang Dikatakan Akan Dilaksanakan

Setiap anggota perlu menentukan setiap kata itu dikotakan bagi menjana komitmen terhadap kesempurnaan dan kelangsungan tugas.

### ■ Prinsip Ketiga

#### Laksanakan Perkara Yang Betul

Pencapaian misi dan tugas serta tanggungjawab TDM sangat bergantung kepada keupayaan anggotanya melaksanakan perkara yang betul.

### ■ Tonggak Pertama

#### Kelangsungan Misi Dan Kesiagaan

Tonggak ini berorientasikan misi dan keupayaan untuk beroperasi serentak di dua wilayah berpandukan Kertas Putih Pertahanan (KPP). Keutamaan aset yang sesuai dengan keperluan kapasiti dan keupayaan siaga perlu dititikberatkan. TDM perlu meningkatkan keupayaan kuasa tembakan, mobiliti, komunikasi, siber dan logistik.

### ■ Tonggak Kedua

#### Memperkasakan Keutuhan Organisasi

Tumpuan bagi tonggak ini merangkumi Pengukuhan Profesionalisme, Pemerksaan Jati Diri, Pengukuhan Kesepaduan Angkatan, Pembudayaan Integriti Serta Nilai Etika dan Moral dan Pemantapan Tadbir Urus. Setiap lapisan pemerintahan dikehendaki untuk mengukuhkan profesionalisme anggota berfokuskan pencapaian keberhasilan kerja dan impak yang dikehendaki.

Kelangsungan tonggak kedua ini juga memerlukan pematuhan aspek integriti oleh setiap warga TDM. Setiap individu mesti mempunyai nilai-nilai kerohanian, moral dan etika, merangkumi pelaksanaan amanah dengan jujur, ikhlas, sabar, bebas rasuah, berlapang dada, telus, bertanggungjawab dan bersifat positif.



### Tonggak Ketiga ■

#### Pelestarian Kesejahteraan Warga

Tonggak ini tertumpu kepada Peningkatan Kualiti Hidup, Peningkatan Kemudahan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan Kediaman, Pengukuhan Kerohanian, Peningkatan Kemudahan Kesihatan, Pemerksaan Pendidikan serta Peningkatan Pengiktirafan.

Untuk mencapai tonggak ini, setiap pemimpin harus memberi komitmen terhadap kesejahteraan anggotanya, keluarga mereka dan komunitinya serta memberi penekanan terhadap aspek kesihatan fizikal dan rohani.

### Tonggak Keempat ■

#### Pengukuhan Perhubungan Pertahanan

Tonggak ini mustahak untuk memperkasakan komitmen melindungi kepentingan negara. Justeru, kerjasama dua hala serantau dan luar negara perlu diperkuuhkan.

TDM akan terus memanfaatkan kerjasama pertahanan dengan negara-negara sahabat melalui perkongsian maklumat, wacana pertahanan dan keselamatan, kerjasama sempadan, eksesais dan operasi bersama, latihan dan program peningkatan kapasiti serta lawatan kerja dan kunjungan hormat.

### Tonggak Kelima ■

#### Peningkatan Hubungan TDM Dengan Awam

Tonggak ini melibatkan Pengiktirafan dan Keyakinan Rakyat terhadap TDM. Bagi memperoleh pengiktirafan dan keyakinan diri, pemerintah perlu menjalin hubungan kerjasama dengan organisasi serta agensi pihak awam melalui *Civil-Military Cooperation (CIMIC)*.

Disamping itu TDM juga perlu memanfaatkan kerjasama dengan pihak kerajaan dan awam di dalam *Military Operation Other Than War (MOOTW)*.



**Oleh:** Sjn Nurulhaswani Ruzaini  
**Gambar:** Sjn Saiful Fazley Rusli, Pbt  
**Muhammad Shukri Suhaimi dan**  
**Saifun Hakimi Zainon**

**NEGERI SEMBILAN:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Datuk Zamrose Mohd Zain menyampaikan perintah ulung dan amanat beliau setelah dilantik menjadi PTD Ke-28 di Padang Kawad Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) pada 11 Jul 2020.

Sesuai dengan norma baharu serta pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) pencegahan COVID-19 yang ditetapkan, perbarisan kali ini dilakukan secara statik



dengan penjarakan anggota yang berbaris lebih jauh berbanding biasa.

Perbarisan statik ini terdiri daripada beberapa detasmen iaitu Detasmen Pegawai Kanan, Detasmen Tempur, Detasmen Bantuan Tempur, Detasmen Bantuan Khidmat, Detasmen 21 Grup



Gerak Khas (GGK), Detasmen 10 Bgd (Para) dan satu Detasmen Wanita.

Terdahulu PTD menerima tabik hormat dari ketua perbarisan, Komandan Akademi Tentera Darat, Brig Jen Khairul Anuar Abdul Aziz bersama anggota perbarisan yang





dianggotai seramai 257 pegawai dan 711 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP).

Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 berasaskan Tiga Prinsip dan Lima Tonggak (3P+5T) yang harus diperaktikkan oleh seluruh warga Tentera Darat Malaysia (TDM).

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Mohammad Ab Rahman, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi dan KS ATM, Lt Jen Dato' Pahlawan Redzuan Hj Baharudin dan pegawai kanan TD.





# HOSPITAL ANGKATAN TENTERA TUANKU MIZAN

Pengalurutan 152 3355-2000



# HAT TUANKU MIZAN BANTU RAWAT PESAKIT COVID-19

**U**saha Pakar Perubatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Hospital Angkatan Tentera (HAT) Tuanku Mizan bertungkus-lumus memutuskan rantai penyakit Pandemik Coronavirus 2019 (Covid-19) mengangkat teknologi dan kepakaran Kor Kesihatan Diraja (KKD), di mana ia berupaya

menjalankan ujian saringan covid setanding dengan beberapa hospital di negara maju.

Bagi mengetahui lebih lanjut ikuti wawancara **Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia, SSjn Vijay Gaundar Arikrishnan dan Pbt Muhammad Shafirin** memperincikan kejayaan Jabatan Patologi HAT Tuanku Mizan ini.

HAT Tuanku Mizan di Seksyen Dua, Wangsa Maju di sini sudah bersiap sedia untuk dijadikan Hospital merawat pesakit Covid-19 sekiranya diperlukan yang mana setakat ini hospital berkenaan diwartakan sebagai hospital yang tidak mengendalikan kes Covid-19 dan hanya membantu dalam menjalankan ujian sampel pesakit wabak itu.





**" HAT Tuanku Mizan juga telah menaik taraf dari segi keupayaan dalam mengkaji dari 90 sampel sehari sehingga 300 sampel sehari "**

Brig Jen (Dr) Ahmad Zakuan Kamarudin



Segala persiapan termasuk peralatan mengikut prosedur operasi standard daripada Kementerian Kesihatan telah disediakan, namun keputusan untuk menjadikan HAT Tuanku Mizan sebagai hospital merawat pesakit Covid-19 bergantung kepada kepimpinan tertinggi ATM dan situasi semasa penularan pandemik pada masa akan datang.

Secara amnya, wabak atau virus yang terbaru ini iaitu Virus Covid-19 telah memberikan impak yang besar pada negara yang mana penularannya merebak pada hujung tahun 2019. Virus ini pada awalnya pertama kali dikenal pasti pada bulan Dis 2019 di Wuhan, China dan mengakibatkan wabak yang terus berlanjut sehingga seluruh dunia terkesan akan virus ini. Kes yang disahkan pertama dijumpai pada 17 Nov 2019. Virus telah dijumpai di air sisa yang dikumpulkan dari Milan dan Turin pada 18 Dis 2019. Sehingga 24 Jun 2020, lebih dari 9.23 juta kes telah dilaporkan di 188 negara dan wilayah, mengakibatkan lebih dari 476,000 kematian.

Berbalik kepada tanggungjawab yang perlu dilaksanakan HAT Tuanku Mizan bagi menangani virus Covid-19, ketika ini hospital dan makmalnya beroperasi 24 jam dengan kekuatan 50 anggota pada satu-satu masa yang mana peranan HAT Tuanku Mizan lebih kepada membantu Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan hospital sekitar dalam merawat pesakit kategori kecemasan.

HAT Tuanku Mizan hanya menjalankan saringan dan ujian calitan kepada pesakit serta merujuk mereka yang positif ke HKL atau Hospital Sungai Buloh untuk rawatan selanjutnya. HAT Tuanku Mizan turut membantu makmal sedia ada dalam pengujian dan pengesahan sampel pesakit Covid-19.

Menurut Ketua Jabatan Pakar Patologi, Brig Jen (Dr) Ahmad Zakuan Kamarudin, HAT Tuanku Mizan juga telah menaik taraf dari segi keupayaan dalam mengkaji dari 90 sampel sehari sehingga 300 sampel sehari. Selain itu, HAT Tuanku Mizan juga telah mendapat bantuan anggota dari Rumah Sakit Angkatan Tentera Port Dickson, Langkawi dan Sungai Petani. Anggota ini telah terbahagi kepada empat kumpulan iaitu satu pegawai dan enam anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dalam mengkaji sampel-sampel yang dihantar ke unit Patologi HAT Mizan.

Unit Patologi juga beroperasi 24 jam untuk memproses sampel darah yang diterima oleh pihak hospital. Keseluruhan sepanjang saringan yang telah dijalankan di hospital ini, sebanyak 43 orang disyaki positif iaitu anggota seramai 18 orang manakala ahli keluarga terdekat seramai tiga orang dan selebihnya adalah orang awam.

## KEPAKARAN TD

Hospital ini juga turut mengamalkan *Standard Operation Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Latihan formal dari makmal kesihatan awam Sungai Buloh sama standard dengan WHO. Dua minggu setelah makmal dibuka, HAT Tuanku Mizan telah menerima sampel dan ujian *Polymerase Chain Reaction* (PCR) yang mana berjalan melalui dua langkah iaitu pertama *Screening* proses yang bertujuan mengesan sampel adakah keputusan positif ataupun negatif seterusnya kedua adalah *Confirmation* iaitu bahagikan dua Gen, E Gen dan R Gen.

Pada bulan Apr, sebanyak 4000 sampel dalam sebulan diterima untuk dibuat penyelidikan makmal dan pada bulan Mei pula sebanyak 1000 sampel manakala pada bulan Jun hanya 909 sampel diterima. Penerimaan sampel yang berkurangan ini kerana kes-kes sudah menurun. Selain itu, HAT Tuanku Mizan turut meminjamkan peralatannya ke 96 Hospital Angkatan Tentera Lumut bagi di guna pakai dalam membuat penyelidikan makmal.

Selain itu, HAT Tuanku Mizan telah membuat perancangan mewujudkan makmal saringan di Kota Kinabalu disebabkan Sabah dan Sarawak tiada lagi bantuan dalam membuat penyelidikan COVID-19.

HAT Tuanku Mizan telah menetapkan beberapa langkah-langkah bagi pesakit untuk ujian saringan iaitu doktor yang bertugas perlu memohon borang buat pesakit, sama ada anggota mahupun pesakit luar membuat ujian saringan di kecemasan ataupun di klinik. Seterusnya, pesakit akan menjalani ujian mengikut prosedur dalam borang iaitu ujian darah dan air kencing.

Namun begitu, pesakit Covid-19 akan menjalani proses *swab* iaitu cara untuk mendapatkan sampel yang digunakan dalam *Metode PCR*. Pemeriksaan *swab*

menggunakan sampel lendir yang diambil dari dalam hidung atau kerongkong seseorang. Sampel lendir yang diambil dengan *Metode Swab* akan diperiksa menggunakan *Metode Polimerasi Chain Reaction* (PCR).

Menurut Pakar Patologi, Brig Jen (Dr) Ahmad Zakuhan Kamarudin, Makmal Patologi akan menjalani proses *Sorting* dan *Extraction* bagi mengasingkan setiap sampel. Label dan nama pesakit akan dibuat melalui tabung yang telah diterima manakala proses *Sorting* dan *Extraction* bertujuan membunuh virus (*Viral Inactivation*) yang memakan masa selama lapan jam setelah proses PCR selesai.

Namun HAT Tuanku Mizan telah mendapat jalan penyelesaian mengurangkan tempoh masa bagi proses PCR dengan cara proses pemanasan (*Heating*) menggunakan suhu 30 darjah celsius. Ianya dapat menjimatkan masa proses PCR selama satu jam setelah enzim dicampurkan bagi tujuan memecahkan virus.

"Proses *Sorting* dimulakan dengan mencampurkan enzim ke dalam sampel dan seterusnya akan ke proses *inactivation* iaitu membunuh virus dan terus ke proses *Extraction* melibatkan dua langkah *Research and Analysis* (R&A) dan *Development and Analysis* (D&A) menggunakan cara manual dengan membuat ujian sebanyak 80 sampel dalam masa tiga jam.


"Kajian penyelidikan ini memberikan cabaran dalam hasil uji kaji iaitu tidak boleh terkena cahaya yang tinggi. Mesin PCR adalah langkah yang terakhir untuk



mendapatkan hasil keputusan mengenai COVID-19 dan ia memainkan peranan dalam mengenal pasti virus melalui draf yang akan dipaparkan pada skrin sama ada positif mahupun negatif.

"Unit Patologi telah membantu mengeluarkan keputusan sampel dari makmal melalui darah dan tabung yang telah diterima.

"Keputusan untuk pesakit yang telah disaring akan dimaklumkan kepada doktor awam bagi pesakit awam manakala bagi anggota akan disalurkan ke talian Mindef.net untuk rujukan keputusan semasa bagi mengetahui keputusan ujian COVID-19," kata Brig Jen (Dr) Ahmad Zakuhan Kamarudin.



mereka. Ia paling mudah berjangkit pada tiga hari pertama setelah bermulanya gejala, walaupun penyebarannya mungkin berlaku sebelum gejala muncul dan dari orang yang tidak menunjukkan gejala.

Beliau juga menyatakan bahawa Kaedah *Standard Diagnosis* digunakan ketika tindak balas rantai *Polimerase Transkripsi Terbalik* dari *Swab Nasofaring*. Pada masa sama pengimejan CT dada juga berguna untuk diagnosis pada pesakit jika terdapat kecurigaan terhadap jangkitan berdasarkan gejala dan faktor risiko.

"Selain itu, langkah-langkah yang disyorkan untuk mencegah jangkitan termasuk mencuci tangan dengan kerap, menjaga jarak fizikal dari orang lain, kuarantin, memakai pelitup mulut dan menjauhkan tangan yang tidak dicuci dari muka.

"Penggunaan pelitup muka kain seperti selendang telah disyorkan oleh pegawai kesihatan di tempat awam untuk meminimumkan risiko penularan dan topeng muka bertaraf perubatan, seperti topeng N95, hanya boleh digunakan oleh pekerja kesihatan, responden pertama dan mereka yang secara langsung merawat individu yang dijangkiti," jelasnya mengakhiri perbualan.

Mengimbang sejarah penubuhan HAT Tuanku Mizan, hospital ini merupakan salah satu hospital yang termoden dan selesa berbanding dengan hospital kerajaan yang ada di negara ini. Dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada bulan Ogos 2009. Hospital rujukan utama (*3rd level*) bagi ATM dan pusat rujukan kebangsaan untuk perubatan ketenteraan. Hospital ini terletak di atas kawasan seluas 40 ekar di Wangsa Maju dan boleh menampung 347 pesakit serta ditadbir oleh Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, MK ATM.



Tambah beliau, masa pendedahan jangkitan hingga permulaan gejala COVID-19 sekitar lima hari, tetapi berkemungkinan aktif antara dua hingga empat belas hari. Virus ini mudah dijangkiti semasa hubungan dekat melalui titisan kecil air yang dihasilkan oleh batuk, bersin dan bercakap.

Titisan kecil air biasanya jatuh ke tanah atau ke permukaan lalu bergerak melalui udara. Walau bagaimanapun, penyelidikan pada bulan Jun 2020 telah menunjukkan bahawa titisan kecil air yang dihasilkan oleh pertuturan boleh terus disebarluaskan selama berpuluhan-puluhan minit.

Pesakit mungkin dijangkiti dengan menyentuh permukaan yang tercemar dan kemudian menyentuh wajah

Pelbagai kemudahan terdapat di hospital ini seperti unit Pengimejan Diagnostik, iaitu memudahkan pesakit yang mengalami patah ataupun sakit dari bahagian dalam untuk mendapat rawatan. Pesakit juga boleh ke Unit Fisioterapi bagi tujuan mendapatkan rawatan yang dikenyalikan oleh Jurupulih yang berwibawa.

HAT Tuanku Mizan turut memberi perkhidmatan dalam menangani masalah pernafasan membabitkan paru-paru dan kahak, kecederaan ketika bersukan, ligamen terluka dan kecederaan otot, patah dan terseliuh. Disamping itu ianya turut memberikan rawatan berkenaan ketidakupayaan seperti *Palsy* dan *Distrofi* otot, masalah sakit sendi, tulang belakang dan leher, persediaan sebelum dan selepas pembedahan, manipulasi tisu lembut serta Elektroterapi bagi mengurangkan sakit, Bengkak, selain mempercepatkan proses penyembuhan.

Oleh yang demikian, HAT Tuanku Mizan dengan multi disiplin kepakaran dan Sub kepakaran dalam bidang tertentu patut dibanggakan oleh semua warga ATM. Ini kerana ketika negara sedang sukar menghadapi COVID-19, HAT Tuanku Mizan telah menaikkan nama dan imej TD amnya dan ATM khasnya.

Isu COVID-19 sedikit sebanyak membuktikan kepada netizin bahawa tentera kita sentiasa bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan sama ada berhadapan dengan musuh yang dapat dilihat atau musuh yang tidak dapat dilihat.

Dengan bantuan kepakaran dari HAT Tuanku Mizan dapat meringankan beban yang ditangung oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Secara tidak langsungnya Pakar Perubatan ATM di Hospital Tuanku Mizan turut sama bertungkus-lumus memutuskan rantaian COVID-19 dan ini mengangkat teknologi dan kepakaran KKD, di mana ia berupaya menjalankan ujian saringan COVID-19 setanding hospital di negara maju.

# Kehidupan Berubah Dalam *Dunia Fotografi*

**K**ejayaan dan kecemerlangan sekiranya tidak dirangi dengan pengalaman, tekad jati diri, usaha, modal serta minat yang bersungguh-sungguh pasti tidak akan nampak hasilnya. Kejayaan bukan datang bergolek, bahkan ia mesti disusuli dengan iltizam yang tinggi demi mencapai cita-cita yang disasarkan.

Perkara ini jelas terbukti apabila seorang bekas tentera iaitu PW I (B) Shamsul Kamal Hj Zakaria mampu bersaing dan berdiri sama tinggi sebaris dengan usahawan-usahawan yang berjaya pada masa kini. Bagi mengetahui lebih lanjut ikuti **Wawancara Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM), Pbt Mohammad Shukri Suhaimi dan Jurugambar Sjn Saiful Fazley Rusli dengan PW I (B) Shamsul Kamal Hj Zakaria** yang telah berjaya dalam bidang usahawan fotografi dengan memiliki syarikat fotografi sendiri iaitu Shamsul Kamal (SK) Creative Resources.

Anak kelahiran Kuala Nerang, Kedah ini sememangnya di usia remaja begitu meminati bidang ketenteraan dan fotografi sehingakan membuat satu pilihan yang menjadi titik permulaan dalam hidupnya dengan menjadikan bidang ketenteraan sebagai kerjaya pilihan. Pada sekitar





PW I Shamsul Kamal Hj Zakaria (Bersara)

## SUDUT INSPIRASI

tahun 1987, berbekalkan minat, semangat dan kecekalan beliau mula menjalani latihan ketenteraan di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA), Port Dickson selama enam bulan untuk membentuk diri dengan asas ketenteraan.

Setelah tamat menjalani latihan, beliau terpilih memasuki kor Rejimen Askar Melayu Diraja dan pasukan pertamanya ialah 23 RAMD di Ipoh Perak selama dua tahun. Detik awal permulaan beliau sebagai jurufoto bagai sudah tertulis dan dari situ lah minatnya mulai timbul apabila PW I (B) Shamsul Kamal di tugaskan di Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP). Beliau telah bertukar kor dari RAMD ke Kor Risik Diraja (KRD) pada tahun 1992 lalu dihantar berkursus dalam bidang fotografi serta berjaya memiliki Sijil Asas Fotografi, *Combat Intelligence Photography* dan



Sijil Fotografi Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Tidak mensia-siakan peluang yang ada, beliau melanjutkan pengajian peringkat tertinggi ketika masih dalam perkhidmatan dan berjaya memperolehi *Diploma Creative & Imaging Photography* serta mendapat Anugerah Best Student Award di UiTM Shah Alam pada tahun 2005.

Ekoran daripada itu, beliau telah mula untuk berkecimpung dengan lebih serius dalam dunia fotografi dengan berbekalkan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi sepanjang 25 tahun berkhidmat dalam dunia ketenteraan. Beliau telah memulakan langkah dengan menubuhkan Syarikat SK *Creative Resources* selepas persaraannya di mana syarikat tersebut berperanan dalam menguruskan Kursus/Bengkel Asas dan Lanjutan Fotografi kepada yang berminat sama ada pihak awam maupun swasta.

Selain memainkan peranan sebagai tenaga pengajar, beliau juga telah mendapat pentaulahan sebagai Pakar Industri (PIND), dan kini turut dilantik sebagai Panel Penilai Pentaulahan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) serta aktif dalam fotografi landskap. Beliau telah membabitkan diri dan memegang jawatan sebagai seorang Timbalan Presiden sebelum diangkat sebagai Presiden Angkatan Senifoto Wilayah Persekutuan (ASFON WP) dari tahun 2010 sehingga tahun 2015.

Syarikatnya yang memiliki pekerja seramai 14 orang krew juga berkelayakan menjadi panel penilai dan turut menghasilkan foto bagi majlis konvolesyen di sekitar Zon Utara, Zon Tengah, Zon Timur dan Putrajaya. Justeru, syarikat ini sentiasa menghantar wakil untuk menyertai pertandingan fotografi bagi mempamerkan bakat dan kemahiran mereka supaya mendapat pengiktirafan daripada pihak jabatan kerajaan dan syarikat swasta.

Menyingkap kembali peristiwa jatuh bangun sepanjang pengalamannya mencebur i bidang fotografi, beliau pernah kerugian semasa menjalankan perniagaan dengan membangunkan Pusat Tauliah Fotografi yang pertama di Malaysia seawal persaraannya.

Dengan tekad untuk berjaya, beliau telah mengeluarkan modal sekitar RM30,000 hasil duit penceh tentera untuk membangunkan Pusat Tauliah Fotografi tersebut. Namun, perkongsian perniagaan tersebut gagal apabila beliau mengalami kerugian yang teruk. Beliau tidak pernah berputus asa di atas kegagalan tersebut dan hingga kini atas berkat kesabaran serta usaha yang gigih beliau kembali stabil dalam syarikat yang dimilikinya sekarang.

Kini beliau boleh menarik nafas lega dengan hasil yang memberansangkan oleh syarikatnya yang pada awal penubuhannya kurang mendapat sambutan.

Zaman kegemilangan syarikat ini bermula apabila menerima tawaran daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan memperoleh keuntungan sebanyak RM18,000 buat pertama kali dan sehingga kini semakin mendapat tawaran dari pelbagai agensi yang memerlukan perkhidmatan syarikatnya.

Mengimbang keperibadiannya, sepanjang penglibatan beliau dalam bidang fotografi dari tahun 2001 sehingga sekarang, banyak koleksi anugerah dan pencapaian yang diterima olehnya. Kejayaan pertama yang berjaya beliau kecapai adalah seawal tahun 2001 apabila dinobatkan sebagai Johan dan dalam Pertandingan Fotografi Majalah BTDM.

Selain itu, antara kejayaan terbesar beliau adalah merangkul tempat pertama dalam *Open Photography Competition Festival Landscape* (2006), dinobatkan Johan dalam Kategori Jurugambar Tentera Terbaik (2007) Anugerah Media Pertahanan, Johan dalam Pertandingan Fotografi ICAKL (2017).

Beliau juga pernah menerima Pingat Ahli Mahkota Wilayah kerana berkecimpung dalam Pengiat Seni Fotografi dan sebagai Presiden Angkatan Senifoto Wilayah Persekutuan ASFON WP yang disokong oleh Menteri Kebudayaan dan Kesenian Warisan, Datuk Sri Dr Rais Yatim.

Secara zahirnya beliau bukan sahaja seorang yang peramah, malah seorang yang berfikiran jauh dan sentiasa bersikap rendah diri dengan orang di sekelilingnya. Sikap beliau ini ternyata disenangi dan disukai oleh semua pihak yang berada disampingnya.

Apabila ditanya berkenaan amalan rahsia yang



dilakukannya untuk menjadi jurugambar profesional, beliau menjawab, seorang jurufoto perlu faham tentang peraturan dan prisip asas fotografi supaya gambar yang dihasilkan lebih menarik dan kreatif. Di samping itu, antara perkara yang selalu menjadi amalan jurufoto profesional sebelum ke lokasi ialah melakukan carian karya-karya tersohor di internet untuk dijadikan bayangan atau sebagai penghayatan seni.

Sebelum mengakhiri perbualan beliau berharap kepada anggota tentera yang bakal bersara nanti dapat membuat persediaan yang rapi untuk bersaing dengan dunia luar.

"Saya ingin berpesan kepada bakal-bakal pesara agar berani mencuba sesuatu yang selari dengan minat dan yakin pada diri sendiri dalam membuat sesuatu keputusan melibatkan masa depan diri sendiri serta keluarga."

"Ini kerana ramai pesara yang berjaya dalam perniagaan yang diceburi dan ramai juga pesara yang mengalami kesempitan hidup setelah bersara."

"Apa yang penting selepas bersara adalah fikir keperluan utama untuk diri dan keluarga terlebih dahulu sebelum merancang melakukan sebarang perniagaan dan pada usahawan di luar sana, jika ada rezeki yang lebih jangan lupa membayar zakat dan membantu orang yang memerlukan jika ingin mendapat rezeki yang berkat," jelas beliau.



**SHAMSUL KAMAL HJ ZAKARIA (PW 1 Bersara)**  
ANMM PJM PmBB (Retired) PPS PPA HAD

**Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (25 Tahun)**  
Pusat Latihan Tentera Darat, Port Dickson (1987)  
Bravo Kompeni, 23 RAMD/Pejabat Risik 23 RAMD (1987-1989)  
Risik 3, BSPP (1989-1999)  
MALCON V SFOR Bosnia Herzegovina (1997- 6 bulan)  
Cawangan Risk Markos 12 Brg (1999-2001)  
Sel ICI Cawangan Risk/UITM Shah Alam (2001-2005)  
Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM), (2005-2006)  
Geolt, Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (2006-2010)  
PULARIS/Rolej Perisikan ATM (2010-2012)

**Pencapaian Akademik**

Sijil Asas Fotografi, BSPP-Kementerian Pertahanan (1989)  
Combat Intelligence Photography, BSPP, Kementerian Pertahanan (1992)  
Sijil Fotografi IKBN, Kuala Kubu Bharu (1996)  
Diploma Creative & Imaging Photography, UITM Shah Alam (2005)

**Pencapaian Pendidikan Teknikal & Latihan Vokasional (TVET)**

Diploma Pengurusan Vokasional (VTE) (2016)  
Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) - Fotografi (2017)  
Diploma Lanjut Kemahiran Malaysia (DLKM) - Fotografi (2017)  
Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) - Percetakan (2018)

**Personel Lanjutan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)**

Kementerian Sumber Manusia  
Pakar Industri (PINI), 2012 - Sekarang  
Panel Penilaian Khas PERHEBAT  
Pegawai Penilaian (PP-PPT)  
Pegawai Pengesah Luaran (PPL)  
Pegawai Pengesah Luaran (PPL-PPT)  
Pegawai Pengesah Luaran (PPL-SLDN)



# ***BERSAMA PELURU SEPANJANG HAYAT***

**S**udah menjadi kelaziman setiap anggota tentera yang berkhidmat sekitar tahun 70-an menyimpan pelbagai kenangan pahit manis yang mengusik jiwa. Suka duka ketika mengharungi pahit getir di perbatasan turut meninggalkan kesan yang mendalam ke atas sesetengah anggota tersebut.

Kita patut bersyukur dengan segala pengorbanan dan perjuangan anggota keselamatan terdahulu, sama ada yang masih hidup ataupun yang gugur di medan pertempuran kerana tanpa mereka kedamaian dan kemakmuran yang kita kecapa kini tidak akan kita rasai. Janganlah kita alpa atau lalai dibuai dengan arus kemajuan yang kita rasa selamat sampai bila-bila.

Namun segala-galanya belum pasti, jika generasi kita semakin alpa dengan sejarah serta tidak bersemangat untuk menilai erti perjuangan dan pengorbanan yang menggadaikan nyawa dan harta benda. Negara akan hancur jika kita asyik dengan keseronokan dan tidak mengerti maksud sebenar kebebasan yang hakiki dari segi diri, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara.



SSjn Hj Zabaruddin Harun (Bersara)





Sebagai pengajaran dan sumber inspirasi kepada generasi kini, ikuti **wawancara Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM) Sjn Nurulhaswani Ruzaini dan Jurugambar, Pbt Mohammad Shukri Suhami mewawancara SSjn Hj Zabaruddin Harun (Bersara)**, 71 yang pernah bertempur dengan penganas komunis suatu ketika dahulu.

Masih teringat di ingatan SSjn Hj Zabaruddin Harun (B) detik-detik yang mencemaskan ketika beliau ditembak komunis tanpa disedari.

“Pang, bunyi satu letupan yang tidak berapa kuat di dengari.

“Mat kau dengar tak bunyi tu, macam letupan dari senapang la. Aku tak sedap hati la,” ujar Zabaruddin kepada sahabatnya.

“Tiada apa-apa la Din,” perasaan kau saja tu, jom kita teruskan perjalanan, jangan fikir yang bukan-bukan Din.

“Apabila saya melangkah untuk mengelak daripada urat pokok kayu di hadapan terdengar bunyi letupan yang tidak berapa kuat seterusnya saya bertanya kepada rakan sebelah untuk mengetahui bunyi tersebut. Namun kawan saya mengatakan tiada apa-apa berlaku dan saya meneruskan langkah sehingga lebih kurang 10 minit badan terasa amat letih sehingga tidak bermaya,” katanya.

Akibat keletihan, beliau merasakan peluh telah memenuhi baju dipakai lalu meninggalkan tali pinggang bagi membuka baju untuk membuang peluh. Setelah tali pinggang dilepaskan, rupanya yang keluar adalah darah yang penuh di dalam baju.

“Saya terus memaklumkan kepada rakan sebelah sehingga mereka menjadi agak panik dan mencari perlindungan di mana langkah-langkah keselamatan operasi mesti didahului barulah membantu kawan yang tercedera,” jelasnya.

Tambahnya lagi, oleh kerana ia kawasan operasi maka bantuan untuk mendekatinya memakan masa agak lama, waktu itu hanya Tuhan sahaja yang tahu apabila peluru menyerap keseluruhan darah dan sendi, sakitnya tidak dapat digambarkan sehingga beliau hanya memikirkan akan menemui ajalnya disitu.

“Apabila kawasan dikenal pasti selamat, barulah bantuan tiba seterusnya saya diberi suntikan ubat dan diusung untuk merapati sungai mendapatkan bantuan menggunakan bot.

“Bantuan daripada helikopter tidak dapat dihantar kerana kawasan operasi tersebut terdapat halangan.

“Saya diusung dan berjalan dalam hutan dengan keadaan badan yang cedera.

“Luka serta bisa peluru bertambah kuat dan saya merasakan seluruh badan seperti ditikam dan terasa amat sakit walaupun telah diberikan suntikan awal sehingga saya dibawa ke hospital.

Peristiwa ini bermula apabila Kompeni Alpha daripada pasukan 1 RAMD diarahkan bergerak ke Balai Ringin, Sarawak untuk membuat operasi OPS LADA PEDAS di Sg Nowah, Sibu, sekitar tahun 1970. Memandangkan hanya satu kompeni sahaja yang ditugaskan di Sarawak, beliau dan kesemua anggota yang berkeluarga tidak membawa keluarga masing-masing.

Beliau jarang sekali mengikuti operasi untuk menghapuskan penganas komunis di Sarawak yang dikenali sebagai Parti Komunis Kalimantan Utara (PARAKU) di Sabah dan Sarawak ketika itu. Ini disebabkan beliau aktif dalam sukan Sepak Takraw dan mewakili pasukan 1 RAMD, Brigid, Divisyen dan peringkat Tentera Darat (TD).

“Saya agak lama tidak diarahkan terlibat dalam operasi kerana aktif bersukan dan setelah berjumpa dengan Ajutan Pasukan ketika itu, saya seperti dilahirkan semula kerana tiba-tiba hadir satu perasaan yang penuh semangat kerana diarahkan untuk terlibat dalam operasi.

Menurut beliau, setelah dipersebutujui oleh Ajutan pada 10 Dis 1970, beliau digerakkan dengan menaiki bot daripada 3 Bgd menyusuri Sg Rejang bersama satu kompeni untuk membuat tugas pembersihan kawasan berhampiran Sg Nowah. Sampai di kawasan operasi, satu kompeni digerakkan dalam satu barisan melintang dengan jarak setiap seorang lebih kurang dua meter sebelum beliau terkena tembakan penganas komunis selepas 10 minit operasi dilaksanakan.

“Maklumat menyatakan terdapat kesan jejak lima ke enam orang penganas dengan dapur makanan masih lagi panas yang baharu sahaja ditinggalkan namun dengan keadaan satu barisan kompeni yang panjang dan set perhubungan terhad ianya tidak sampai ke pengetahuan saya, dan berlakulah pertempuran ketika itu,” jelasnya.

Operasi tersebut berjaya membunuh seorang penganas komunis dan beliau bernasib baik kerana sewaktu tembakan oleh komunis ke arah beliau, peluru terlebih dahulu

## SUDUT PENGORBANAN

mengenai kelopak dan udi senjata. Kejadian tersebut membuatkan dirinya cedera dan nyawa beliau masih panjang lagi ketika itu.

Setelah keadaan kembali selamat, beliau diberikan rawatan awal dan terus dibawa menaiki bot. Ketika di dalam bot untuk penarikan keluar ke hospital, beliau terdengar doktor mengatakan dirinya sudah tiada harapan untuk hidup disebabkan kehilangan darah yang banyak. Beliau merasakan ajalnya sudah tiba dan hanya berserah kepada takdir ketika itu.

Namun nyawanya masih panjang, setelah tiba di hospital, pembedahan dilakukan tetapi hanya enam butir peluru dapat dikeluarkan manakala sebutir lagi terus tertanam di antara celah-celah tulang belakangnya. Sebanyak 131 jahitan menjalar di tubuhnya apabila peluru selamat dikeluarkan.

"Doktor yang melakukan pembedahan menyatakan agar jangan sesekali peluru tersebut dikeluarkan kerana risiko kemungkinan saya akan lumpuh sehingga ke akhir hayat.

"Peluru tersebut masih menjadi kenangan dan semangat untuk saya terus berjuang dan saya menyeru kepada seluruh warga tentera dan rakyat Malaysia agar sentiasa bersiap sedia sebilang masa mempertahankan kedaulatan tanah air tercinta," nasihatnya.

Beliau bersyukur, ajalnya belum sampai dan dikurniakan Allah kes-



hatan hingga ke hari ini untuk terus menyampaikan erti perjuangan demi bangsa dan negara setelah 22 tahun berkhidmat dan bersara pada 5 Okt 1990.

Mengimbah keperibadinya, beliau memulakan kerjaya ketenteraan pada 4 Jul 1968 dan menjalani latihan rekrut di Port Dickson selama enam bulan. Setelah tamat latihan, beliau diserapkan ke Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD)

yang berpengkalan di Mentakab, Pahang pada ketika itu.

Beliau yang diletakkan di dalam Kompeni Alpha membuat tugas sebagai anggota Repal. Banyak penglibatan operasi dalam menghapuskan pengganas komunis disertainya terutama di sekitar Perak, Pahang dan Kelantan. Namun, tiada kejadian yang tidak diingini berlaku. Pada awal tahun 1969, beliau bertemu jodoh dengan Hjh Faridah dan dikurniakan tiga orang cahaya mata kesemuanya lelaki.



"Begitulah sejarah dan detik semangat untuk saya terus berjuang yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit dan sebagainya hingga nyawa tidak tahu bila akan terpisah dari pada jasad hanya Allah yang menentukan segalanya ketika itu," jelasnya.

Sebelum mengakhiri perbualan, beliau menasihati generasi kini yang berbilang bangsa agar bersatu padu mempertahankan kemakmuran

bumi Malaysia yang berdaulat dan tercinta, serta bersaing dengan cara yang sihat demi memajukan diri, keluarga, bangsa dan negara untuk kebaikan selamanya.

"Sebagai rakyat Malaysia, saya bersyukur dan terus berbangga serta berdoa agar negara terus aman makmur, aman damai bersatu padu walaupun berbilang bangsa dengan satu tekad agar negara kita tidak dijahah semula," tegasnya.

Di samping segala apa dilalui semasa dalam perkhidmatan tentera, beliau kini turut menjadi inspirasi kepada bakal-bakal pesara tentera yang ingin berkongsi pengalaman dan kejayaan yang dapat mengubah hidup dengan selesa walaupun dengan hanya berpelajaran rendah sahaja.

Beliau kini boleh berbangga dengan kejayaan yang dimilikinya di mana anak-anak beliau semua berkelulusan universiti dan beliau sendiri menjadi Pengarah Urusan Syarikat E-Nabah Consultant & Management Services

Sdn. Bhd di alamat No, 16, Jalan Seri Putra 1/5 Bandar Seri Putra 43000 Kajang, Selangor.

Kejayaan yang dilalui sekarang bukanlah semudah yang disangka-skan yang mana sebelum melakar kejayaan, beliau menempuh pelbagai liku dan rintangan untuk berjaya dan memakan masa yang lama.

Di akhir pertemuan bersama wartawan BTDM, beliau sempat memberi nasihat agar seluruh warga tentera dan masyarakat Malaysia mestilah ada titik noktah dalam kehidupan yang membuatkan semangat untuk berjaya.

"Tidak kira kita berpendidikan tinggi ataupun rendah, perkara yang penting ialah usaha yang berterusan di samping bersyukur dengan nikmat Tuhan yang memberikan kita rezeki.

"Nilai-nilai perjuangan tersebut dalam sanubari untuk semua bangsa sama-sama mempertahankan tanah air tercinta dari diganggu-gugat oleh musuh-musuh negara dan sebagai anggota tentera semangat untuk berjuang janganlah luntur dengan arus kemajuan.

"Sejarah serta pengalaman anggota tentera terdahulu dijadikan panduan agar generasi tentera sekarang lebih hormat-menghormati, sayang kepada

pasukan dan organisasi, berdisiplin tinggi serta sentiasa maju dengan arus kemodenan," nasihatnya.

Tambahnya lagi, beliau berharap generasi baharu dan akan datang bangunlah daripada keseronokan yang merugikan dan melalaikan hingga terlupa musuh-musuh negara baik yang nyata atau tersembunyi sentiasa bersiap sedia untuk menjajah semula Malaysia.

Sejarah dan detik-detik semangat untuk beliau terus berjuang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit.

Baginya hanya Tuhan yang menentukan segalanya dan generasi sekarang tidak merasai apa-apa pengorbanan dan perjuangan kecuali mereka yang masih hidup atau yang terkorban demi kemakmuran dan kesenangan yang kita nikmati hingga ke hari ini.

"Namun sebagai rakyat Malaysia, saya bersyukur dan terus berbangga serta berdoa agar negara terus makmur, aman damai dan bersatu padu dalam berbilang bangsa dengan satu tekad agar negara kita tidak dijajah semula," tegasnya dengan bersungguh-sungguh.



**"Luka serta bisa peluru bertambah kuat dan saya merasakan seluruh badan seperti ditikam dan terasa amat sakit walaupun telah diberikan suntikan awal sehinggalah saya dibawa ke hospital"**





# PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT TENTERA DARAT (PUSTEKMA TD)

## PUSTEKMA TD Pemangkin ICT TD

Setiap organisasi tidak kira sektor awam atau swasta pasti mempunyai bahagian yang akan membangunkan sesuatu sistem maklumat berkomputer bagi menaikkan imej sesebuah organisasi tersebut. Begitulah juga yang terdapat di dalam organisasi Tentera Darat (TD) yang mana bahagian atau pasukan ini akan mereka bentuk dan membangunkan sistem-sistem maklumat berkomputer yang diperlukan oleh TD dari semasa ke semasa.

Organisasi yang dimaksudkan ini ialah oleh Pusat Teknologi Maklumat Tentera Darat (PUSTEKMA TD) di mana tugas dan tanggungjawab PUSTEKMA TD juga membuat penyelidikan dan perancangan mengenai perkembangan teknologi maklumat untuk disesuaikan dalam persekitaran TD khasnya dalam aspek pembangunan infrastruktur teknologi maklumat.

Bagi mengetahui lebih lanjut lagi peranan dan tugas utama PUSTEKMA, ikuti **Wawancara Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM)** Kpl Ainur Aisyah Yahaya bersama Jurugambar BTDM, Pbt Mohammad



Kol Rosli Maarof

### Fadzil Akirul mewawancara Pengarah PUSTEKMA TD, Kol Rosli Maarof.

TD mula menggunakan Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) atau lebih dikenali sebagai *Information Communication and Technology* (ICT) semenjak 1970an berdasarkan keperluan perkhidmatan dengan tanpa garis panduan yang jelas dalam perolehan infrastruktur TMK.

Cabarannya perkembangan yang pesat dalam bidang ICT dan era globalisasi memberi kesan pengwujudan sistem

maklumat yang bertindih pada pelayan (*server*) dan platform sistem pengkhidmatan yang tidak ada pernyeragaman serta pelarasan dalam perolehan sistem-sistem baru.

Matlamat utama Pelan Strategik ICT TD ialah mewujudkan satu pelan yang menyeluruh dan konkret untuk mencapai Misi dan Visi ICT yang telah ditetapkan selaras dengan dasar Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) iaitu ke arah pengwujudan satu *learning organization* dan *knowledge based culture* seterusnya



ke arah kecemerlangan K-TD (K-Army).

Penyeragaman infrastruktur dan aplikasi, penyelarasan penggunaan ICT adalah sejajar dengan garis panduan ditetapkan oleh MAMPU supaya ianya selaras dengan keperluan agenda nasional projek Multimedia Super Corridor (MSC) dan pelaksanaan projek Electronic Goverment (EG) supaya TD tidak menghadapi sebarang masalah ketika projek pengkomputeran EG dilaksanakan ataupun diintegrasikan dengan sistem-sistem di Kementerian itu kelak.

### Sejarah Penubuhan

Pusat Teknologi Maklumat Tentera Darat atau lebih dikenali sebagai PUSTEKMA TD telah ditubuhkan pada

## PROFIL PASUKAN



bulan Apr 1984. Ketika itu ia dikenali sebagai Sel Komputer TD yang merupakan Cawangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CTMK) TD bagi mengurus dan mengendalikan perlaksanaan projek pengkomputeran TD.

Ketika itu ia hanya dianggotai oleh tiga orang Kapten dan tiga anggota Lans Koperal sahaja di bawah pentadbiran DTD-Tadbir atau dikenali MKTD-CSM. Tanggal 23 Jan 1986, pentadbiran sel ini telah ditukarkan dan diambil alih oleh pentadbiran MKTD-Sek yang telah diputuskan oleh JKPTD.

Pada 24 Jan 1994, penubuhan organisasi PUSTEKMA TD telah diperakui oleh Bahagian Kerja Naziran (BKN) memandangkan banyak perubahan yang telah dibuat pada organisasi ini selaras dengan perkembangan teknologi dan perlaksanaan tugas. Carta organisasi PUSTEKMA TD yang telah diluluskan oleh BKN dan merupakan ringkasan bagi penjawatan organisasi ini. Walaubagaimanapun penjawatan organisasi ini masih belum mendapat kelulusan rasmi oleh JPA sepenuhnya dimana hanya meluluskan satu penjawatan Mejor sahaja.

Penjawatan yang telah diwujudkan dalam organisasi ini melibatkan empat orang pegawai dan 16 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) penjawatan unit di bawah implementasi serta enam orang pegawai dan lapan LLP. Walaupun begitu, perjawatan ini tidak memberi kesan yang baik terhadap organisasi di dalam struktur, peranan dan melaksanakan tugas memandangkan perkembangan teknologi maklumat serta komunikasi semakin pesat.

Bagi mengatasi masalah ini, banyak pengubahsuaian terhadap penjawatan PUSTEKMA telah dibuat di antaranya melaksanakan rancangan

pengkomputeran TD serta aktiviti yang berkaitan seiring dengan wawasan PUSTEKAMA menjadikan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai pemangkin dalam mempertingkatkan keberkesaan dan kecekapan Tentera Darat.

## Projek Pengkomputeran TD

Bagi mengimbangi fungsi dan tanggungjawab terhadap matlamat TD, PUSTEKMA telah mengorak langkah dalam merancang dan mengkoordinasi keperluan projek pengkomputeran supaya jentera pentadbiran dan pengurusan TD dapat diperluaskan selaras dengan keperluan pertahanan semasa dan tidak ketinggalan dalam kemajuan ICT yang semakin berkembang.

Terdapat satu pelan induk telah disediakan dalam perancangan ini iaitu Sistem Pengurusan Berinformasi Berkomputer (SISPIK TD). Pelan induk ini telah diluluskan oleh MAMPU pada tahun 1994 manakala pelan pelaksanaan pula secara bersepada diluluskan oleh MAMPU pada awal 1997. Walaubagaimanapun, sebahagian pelan ini telah dirancang semula dalam RMK 8. Kesemua sistem ini telah dirangkaikan dalam satu rangkaian computer TD iaitu Army Net.

Pelan ini dilaksanakan dalam bentuk berfasa berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan dari masa ke semasa. Bagi fasa pertama ia merupakan persediaan, fasa kedua pilot projek, fasa ketiga pembangunan modul SISPIK TD, fasa keempat persepaduan sistem TD dan fasa terakhir integrasi dengan sistem maklumat ATM.

Menurut Pengarah PUSTKEMA TD, wawasan PUSTEKMA TD ada menyatakan bahawa teknologi maklumat dan komunikasi sebagai pemankin dalam mempertingkatkan keberkesaan dan kecekapan TD, tetapi ianya masih belum tercapai ditahap yang diinginkan untuk celikkan semua warga TD berkenaan pembelajaran IT.

Oleh hal yang demikian, pihak PUSTKEMA diberi tanggungjawab untuk memastikan setiap lapisan pegawai dan anggota LLP TD berkenaan pengetahuan IT digilap dari sekarang. Permasalahan ini kerana, mereka sukar untuk memahami budaya IT kerana melibatkan sumber manusia dan latihan serta proaktif keadaan semasa.

"Kita merangka kursus-kursus berkenaan agar diperingkat baharu dapat memenuhi keperluan tugas dari aspek kecemerlangan ICT.

"Selain itu, saya harus fokus lebih terhadap mereka supaya kecelikkan atau kepakaran ICT boleh digilap atau dicungkil seperti mana saya buat sekarang *talents counting* untuk mengenal pasti siapa yang betul-betul berbakat dan menyalurkan kepakarannya dalam perkembangan teknologi ICT. "Perkara ini bukan perkara baharu dan kita tidak boleh ketinggalan untuk sealiran dengan teknologi ICT.

"Pada masa kini, PUSTEKMA sedang giat mengembangkan lagi rangkaian Arynet untuk kegunaan warga TD agar memudahkan penyampaian maklumat dengan cara cepat dan berkesan.

"Hal ini kerana, Arynet merupakan *backbone* atau tunjang di mana ia menyediakan pelbagai informasi untuk menyalurkan maklumat seperti pengarahan semasa dan polisi-polisi TD untuk kegunaan setiap pasukan. Disamping itu juga, PUSTKEMA sedang mengorak langkah dalam memperbaharui tema-tema modul yang baharu supaya nampak interaktif serta menarik minat pengguna Arynet iaitu warga TD sendiri," katanya.

Tambahnya lagi Arynet juga merupakan satu-satunya rangkaian paling selamat di dalam TD yang ada pada masa kini, kerana ianya tidak boleh diakses oleh orang luar. Beliau juga mewar-warkan kepada semua peringkat TD menggalakkan lagi penggunaan Arynet dan berharap agar seluruh warga TD dapat mencapai kebaikan dan keberkesaan jika semua warga TD dapat mengakses serta menggunakan sistem ini dengan baik.

"Diperingkat organisasi, kita harus bijak serta menjaga keselamatan maklumat berdarjah dari tersebar ke rangkaian yang tidak selamat. "Jadi disini, kita harus akur bahawa keselamatan maklumat perlu diberi perhatian yang serius dan sebarang maklumat yang dikongsikan melalui Arynet adalah saluran yang paling selamat," ujarnya lagi.

Beliau juga akui bahawa mengalami masalah pencapaian yang tidak memuaskan, tetapi walaubagaimanapun pihak PUSTKEMA telah merangka satu kaedah baharu iaitu merancang untuk menambah kapasiti kepada semua pasukan, memperbaharui peralatan ICT yang sudah melebihi lima tahun serta mendapatkan konsep kaedah secara sewaan bagi mencapai kapasiti yang optimum dalam kalangan TD.

Selain itu, penggunaan sistem teknologi maklumat TD tidak optimum oleh kerana kurang kesedaran kecemerlangan ICT.

di kalangan warga TD tentang kewujudan Arynet di pasukan serta kurang membudayakan penggunaan sistem tersebut.

Oleh itu, pihak atasan disetiap pasukan haruslah menjelaskan kewujudan serta menggalakkan penggunaan Arynet kepada setiap lapisan anggota, malah ia turut menjadi tanggungjawab ke atas setiap individu dengan adanya sifat ambil peduli berkenaan sistem yang ada di pasukan.

Pada masa yang sama, pihak PUSTEKMA dalam usaha menubuhkan satu pasukan ad hoc siber TD bagi memantau mereka yang salah dalam perkongsian maklumat berdarjah di platform media luar.

Pucuk pimpinan TD memandang perkara ini dengan serius dan telah mengarahkan PUSTEKMA untuk meneliti serta memantau perkara-perkara pencemaran siber didalam TD walaupun Perintah Angkatan Am Tentera 1317 telah menyatakan secara jelas sebarang maklumat tidak boleh dikongsikan ke dalam sosial media awam atau rangkaian luar yang tidak selamat.

Pihak tertinggi dipasukan boleh mengenakan tindakan tatatertib dan ianya perlu dilaksanakan terhadap pelaku yang bersalah serta mempunyai bukti yang kukuh agar dapat membendung aktiviti pembocoran maklumat kepada khalayak ramai yang kian menular di laman sosial pada masa ini.

## Kesimpulan

Secara umumnya PUSTEKMA TD merupakan satu tempat pemangkin ICT buat warga TD dalam penyampaian maklumat agar tidak berlaku penyebaran maklumat yang tidak tepat yang boleh menjaskan imej TD.

Sebagai anggota tentera harus membuat keputusan yang bijak dalam menyampaikan maklumat sekiranya ingin menggunakan cara cepat, adakah ianya selamat? Selain itu, anggota TD perlu ada *key personal* bagi memastikan email selamat sekiranya menggunakan saluran email yang bertujuan agar laporan tersebut berada dalam keadaan selamat dan memastikan isi kandungan tidak tersebar.

Kesimpulannya, budaya bekerja menggunakan kemahiran IT perlu diterapkan di dalam kalangan warga TD selaras dengan visi TD iaitu menjadikan ICT sebagai pemangkin di dalam mempertingkatkan keberkesaan dan kecekapan TD.



**PERBARISAN T  
PERAJURIT MUDA LE**

**4 JULI**

**SUNYI TAPI GAGAH**



Gambar: Sjn Saiful Fazley Rusli, Kpl Ainur Aisyah Yahaya, Pbt Syukri Suhaimi, Pbt Shafirin Mohd Radzi dan Saifun Hakimi Zainon

**NEGERI SEMBILAN:** Buat julung kalinya seramai 1782 Perajurit Muda (PM) Tentera Darat (TD) terlibat dalam dua sesi dan norma baharu Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda Lelaki Siri 191/2019

disempurnakan Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Datuk Zamrose Mohd Zain bertempat di Padang Kawad Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) pada 4 Jul 2020.



Walaupun tanpa kehadiran keluarga tercinta dan juga penonton, PM ini tetap nampak gagah dengan perbarisan statik yang memperlihatkan penjarakan anggota yang berbaris lebih jauh berbanding biasa serta setiap anggota perbarisan memakai pelitup mulut bercorak celoreng digital.

Kebiasaannya, seluruh ahli keluarga PM akan hadir bagi menyaksikan perbarisan ini yang mana setiap kali Tamat Latihan Perajurit Muda pasti PUSASDA akan menjadi tumpuan.

Namun, perbarisan kali ini dilaksanakan sedikit berbeza daripada apa yang dilaksanakan sebelum ini sejajar dengan pengarahan norma baharu dan pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) pencegahan COVID-19 yang ditetapkan oleh kerajaan.

Perbarisan tamat latihan ini dijadualkan pada bulan Mei lalu terpaksa ditunda kepada bulan Jul berikutan berlakunya penularan Covid-19 yang melanda negara dan dunia diikuti tindakan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 yang menghadkan aktiviti yang memerlukan penglibatan individu dalam skala besar.

Terdahulu ketibaan PTD disambut oleh Timbalan PTD, Lt Jen Dato' Hasagaya Abdullah bersama Komandan PUSASDA, Kol Mohamad Razeif Che Ahmad lalu menerima tabik hormat dari kontjen perbarisan diketuai PM Muhamad Azumi Ibrahim yang juga merupakan PM Keseluruhan Terbaik.

Dalam ucapan PTD beliau mahu setiap PM tidak berbelah bahagi menjalankan amanah untuk





mempertahankan tanah air tercinta yang terpikul di bahu dan perlu digalas dengan penuh rasa tanggungjawab walau apa jua halangan dan rintangan yang dihadapi.

“Keperluan perkhidmatan mesti diberi keutamaan kerana sebarang kesilapan tindakan akan menjelaskan keselamatan dan kedaulatan negara. Saya menyeru kepada saudara semua agar menumpukan sepenuh perhatian kepada tugas dan jangan alpa”, tegas PTD.

Tambah PTD lagi, beliau tidak akan sekali-kali berkompromi dengan mereka yang melakukan kesalahan kerana sebagai



generasi yang lahir dalam zaman serba canggih dan moden ini pasti akan terdedah kepada unsur-unsur negatif yang terdapat diperselitan seperti salah laku engkar perintah, rasuah, mencuri, penyalahgunaan dadah dan penyakit sosial yang lain.

Meskipun tanpa kehadiran ahli keluarga, PTD berpeluang mengucapkan tahniah kepada beberapa ibu bapa PM yang menerima anugerah melalui sidang video yang telah diaturkan.





"Majlis ini juga adalah tanda kenangan kepada mereka yang menamatkan latihan sebab itu kita cuba sebaik mungkin mengadakan acara ini dengan mematuhi SOP ditetapkan," ujar PTD lagi.

Malah keluarga PM boleh melihat acara ini secara siaran langsung menerusi media sosial kerana buat kali pertamanya ahli keluarga tidak dibenarkan hadir.

Perbarisan diteruskan dengan penyampaian anugerah kepada PM yang meliputi beberapa kategori dimana PM Kawad Terbaik diberikan kepada PM Muhaymin Kadir Abd Min, PM Akademik Terbaik, PM Ijmal Aminy Mohamed Said manakala PM Kecergasan Jasmani Terbaik ialah PM Mohammad Noor Azrulhady Mohd Noor Azman dan PM Penembak Terbaik di berikan kepada PM Mohammad Ikhmal Jafpree.

Turut hadir, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Dato' Mohammad Ab Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' Pahlawan (Dr) Md Amin Muslan, Panglima 21 Geruk Gerak Khas, Lt Jen Datuk Hassan Ali dan Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Nazari Abd Hadi.

# ATM Fokus Bantu PDRM Kuatkuasa Pematuhan SOP PKPB



Oleh: Air Times

**KUALA LUMPUR:** Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terus memberi fokus membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) melaksanakan penguatkuasaan pematuhan terhadap prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula pada 4 Mei 2020.

Panglima ATM Jen Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi Buang TUDM berkata pihaknya juga masih membantu dalam pelaksanaan sekatan jalan raya (SJR) dan rondaan melalui mobile patrol vehicle (MPV) bersama PDRM.

"Pada peringkat permulaan (Perintah Kawalan Pergerakan) sehingga PKPB, penglibatan utama ATM masih membantu PDRM melalui pelaksanaan sekatan jalan raya dan rondaan bersama," katanya.

Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob berkata 15 agensi kerajaan termasuk ATM, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) diberi kuasa untuk pelaksanaan pematuhan serta penguatkuasaan sepanjang PKPB.

Pendekatan yang akan diambil pasukan berkenaan adalah untuk memberi nasihat kepada orang ramai dan sektor industri serta memberi amaran jika tahap pematuhan masih tidak memuaskan.

Dalam perkembangan lain, Affendi berkata ATM dengan kerjasama semua agensi keselamatan akan memperkuuh dan memperketatkan kawalan di sepanjang persempadanan negara dalam tempoh PKPB bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Menurutnya, operasi kawalan sempadan yang diperketatkan di daratan dan perairan negara telah dilaksanakan susulan arahan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya kawalan di setiap pemerintahan Darat, Laut dan Udara berada pada tahap tinggi.

## Pusat Kuarantin MAEPS Dikhaskan PATI Hidap COVID-19

**PUTRAJAYA:** Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) akan menjadi Pusat Kuarantin khusus untuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) pada 25 Mei 2020.

"PATI yang didapati menghidapi COVID-19 semasa dalam tahanan di Depot Imigresen akan dihantar ke MAEPS Serdang," jelasnya semasa Sidang Media Harian Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Menurut beliau, Pusat Kuarantin tersebut akan menerima pesakit COVID-19 dari kalangan PATI dari Depoh Tahanan Imigresen di Semenyih, Bukit Jalil dan KLIA.

Sementara itu, pesakit yang terdiri dari kalangan warga tempatan pula telah dipindahkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Pusat kuarantin MAEPS akan dikhaskan untuk PATI sahaja yang mana pagar kawat duri telah dipasang di sekeliling kawasan pusat kuaranti bagi mengelakkan

mana-mana PATI yang ditahan cuba melarikan diri," katanya.

Beliau menambah, anggota Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia turut ditempatkan di MAEPS Serdang untuk melakukan kawalan.



# COVID-19 : PKP Fasa Empat Tuntut Komitmen Jitu Rakyat

Oleh: AirTimes

**KUALA LUMPUR:** Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah mengingatkan Malaysia sudah pun memasuki fasa keempat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa lawatan beliau ke Sekatan Jalan Raya (SJR) pada 29 Apr 2020.

Beliau menegaskan bahawa tiada gunanya PKP dimatangkan untuk tempoh seketika dan dikenakan semula selepas itu, jadi kerajaan mengajak rakyat bersabar diatas kesusahan sekarang demi kesenangan pada masa akan datang.

Rakyat terus dituntut memberikan komitmen jitu mematuhi PKP, kerana hukuman yang bakal menanti mereka yang ingkar, sudah pasti tidak mengira darjat.

Dengan keluk pandemik yang berjaya diratakan, serta peningkatan kes pulih COVID-19, keberkesanaan



pelaksanaan tiga fasa PKP sebelum ini beransur-ansur dapat dilihat hasil tindakan proaktif dan agresif kerajaan membendung penularan pandemik itu.

## COVID-19: ATM Bantu Sediakan Kemudahan Katil Medan Di Pusat Kuarantin

**SABAH:** Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terus memberi bantuan dengan menyediakan kemudahan katil medan di pusat-pusat kuarantin alternatif bagi menempatkan pesakit Pengesanan Kes Yang Disyaki (PUI) COVID-19 di Sabah pada 4 Apr 2020.



Marks ATM dalam catatan facebook rasminya berkata, kerajaan Sabah telah menyediakan 21 pusat kuarantin alternatif di beberapa daerah di negeri itu bagi menempatkan pesakit PUI COVID-19.

Usaha ini merupakan salah satu inisiatif selain wad pengasingan di hospital-hospital yang menempatkan pesakit yang positif wabak tersebut.

Melalui inisiatif kemudahan tersebut, Marks Divisyen Kelima Infantri Malaysia (5 Div) dengan dibantu oleh anggota dari Batalion Ketujuh Rejimen Askar Melayu Diraja (7 RAMD) dan 51 Kompeni Komposit Kor Perkhidmatan Diraja (KPD) telah memberikan bantuan dengan menyediakan katil medan untuk dipasang di dua pusat kuarantin iaitu Dewan Arena Belia Tawau dan Giatmara Labuan.

- AirTimes

# PMBTD Lawat OP MERPATI 1

Oleh: Cwg Risik 1 Bgd

**NEGERI SEMBILAN:** Panglima Medan Barat Tentera (PMBTD), Darat, Lt Jen Dato' Hj Mohd Nazir Hj Mami melakukan lawatan ke kawasan OP MERPATI 1 pada 11 Mei 2020.

Lawatan beliau bertujuan untuk melihat pelaksanaan operasi di KTJ 1 Bgd. Dalam lawatan tersebut PMBTD telah menasihatkan semua anggota agar sentiasa bersiap sedia untuk mendepani sebarang ancaman yang datang serta sentiasa mempunyai sikap positif dalam melaksanakan tanggungjawab walaupun terpaksa bertugas di bulan Ramadhan dan Syawal yang bakal tiba.

Di samping itu, untuk memastikan kelangsungan penugasan dalam tempoh ancaman Virus COVID-19

ini, beliau mengingatkan kepada setiap anggota supaya sentiasa menjaga kebersihan diri dan mengambil langkah-langkah pencegahan untuk menghindari dari dijangkiti Covid-19.

Pada masa sama, beliau turut memberi suntikan semangat kepada semua pegawai dan anggota yang terlibat agar dapat merealisasikan misi yang telah diamanahkan tanpa sebarang permasalahan, sebagai penghargaan,



beliau menyampaikan sumbangan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Turut hadir semasa sesi lawatan ini adalah Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Mohamad Fauzi Tengku Ibrahim, Panglima 1 Bgd, Brig Jen Mhd Nazri Abd Rahman, Komander Arti 3 Div, Brig Jen Noor Sazali Puteh, Kol CBT MK PMBTD, Kol Zulmajdi Yunus dan Peg Mem 4 RAD, Lt Kol Rizalmi Ahmad.

## Hari Pertama PMB TD Ke-21

**KUALA LUMPUR:**

Panglima Medan Barat Darat Ke -21 (PMBTD), Lt Jen Dato' Mohammad Ab Rahman memulakan tugasnya sebagai PMB TD pada hari pertama secara rasminya di Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat pada 12 Jun 2020.

Majlis dimulakan dengan tahlil dan doa selamat yang telah dilaksanakan di Masjid ATM, diikuti dengan solat Jumaat.

Selepas solat Jumaat, PMB TD bergerak ke MK PMBTD untuk memulakan tugas, ketibaan beliau di sambut oleh Panglima-panglima Divisyen, Panglima GAPU, Komander Jurutera Medan barat, Pemangku Panglima BAR, Ketua Staf Am MK PMBTD, serta pegawai kanan MK PMBTD.

Beliau telah memeriksa Kawalan Kuarter di MK PMBTD



dan meletakkan Bendera di pintu pejabat PMB TD. Sebagai tanda kesyukuran, bacaan doa telah dibacakan oleh Pegawai Staf 1 Agama MK PMBTD, Lt Kol Mohammad Idros bin Mohammad Yunus sebaik sahaja PMB TD memasuki pejabat. - Kpl Nor Azlina Abd Azmi

# Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai MK PMBTD

Oleh: Kpl Nor Azlina Abd Azmi

**SELANGOR:** Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMBTD), Lt Jen Dato' Mohammad Ab Rahman telah menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai di bilik rehat MK PMBTD pada 15 Jun 2020.

Pemakaian pangkat tersebut dari Mejari ke Lt Kol iaitu Mej Osman Abdul Rahim yang akan bertukar keluar dan menjawat jawatan sebagai Pegawai Memerintah 22 RAMD, Sandakan, Sabah.

Turut hadir adalah Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Hj Mohd Hassan Loman, Ketua Staf Perkhidmatan, Brig Jen Ab Aziz Mohd Sharif dan Pegawai-pegawai Kanan MK PMBTD.



## Lawatan PMB TD ke OP Merpati

**KELANTAN:** Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Dato' Mohamad Ab Rahman telah membuat lawatan ke OP MERPATI Sektor 8 Bgd pada 26 Jun 2020.

Lawatan Ulung PMB TD ke KTJ Op 8 Bgd diisi dengan melawat semua pos penempatan dan sesi taklimat disampaikan oleh Panglima 8 Bgd, Brig Jen Zamsari Abu Hasan dan Pegawai Memerintah 4 RRD, Lt Kol Farriz Ahmad Nawawi.

Dalam lawatan tersebut, beliau menekankan soal pematuhan kepada *Standard Operation Procedure (SOP)* penugasan di kawasan op, kepentingan menjaga keselamatan diri, peralatan serta kerahsiaan operasi.

Aspek kebersihan dan kesihatan anggota di kawasan operasi juga turut ditekankan oleh PMBTD.

Turut hadir Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad dan wakil staf dari MK PMBTD dan MK 2 Div. - **Lt Kol Mohd Ranizal Ismail**



## PMB TD Lawat OP BENTENG



**KELANTAN:** Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Dato' Mohamad Ab Rahman melakukan lawatan ke kawasan OP WAWASAN dan OP BENTENG pada 27 Jun 2020.

Program lawatan dimulakan dengan taklimat oleh SAC Tuan Hasan Basri Ahmad Safar Komdr Bgd Tenggara dan Pegawai Memerintah Bn 7 PGA di Markas Taktikal OP WAWASAN di Lubuk Stol.

Beliau seterusnya melakukan tinjauan di pos penempatan anggota dan Pengkalan Haram di KTJ Op.

Lawatan ini bertujuan mengeratkan kerjasama antara ATM dan PGA disamping melihat pelaksanaan dan keperluan pasukan yang beroperasi untuk meningkatkan keberkesaan op.

Turut hadir Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Mardzuki Muhammad selaku Komdr POB Utara dan Panglima 8 Bgd, Brig Jen Zamsari Abu Hasan. - **Lt Kol Mohd Ranizal Ismail**

# Serah Terima Tugas Panglima 1 Div

Oleh: PR 1 Div

**SARAWAK:** Majlis Serah Terima Tugas Panglima 1 Div di antara Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu dan Mej Jen Dato' Dzulkafli Hj Mustaffa disaksikan Pemangku Panglima Medan Timur Tentera Darat, Mej Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan di Dewan Serbaguna, Kem Muara Tuang pada 18 Jun 2020.

Mej Jen Dato' Md Din Hj Abu merupakan Panglima 1 Div ke-27 bermula 19 Mac 2019 yang lalu akan menjalani latihan peralihan sebelum bersara wajib pada Dis 2020.

Beliau dilahirkan pada 28 Dis 1960 di Alor Gajah, Melaka memulakan karier ketenteraan pada tahun 1980 dengan menjalani latihan Pegawai Kadet sebelum ditauliahkan ke Batalion Kelima Rejimen Renjer Diraja (5 RRD) tanggal 17 Jun 1982.

Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama Datin Salina Hj Said dan telah dikurniakan dua orang cahaya mata perempuan serta seorang lelaki.

Pelbagai jawatan penting telah beliau sandang di sepanjang 40 tahun perkhidmatan beliau. Memimpin



ketumbukan 1 Div tatkala Malaysia menghadapi wabak Pandemik Covid-19 terutama dalam pelaksanaan Op Penawar di negeri Sarawak yang kini sudah sampai ke peringkat Pemulihian selain bersama-sama pelbagai agensi dalam mengekang kemasukan PATI ke negeri Sarawak antara ketokohan dan sumbangan besar beliau selaku Panglima 1 Div.

Bagi Panglima 1 Div yang baru, Mej Jen Dato' Dzulkafli Hj Mustaffa dilahirkan pada 23 Feb 1963 di Kubang

Pasu, Kedah dan memulakan karier dengan menyertai latihan sebagai Pegawai Kadet pada tahun 1981 lalu ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 22 Mei 1982.

Batalion Ketiga Rejimen Renjer Diraja (3 RRD) merupakan unit pertama perkhidmatan beliau serta pernah menyandang pelbagai jawatan penting dalam Tentera Darat selain banyak menghadiri kursus-kursus strategik di dalam dan luar Negara.

## Kursus Bimbingan Peperiksaan Kenaikan Pangkat Lt ke Kapt 1 Div

**SARAWAK:** Seramai 40 pegawai dari formasi dan pasukan naungan 1 Div terlibat dalam Kursus Bimbingan Peperiksaan Kenaikan Pangkat Leftenan ke Kapten anjuran Rejimen Semboyan Divisyen Pertama Infantri pada 22 Jun 2020.

Kursus tersebut yang dilaksanakan di Dewan

Serbaguna, Kem Muara Tuang, Kota Samarahan ini dianjurkan mulai 22 hingga 26 Jun 2020 dilaksanakan dalam bentuk syarahan, perbincangan dan latihan menjawab soalan dengan mematuhi norma baharu yang ditetapkan.

Dalam tempoh 5 hari, peserta didedahkan dengan pengetahuan subjek Sejarah Ketenteraan (SK), Pengetahuan Am Ketenteraan (PAK), Hal Ehwal Antarabangsa (HEA) dan Undang-undang Tentera (UUT) yang melibatkan empat pegawai pembimbing dari Markas dan Trup 1 Div.

Antara objektif penganjuran adalah memberi pendedahan kepada peserta dalam membuat persediaan menghadapi Peperiksaan Kenaikan Pangkat Lt ke Kapt (Bertulis).

Peserta turut diberi bimbingan berkenaan teknik dan cara menjawab soalan bagi memenuhi keperluan kertas soalan. Selain itu, peserta juga berpeluang untuk meningkatkan kefahaman terhadap subjek-subjek peperiksaan.

Didoakan agar semua yang bakal menduduki peperiksaan kenaikan Pangkat ini akan terus berjaya. - Sel PR MK 1 Div



# Mesyuarat JPGN Kelantan Siri 1/2020

Oleh : Kapt Muhamad Firdaus Sakeri

**KELANTAN:** Markas Briged Kelapan Infantri Malaysia (MK 8 Bgd) telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Gerakan Negeri (JPGN) Kelantan Bil 1/2020 bertempat di Bilik Mesyuarat MK 8 Bgd pada 24 Jun 2020.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Panglima 8 Bgd, Brig Jen Zamsari Abu Hasan dan Ketua Polis Negeri Kelantan, YDH DCP Dato' Hasanuddin Hassan serta dihadiri oleh Pengarah dan Ketua-ketua Jabatan daripada agensi keselamatan negeri.

Ianya bertujuan membincangkan isu-isu kedaulatan dan keselamatan di Negeri Kelantan termasuk berkaitan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta aktiviti jenayah rentas sempadan.

Sebelum mesyuarat dimulakan, Ketua Polis Negeri



Kelantan dan Pengarah Keselamatan Negeri Kelantan, Jefny Muhammad telah melakukan kunjungan hormat kepada Panglima 8 Bgd.

## Kunjungan Hormat Pengarah Penjara

**KELANTAN:** Panglima 8 Bgd telah menerima Kunjungan Hormat daripada Pengarah Penjara Negeri Kelantan pada 25 Jun 2020.

YBrs Penolong Kanan Komisioner Penjara Mat Yaacob telah mengambil alih tugas Pengarah Penjara Negeri Kelantan mulai 1 Jun 2020 menggantikan TKP Hamzani Che Berahim yang telah bersara.

Kunjungan Hormat ini bertujuan untuk meneruskan kerjasama erat antara agensi MK 8 Bgd dengan Jabatan Penjara Kelantan susulan kepada pihak penjara yang telah menyediakan lebih 4000 keping pelitup muka kepada anggota tentera yang bertugas sebagai barisan hadapan semasa menghadapi pandemik COVID-19. - **MK 8 Bgd**



## Kunjungan Hormat Tim Projek RAD



**KELANTAN:** Markas Briged Kelapan Infantri Malaysia (MK 8 Bgd) telah menerima Kunjungan Hormat daripada Tim Projek Artilleri Markas Tentera Darat 2 pada 25 Jun 2020.

Kunjungan Hormat oleh Kol Muhammad Ali Baharun selaku Pegawai Kanan Perhubungan bersama Tim Projek telah diadakan di Pejabat Panglima 8 Bgd, Brig Jen Zamsari Abu Hasan bagi mendapatkan input pengisian Galeri PTD, khususnya kepada PTD Ke-17, Jen Dato' Seri Diraja Tan Sri (Dr.) Mohd Zahidi Hj Zainuddin untuk disimpan di Galeri PTD kelak. - **Tim Media Op MK 8 Bgd**

## Nyah Cemar Tabika Pasukan di Bawah Naungan 8 Bgd

Oleh: MK 8 Bgd

**KELANTAN:** Sel Kesihatan 8 Bgd bersama elemen kesihatan pasukan di bawah naungan 8 Bgd telah melaksanakan nyah cemar di semua Tabika pasukan berpanduan arahan yang dikeluarkan oleh Cwg Kesihatan 2 Div.

Nyah cemar ini telah dilaksanakan di Kem Desa Pahlawan pada 17 dan 18 Jun 2020 melibatkan lima buah Tabika manakala di Kem Pengkalan Chepa telah dilaksanakan pada 22 Jun 2020 yang melibatkan sebuah Tabika.

Tumpuan nyah cemar adalah di kawasan ruang kelas, dapur, kawasan pejalan kaki serta kawasan yang



berkemungkinan dipegang dan disentuh oleh kanak-kanak dan orang awam.

## PMB TD Lawat Kawasan Operasi 6 Bgd

**KEDAH:** Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Dato' Mohammad Abdul Rahman telah melakukan lawatan ulung beliau ke Kawasan Tanggungjawab Operasi (KTJ) 6 Briged melibatkan OP KOTA BRAVO/CHARLIE/DELTA dan OP PAGAR II pada 24 Jun 2020.

Lawatan ulung ini telah diisi dengan sesi taklimat ketua penempatan pos dan sesi perjumpaan bersama anggota operasi dalam menambahbaik kawalan sistem keselamatan di kawasan persempadan. Antara pos yang dilawati adalah Kem Sahara, Pos Lima dan Pos Sempadan Terkoordinasi (PST) Malaysia-Thailand.

Di PST Ban Di Da dan Ban Di Samoe, delegasi telah disambut oleh 5th Div Infantry Royal Thai Army, Mej Jen Santri Sakuntanark serta Pegawai-Pegawai Kanan Border Patrol Police.

Acara bertukar cenderahati oleh wakil ATM dan wakil pasukan keselamatan Thailand juga diadakan sebagai tanda jalinan persahabatan. Lawatan diakhiri dengan lawatan di Pos Lima sektor OP PAGAR II.

Lawatan turut diringi Panglima 2 Div, Mej Jen

Dato' Mardzuki Muhammad dan Panglima 6 Bgd, Brig Jen Dato' Hj Mohd Halim Khalid dan Pegawai Memerintah 23 RAMD Lt Kol Mohd Safaruddin.- **Lt Kol Mohd Ranizal Ismail**



# Penutup Kursus Bimbingan Peperiksaan Lt Ke Kapt Peringkat 30 Bgd

Oleh: Lt Mohammad Firdaus Sudin  
Gambar: Sel Latih 3 RS

**PERAK:** Upacara Penutup Kursus Bimbingan Lt ke Kapt (Bertulis) Peringkat 30 Bgd Tahun 2020 telah disempurnakan oleh Panglima 30 Bgd, Brig Jen Hassan Embong bertempat di Dewan RKAT, Bn Ke-3 RS pada 25 Jun 2020.

Program ini telah dianjurkan oleh 3 RS selama lima hari bermula 21 hingga 26 Jun 2020 yang melibatkan empat pegawai pembimbing dan 31 calon pegawai.

Antara objektif utama pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk memberikan panduan kepada semua calon yang akan menduduki peperiksaan kenaikan pangkat serta mengukur tahap pengetahuan dan kefahaman semua calon sebelum menduduki peperiksaan.

Selain itu, objektif program ini juga adalah untuk meningkatkan tahap pengetahuan semua calon dalam subjek-subjek peperiksaan kenaikan pangkat.

Pengisian program ini merangkumi pelajaran subjek-subjek yang akan diambil oleh semua calon iaitu Undang-undang Tentera, Hal-Ehwal Antarabangsa, Pengetahuan Am Ketenteraan dan Sejarah Ketenteraan. Pelaksanaan program adalah melalui kaedah sesi syarahan, perbincangan dan latihan dalam kumpulan.



Panglima 30 Bgd dalam ucapannya telah memberi peringatan dan penekanan kepada semua calon agar serius dalam mengulang kaji mata pelajaran yang diambil serta membuat persiapan yang sewajarnya.

Turut hadir Pegawai Memerintah 3 RS, Lt Kol Ameruddin Hj Razali, Pegawai Memerintah 4 RS, Lt Kol Mohd Hisham Din dan Penolong Pegawai Memerintah 2 RS, Mej Nor Azimi Idris.

## Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan Sukarela

**KELANTAN:** Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan (Sukarela) Rej 512 (AW) telah disempurnakan oleh Panglima 8 Bgd, Brig Jen Zamsari Abu Hasan disaksikan

oleh Tengku Sri Temenggong Raja, Y.A.M Brig Jen Dato' Seri Tengku Baharuddin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Komander Rej 512 (AW) di Ruang Legar MK 8 Bgd pada 29 Jun 2020.

Pegawai yang dinai-kkan pangkat iaitu Lt Kol Mohd Kamro Abd Aziz menjawat jawatan Pegawai Memerintah (Sukarela) Bn 3, Kem Bukit Kuang, Kemaman.

Selain itu, Lt Kol Ismadi Zakaria dinaikkan pangkat bagi menjawat jawatan Pegawai Memerintah (Sukarela) Bn 1, Kem Padang Midin.

Diharapkan dengan kenaikan pangkat tersebut meningkatkan lagi motivasi mereka untuk melatih para perajurit sukarelawan tanah air. - MK 8 Bgd



# Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 2 RS

Oleh: Lt Muhammad Fakhrul Radzi

Abdul Hamid

Gambar: LKpl Helmi Syazwan Abdull

Rahman

**KELANTAN:** Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Batalion Kedua Rejimen Sempadan (2 RS) disempurnakan oleh Panglima 30 Bgd, Brig Jen Hassan Embong di Bilik Gerakan, Kem Batu Melintang pada 5 Jun 2020.

Majlis dimulai dengan acara menandatangani Nota Serah Terima Tugas dan Serah Terima Tongkat Kuasa Pegawai Memerintah Bn Ke-2 RS antara Lt Kol Mohd Rasidi Abdul Rasid dan Lt Kol Mohd Ridzam Mat Rejab sebagai Pegawai Memerintah yang baru.

Majlis diteruskan lagi dengan jamuan ringkas dan diakhiri dengan acara bergambar bersama pegawai dan anggota serta upacara sent off mantan Pegawai Memerintah yang bertukar keluar.

Semoga dengan kehadiran pemerintahan yang baru



dapat memupuk satu ketumbukan Bn Ke-2 RS yang padu sekaligus mengeratkan lagi hubungan dan kesefahaman yang menjadi tulang belakang yang utuh untuk pasukan ini terus maju jaya.

## Panglima 8 Bgd dan Komander Bgd Tenggara PGA Lawat Kawasan Op

**KELANTAN:** Panglima 8 Bgd, Brig Jen Zamsari Abu Hasan dan Komander Bgd Tenggara PGA, SAC Tuan Hasan Basri Ahmad Safar, bersama semua agensi penguatkuasa dalam OP BENTENG bagi sempadan daratan utara Kelantan melakukan lawatan kerja ke KTJ OP MERPATI Sektor 8 Bgd pada 17 Jun 2020.

Lawatan ini dirancang oleh MK 8 Bgd selaku Pusat Kawalan Operasi Setempat susulan penyampaian Arahan Op dan Taklimat LO Agensi sebaik sahaja Op BENTENG dilancarkan di Kelantan.

Program bermula dengan kunjungan hormat oleh

Komander Bgd Tenggara bersama Pegawai Pemerintah Bn 7 PGA dan Bn 8 PGA ke MK 8 Bgd diikuti taklimat ringkas penugasan 8 Bgd dalam OP PENAWAR dan OP BENTENG.

Seterusnya Panglima 8 Bgd telah membawa Komander Bgd Tenggara ke KTJ OP MERPATI Sektor 8 Bgd untuk diberi taklimat medan oleh Pegawai Memerintah 4 RRD.

Hasil lawatan tersebut dapat mengenal pasti beberapa isu yang memerlukan penyelarasan lanjut bagi memantapkan lagi operasi pencegahan PATI meliputi peningkatan perkongsian maklumat risikan melalui *Intelligence Working Group* (IWG) dan pelaksanaan operasi bersepada bagi memutuskan rantaian penyeludupan PATI.

Selain itu, turut dibincangkan keperluan logistik untuk menyokong OP BENTENG yang akan dibangkitkan semasa Taklimat Keselamatan oleh setiap agensi dalam Mesyuarat JPGN yang akan dipengerusikan bersama Panglima 8 Bgd dan Ketua Polis Kelantan di MK 8 Bgd pada 24 Jun 2020.

Seterusnya, lawatan balas Panglima 8 Bgd ke KTJ OP WAWASAN Kelantan yang diterajui oleh Bgd Tenggara PGA akan dilaksanakan pada 29 Jun 2020 bagi mengukuhkan lagi kerjasama OP BENTENG.

Turut hadir adalah Agensi penguatkuasa AKSEM, JIM, RELA, JKDM, APM, Perhilitan, Perhutanan, wakil MKN, MAQIS dan KPDNHEP.



# Panglima 3 Div Lawat Pulau Besar

Oleh: 3 Div

**MELAKA:** Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim dan rombongan telah mengadakan lawatan ke Pulau Besar, pada 22 Jun 2020.

Tujuan lawatan ini adalah bagi memperkuatkan pelaksanaan OP BENTENG di negeri Melaka dengan melihat secara lebih dekat dan menilai kemungkinan pulau tersebut dijadikan sebagai salah satu lokasi kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ke negeri Melaka.

Panglima 3 Div sebagai Panglima Operasi Bersepadu (POB) Selatan di bawah *Land Component Commander* (LCC) Barat telah melaksanakan tinjauan ke pulau tersebut bersama wakil *Maritim Component Commander* (MCC) yang dihadiri oleh Kepten Maritim Haris Fadzillah Abdullah, Pengarah Maritim Melaka dan Negeri Sembilan bagi melaksanakan tinjauan keperluan atur gerak trup di Pulau Besar dan koordinasi atur gerak pengawasan PATI bagi OP BENTENG.

Pulau Besar yang terletak di Selat Melaka, kira-kira tiga batu nautika dari Bandar Hilir, Melaka itu dilihat sesuai bagi dijadikan penempatan trup berdasarkan kedudukan strategik di Laut Selat Melaka bagi mengekang kegiatan jenayah rentas sempadan, PATI, pelanunian, pemerdagangan



manusia, penyeludupan dan pencerobohan nelayan asing.

Panglima 3 Div turut dibawa melihat keseluruhan kawasan pulau sambil ditaklimatkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Pulau-Pulau Negeri Melaka, Azhar Yaacob.

Hadir sama Panglima 1 Bgd, Brig Jen Anuar Abdul Wahab dan Komander Artilleri Divisyen, Brig Jen Noor Sazali Puteh.

## 4 Bgd Mek Baiki Rumah Mangsa Ribut

**PAHANG:** Bagi menjunjung titah Pemangku Raja Pahang Duli Yang Maha Mulia Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafii Billah Shah, 4 Bgd (Mek) melalui pasukan-pasukan di bawah naungan telah melaksanakan Program Jiwa Murni

membantu membaik pulih rumah penduduk yang mengalami kerosakan akibat hujan lebat dan ribut di Felda Sg Kemahal, Bentong pada 10 Jun 2020.

Pegawai Pemerintah 11 Skn RAJD (Mek), Mej Ahmad Nizam Adnan telah dipertanggungjawabkan untuk


melaksanakan projek ini dan dibantu oleh Platon Rintis Serang dari pasukan 12 RAMD (Mek), 25 RAMD dan 7 RRD (Mek).

Seramai dua pegawai dan 66 anggota Lain-Lain Pangkat terlibat dalam kerja membaik pulih 39 buah rumah penduduk kampung bermula pada 13 hingga 18 Jun 2020.

Pihak Pengurusan Felda Sungai Kemahal telah menyediakan bahan-bahan binaan, sajian dan penginapan kepada anggota yang terlibat dalam kerja-kerja pembaikan tersebut.

Tentera Darat Malaysia melalui 4 Bgd (Mek) sentiasa prihatin dalam membantu masyarakat awam sejak dengan tema sambutan Hari Tentera Darat pada tahun ini iaitu Tentera Darat Bersama Rakyat, Sedia Sebilang Masa.

- Sel Risik MK 4 Bgd (Mek)



# Panglima 4 Bgd Mek Seru Patuhi SOP Hari Raya Norma Baharu

Oleh : 4 Bgd (Mek)

**PAHANG:** Panglima 4 Bgd (Mek) Brig Jen Zaidan Atan menyampaikan amanat di hadapan 15 pegawai dan 63 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) serta empat kakitangan awam dalam Perbarisan Perutusan Hari Raya di Padang Kawad MK 4 Bgd (Mek) pada 21 Mei 2020.

Perbarisan ini diketuai oleh PS 2 Risik MK 4 Bgd (Mek), Mej Mohd Zaki Idealy Jamaludin manakala Ajutan Perbarisan adalah Pegawai Kenderaan Bgd, Kapt Mohd Noor Harif Mohamed Rashid.

Dalam perutusan tersebut, Panglima berpesan kepada semua peringkat pegawai dan anggota agar menyambut hari raya berpandukan *Prosedur Operasi Standard* (SOP) kerajaan yang telah ditetapkan berikutnya negara kita dilanda Pandemik COVID-19.

Beliau juga mengingatkan supaya sentiasa mengamalkan norma baharu dengan mengamalkan 3 W iaitu *Wash* (cuci) kerap mencuci tangan dengan menggunakan sabun atau *Hand Sanitizer*, *Wear* (pakai) iaitu memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) dan *Warn* (amaran) iaitu elakkan bersalaman atau bersentuhan.



Selain itu, pesanan beliau ialah hendaklah sentiasa mengelakkan 3 S iaitu sesak, elakkan tempat yang sesak, sempit, elakkan tempat tertutup yang sempit dan sembang dekat, elakkan sembang dekat-dekat.

Upacara diteruskan dengan Majlis Khatam Al-Quran pegawai staf di Dewan Dato' Megat (DDM), penyampaian duit raya kepada anak anggota dan simulasi Solat Jumaat yang disaksikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Masjid dan Surau Jabatan Agama Islam Pahang, Ustaz Ahmad Nizam Abdul Manan,

Turut hadir KS Am, Lt Kol Muhamad Rizal Hj Saad dan KS Tad/Log, Lt Kol Anwar Jafrizal Hj Ahmad.

## Serah Terima Tugas Panglima 1 Bgd

Oleh: 1 Bgd

**NEGERI SEMBILAN:** Panglima Briged Pertama Infantri Malaysia (1 Bgd), Brig Jen Mhd Nazri Abd Rahman telah menyerahkan tugas kepada Brig Jen Anuar Abdul Wahab di MK 1 Bgd Seremban pada 15 Jun 2020.

Majlis ini telah disaksikan oleh Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim yang mana majlis dimulakan dengan acara menandatangani Nota Serah Terima Tugas dan Serah Terima Tongkat Kuasa disaksikan oleh Pegawai-pegawai Memerintah dan Pemerintah pasukan di bawah naungan.

Majlis ini mematuhi SOP Yang ditetapkan dalam Perintah Kawalan Penggerakan Pemulihan (PKPP). Melalui acuan kepimpinan yang berbeza, setiap pemimpin berusaha untuk memberikan yang terbaik sepanjang tempoh pemerintahannya.

Brig Jen Mhd Nazri Abd Rahman dalam tempoh pemerintahannya yang agak singkat bermula dari 1 Apr 2019, dengan karakter yang dikagumi telah memacu 1 Bgd untuk melaksanakan penugasan dan peranan yang diamanahkan.

Seskar manapun penugasan, kredibiliti beliau berserta kerjasama erat dari semua pihak bawah tumpuk pemerintahan telah menjadikan setiap misi yang diamanahkan



dapat disempurnakan dengan cemerlang.

Kini, legasi pemerintahan bpd tertua ini diteruskan oleh tumpuk pemerintahan yang baharu yang mana melihat kepada pengalaman terdahulu, pastinya Brig Jen Anuar Abdul Wahab mampu terus meletakkan 1 Bgd terus cemerlang dan dihormati.

Seluruh pegawai dan anggota bawah naungan akan memberikan sepenuh taat setia dan kerjasama dalam melaksanakan sebarang penugasan dan mendepani sebarang cabaran dan ancaman.

# Serah Terima Tugas Peg Mem 4 Komp Angkut KPD Mek

Oleh : MK 4 Bgd (Mek)

**PAHANG:** Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 4 Komp Angkut KPD (Mek) telah dilaksanakan bertempat di Padang Kawad Pasukan, pada 16 Jun 2020.

Majlis ini disaksikan oleh Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Zaidan Atan.

Acara dimulai dengan menandatangani Nota Serah Terima Tugas dan Serah Terima Tongkat Kuasa Pegawai Memerintah 4 Komp Angkut KPD (Mek) antara Lt Kol Harizal Hawari dan Lt Kol Muhammad Fadzly Abd Kadir sebagai Pegawai Memerintah yang baharu.

Sterusnya Pegawai Memerintah ditemuduga oleh Panglima dan diakhiri dengan jamuan ringkas.

Lt Kol Muhammad Fadzly Abd Kadir merupakan



Pegawai Memerintah Ke-30 dan semoga kecemerlangan pasukan yang mendapatkan jolokan Wagon Mechanize akan diterus oleh legasi beliau.

## Penyampaian Sumbangan Kepada Waris Anggota



**MELAKA:** Majlis ringkas penyampaian sumbangan kepada keluarga Allahyarham LK I TMK Muhammad Arif Idris telah disempurnakan oleh wakil dari Pejabat Kementerian Pertahanan, Dato Anuar Yunus dan Dato Ramli Simbok pada 25 Jun 2020.

Acara tersebut telah berlangsung semasa upacara pengkebumian Allahyarham di Tanah Perkuburan Masjid Saad Ibni Abi Waqqas, Melaka dimana allahyarham LK I TMK Muhammad Arif Idris telah terlibat dalam satu kemalangan jalan raya di Jalan Ranau-Kota Kinabalu pada 23 Jun 2020.

Turut hadir Pegawai Memerintah 73 KPD, Lt Kol Kamaruddin Dolah mewakili Panglima 3 Div.

## Serah Terima Tugas Peg Mem HTD Gemas

**NEGERI SEMBILAN:** Panglima 3 Divisyen, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim menyempurnakan acara Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Hospital Tentera Darat Kem Syed Sirajuddin (HTD KSS), Gemas pada 17 Jun 2020.

Dalam acara tersebut, Kol (Dr) Hjh Aeriza Dato' Hj Mohd Yusak telah menyerahkan tugas Pegawai Memerintah kepada Kol (Dr) Hj Umar Shariff A.Ghani.

Selain itu, Panglima 3 Div turut melakukan lawatan bagi melihat sendiri perkembangan pembinaan Masjid As-Solihin, Kem Syed Sirajuddin.

Masjid yang bermula pembinaanya pada Nov 2017 dan dijangka siap dalam masa terdekat ini mampu menampung lebih kurang 1,500 jemaah apabila siap kelak.



# Majlis Serah Menyerah Kem Sikamat

**NEGERI SEMBILAN:** Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kem Sikamat oleh Rejimen Ke-4 Artilleri Diraja (4 RAD) kepada Markas Briged Pertama Infantri Malaysia (1 Bgd) pada 17 Jun 2020.

Menyingkap kembali sejarah Kem Sikamat, kem ini pernah dijadikan markas operasi bagi pasukan *Queen's Gurkha Signals* pada tahun 1960 sehingga tahun 1979.

Seterusnya kem ini telah diambil alih oleh pasukan Batalion Ke-23 Rejimen Askar Melayu Diraja (23 RAMD) dari tahun 1979 sehingga 1981.

Pada tahun 1982, pasukan 18 RAMD pula mengambil alih kem ini sebelum diserahkan kepada 4 RAD pada tahun 1984 sewaktu era pemerintahan Lt Kol Maskan Katan.

Pada hari ini sejarah sekali lagi tercipta apabila Kem Sikamat akan diserahkan kepada 1 Bgd. Pasukan 4 RAD yang telah ditubuhkan pada 1 Januari 1980 di Kem Paroi, Negeri Sembilan telah digantung perkhidmatannya pada penghujung tahun 1982, disebabkan negara mengalami kemelesetan ekonomi.

Namun demikian, pasukan ini telah diwujudkan semula pada awal Jan 1985 dengan penubuhan nukleus di tempat yang sama iaitu di Kem Paroi.

Pada bulan Mac 1985, nukleus pasukan ini telah dipindahkan ke Kem Sikamat dan pada 13 Mac 2018, pasukan ini telah berpindah ke Kem Segamat yang terletak di Batu Anam, Segamat, Johor.



Acara penurunan bendera 4 RAD sebagai signifikan kepada penutupan pengoperasian 4 RAD, Kem Sikamat diiringi oleh tiupan paluan akhir dan diteruskan dengan sesi menandatangani nota serah menyerah Kem Sikamat.

Ianya dilaksanakan oleh Pegawai Memerintah 4 RAD, Lt Kol Rizalmi Ahmad dengan Panglima 1 Bgd, Brig Jen Anuar Abdul Wahab dan perasmian Monumen Kem Sikamat oleh Panglima 3 Div.

Turut hadir Penggerusi RAD, Mej Jen Dato' Mohd Zulkipli Mohd Zahir, Pengarah RAD, Brig Jen Dato' Ibrahim Yasir, Panglima Artilleri Div 3 Div, Brig Jen Noor Sazali Puteh, Pegawai-pegawai Kanan dan Pesara RAD.

## Hari Pengajian MK RAJD 3 Div

**MELAKA:** Hari Pengajian MK RAJD 3 Div bersama Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP) telah dilaksanakan di pasukan 9 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (9 RAJD), Kem Terendak pada 25 hingga 26 Jun 2020.

Hari pengajian pada kali ini memberi penekanan kepada sistem yang digunakan oleh pihak BGSP seperti *Geospatial Mobile System* (GSMS) dan *Defence Geospatial Information System* (DGIM).

Komander Rejimen Jurutera (KRJ) 3 Div, Kol Mohd Afendi Abu Bakar merasmikan pembukaan Hari Pengajian pada 25 Jun 2020 yang mana beliau turut menyampaikan hasrat agar lebih ramai warga RAJD menceburi bidang geospatial dan menggunakan kesempatan ini untuk mempelajari topik yang dibincangkan di sepanjang kelas berlangsung.

Aplikasi yang digunakan di BGSP amat penting kerana ianya merupakan salah satu cabang di dalam kor RAJD iaitu bidang geospatial.

Ketua Tim dari BGSP diketuai oleh Lt Kol Norazlin Pamuji telah berkongsi beberapa perkara penting seperti pengenalan kepada peta topografi yang terkini dan pengenalan kepada *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV).

Pengetahuan yang diperoleh di sepanjang hari pengajian ini memberi manfaat kepada semua yang terlibat kerana ianya merupakan pengetahuan yang baru dan wajar untuk diterokai. - PR 3 Div



# PMB TD Lawat OP BENTENG KTJ 2 Bgd

Oleh: Cwg Risik MK 2 Bgd

**PERAK:** Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMBTD), Lt Jen Dato' Mohamad Ab Rahman telah membuat lawatan di kawasan OP BENTENG Sektor 2 Bgd pada 25 Jun 2020.

Lawatan operasi ini dimulai dengan melawat kawasan MK Komp di Op PAGAR III, MK Tak 749, Kem Sri Banding dan Pangkalan Hadapan Temengor.

Ketibaan PMBTD di Bn Ke-3 Rejimen Sempadan, Pangkalan Hulu disambut oleh panglima-panglima formasi di bawah naungan Medan Barat.

Lawatan ini adalah lawatan ulung beliau sebagai PMBTD yang baru



dan kesempatan ini juga adalah untuk melawat pegawai serta anggota yang sedang beroperasi.

Turut hadir Panglima 2 Div, Panglima 4 Div, Panglima 30 Bgd dan Panglima 2 Bgd.

## Program Ziarah Kasih Mk 4 Div

**KUALA LUMPUR:** Markas Divisyen Keempat Infantri Malaysia (MK 4 Div) telah mengadakan Program Ziarah Kasih MK 4 Div bertempat di RKAT Kem Wardieburn pada 27 Jun 2020.

Ianya merupakan satu program lawatan ke rumah anggota yang keluarganya mempunyai masalah kesihatan kronik dengan kehadiran Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Hj Ya'cob Hj Samiran dan Pengerusi Bakat 4 Div, Datin Hanesabirin Yusoff sudi memeriahkan majlis.

Penerima sumbangan pertama adalah isteri kepada SSJn Hairizal Abdul Halim dari Cwg Risik MK 4 Div yang menghidap barah rahim tahap dua.

Penerima sumbangan kedua adalah anak kepada Kpl Bahari Mohd Tahir dari Cwg Ordnans MK 4 Div yang menghidap penyakit DORV, VSD-OCSA-TSA (Injap terbalik dgn berlubang).

Program ini ternyata dapat merapatkan hubungan antara Panglima 4 Div dan anggota-anggota bawah naungan.

Di samping itu, ia juga dapat mempertingkatkan nama baik organisasi 4 Div amnya dan TD

khasnya dengan membuktikan keprihatinan pemimpin atasan terhadap anggota yang mempunyai masalah kebajikan.

Turut hadir Peg Staf Satu Ordnans, Lt Kol Azlan Mustaffa dan Pegawai Staf Satu Risik, Lt Kol Siew Ha - **Kpl Mohd Sadiq Zakaria.**



# Program Derma Darah Anjuran 12 Bgd



Oleh: LtM Mohamad Syafiq  
Muhamimin Zakaria  
Gambar: Pbt Abu Huzaifah  
Sabarudin

**KUALA LUMPUR:** Seramai 518 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari bawah naungan Briged Kedua Belas Infantri Malaysia (12 Bgd) telah bekerjasama dengan Pusat Darah Negara bagi menganjurkan Program Derma Darah di Dewan Dato' Othman Harun selama lima hari bermula pada 13 hingga 17 Apr 2020.

Sebanyak 332 pek darah berjaya dikumpulkan selepas membuat penyaringan awal bagi memenuhi kriteria kesihatan.

Program Derma Darah ini bertujuan untuk membantu menampung keperluan bekalan Tabung Darah Negara.

## Serah Terima Tugas KS MK 12 Bgd

**KUALA LUMPUR:** Majlis Serah Terima Tugas Ketua Staf MK 12 Bgd dan Pengerusi BAKAT Kem 12 Bgd telah diajukan di Dewan Dato' Othman Harun pada 15 Jun 2020.

Ketibaan Panglima 12 Bgd, Brig Jen Datuk Marzuki Hj Mokhtar disambut oleh Ketua Staf serta Pegawai Memerintah dan Pegawai Pemerintah pasukan bawah naungan 12 Brigid.

Majlis dimulai dengan acara menandatangani Nota Serah Terima Tugas Ketua Staf 12 Bgd antara Lt Kol Mohamad Zambari Hj Abdul Khorid dengan Lt Kol Khairul Azman Kormin sebagai Ketua Staf 12 Bgd baharu.

Pada masa yang sama, Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT Kem 12 Bgd yang dilaksanakan di Bilik VIP Dewan Dato' Othman Harun di antara Nazatul Nazwah Ibrahim dengan Noraini Che Din @ Abu Kadir.

Seterusnya, Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai dan PTT Kanan Markas 12 Bgd turut disempurnakan oleh Panglima 12 Bgd.

Dalam ucapan Panglima 12 Bgd, beliau turut menzahirkan ucapan terima kasih atas jasa dan pengorbanan Mantan Ketua Staf dan turut mengalu-alukan kedatangan Ketua Staf yang baharu ke Markas 12 Bgd serta turut mengucapkan tahniah kepada Pegawai dan PTT Kanan yang telah dinaikkan pangkat dalam majlis tersebut. - **Kpl Khairil Nizam Yunus, Gambar: Pbt Abu Huzaifah Sabarudin**



# Panglima 5 Div Lawat Pusat Pemindahan Bencana

**SABAH:** Panglima 5 Div, Mej Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan mengadakan lawatan ke Pusat Gerakan Banjir di IPD Kota Belud, seterusnya mengiringi Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Mohd Shafie Apdal melawat mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di PPS Dewan Masyarakat Tun Said, Kota Belud, Sabah pada 30 Jun 2020.

Menurut Panglima 5 Div, anggota tentera sentiasa bersiaga dalam membantu meringankan beban mangsa banjir di seluruh Negeri Sabah termasuk Daerah Kota Belud.

Kejadian banjir kilat berlaku akibat hujan lebat yang berterusan. Pada masa yang sama, kawasan tanah rendah sistem perparitan yang tidak diselenggara turut menyumbang kepada berlakunya banjir kilat di Negeri Sabah.

Usaha murni 5 Div dalam menghulurkan bantuan untuk memastikan penduduk-penduduk di kawasan yang



terlibat banjir sedikit sebanyak dapat menaikkan imej ATM amnya dan TD khasnya.

## Pemakaian Pangkat Ajutan Kem 5 DIV

**SABAH:** Panglima 5 Div, Mej Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan menyempurnakan acara pemakaian pangkat Ajutan Kem 5 Div, Kapt Mohamad Ridzuan Abdul Nasser yang dilaksanakan di Bilik Nabalu, Markas 5 Div pada 30 Jun 2020.

Kapt Mohamad Ridzuan mula menyertai ATM sebagai pegawai kerahan mulai 1 Dis 2008 dan diserapkan ke Kor Rejimen Sempadan pada 18 Sep 14. Beliau mula menjawat jawatan Ajutan AT 450 mulai 15 Okt 18.

Acara pemakaian pangkat tersebut turut disempurnakan oleh isteri beliau, Nor Akma Shuhada Rejab.

Turut hadir, Juruiring TYT Sabah, Kol Herman Bombang.



## Kunjungan Hormat Pengarah KPD



**SABAH:** Pengarah KPD, Brig Jen Ezani Abdullah melakukan Kunjungan Hormat ke atas Panglima 5 Div, Mej Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan di Markas 5 Div, pada 30 Jun 2020.

Brig Jen Ezani Abdullah merupakan Pengarah KPD yang Ke-18 dimana beliau mempengerusi Lembaga kenaikan pangkat anggota Lain-Lain Pangkat KPD yang diadakan di 5 Pl Bekalan KPD, Kem Lok Kawi bermula 29 hingga 30 Jul 2020.

Kunjungan Hormat buat julung kalinya ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama Jabatan Arah KPD dengan Formasi 5 Div.

Beberapa perkara yang turut dibincangkan semasa sesi kunjungan hormat tersebut, termasuk perancangan penempatan dan penugasan pegawai dan anggota KPD di bawah naungan 5 Div. - Mej Aishah Ismail, Gambar: Kpl Junaidi Japar

# Serah Terima Tugas Panglima 5 Bgd



Oleh: Sel Risik MK 5 Bgd

**SABAH:** Majlis Serah Terima Tugas Tampok Pemerintahan 5 Bgd baharu

telah diadakan bertempat di Kem Paradise, Kota Belud pada 22 Apr 2020.

Serah menyerah ini di antara Brig Jen Zambery Jefry Hj Darus yang dilantik sebagai Panglima 5 Bgd yang baharu menggantikan Mej Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan yang telah dinaikkan pangkat dan menjawat jawatan sebagai Panglima 5 Div.

Majlis penyerahan tugas disempurnakan antara beliau dengan pemangku Panglima iaitu Lt Kol Yousrie Muhamad disaksikan Panglima 5 Div.

Mengimbas keperibadiannya, Brig Jen Zambery Jefry Hj Darus merupakan mantan Komandan PUSASDA sebelum dilantik sebagai Panglima 5 Bgd yang Ke-33.

Turut hadir Pegawai Memerintah dan Pemerintah dibawah naungan 5 Bgd.

## Khatam Al- Quran dan Pengislaman Saudara Baharu Anjuran MK 5 Bgd



**SABAH:** Seramai 20 pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) bawah naungan Brigid Kelima Infantri Malaysia (5 Bgd) terlibat dalam Majlis Khatam Al-Quran dan Pengislaman Saudara baru dibawah penganjuran Sel Agama MK 5 Bgd di Surau MK 5 Bgd, Kem Paradise pada 20 Mei 2020.

Majlis dimulakan selepas ketibaan Panglima 5 Bgd, Brig Jen Zambery Jefry Hj Darus dan diteruskan dengan Khatam Al-Quran dan Pengislaman Saudara baru yang telah dibimbing oleh Panglima 5 Bgd.

Seterusnya Penyampaian Cenderahati kepada peserta Tadarus Online dan Sumbangan kepada Saudara Muslim oleh Panglima 5 Bgd.

Majlis Khatam Al-Quran dan Pengislaman Saudara Muslim ini bertujuan untuk menyemarakkan Ihya' Ramadhan 1441H dan juga ianya untuk membudayakan Al-Quran serta pengisytiharan saudara muslim.

Semoga program ini mendapat keberkatan dan keredaan dari Allah S.W.T. - **Lt Jeffry Samsudin, Gambar: Pbt Gary Pangabang**

# Pemakaian Pangkat Pegawai dan Anggota LLP 5 Skn RAJD

Oleh: Sjn Mohamad Syahzwan Yahya

**SABAH:** Seramai tiga pegawai dan dua anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari 5 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (5 RAJD) Kem Lok Kawi dinaikkan pangkat pada 22 Jun 2020.

Majlis pemakaian pangkat diadakan di Bilik Gerakan 5 Skn RAJD disempurnakan oleh Pegawai Pemerintah 5 Skn RAJD, Mej Nazulisyam Ahmed Naim.

Beliau menyatakan bahawa pangkat merupakan amanah yang datang bersama tanggungjawab untuk memimpin khususnya kepada anggota bawahan mereka nanti.



## Serah Terima Tugas KS MK 5 Div



**SABAH:** Majlis Serah Terima Tugas Ketua Staf MK 5 Div telah dilaksanakan di Bilik Nabalu, MK 5 Div di antara Kol Norulhisyam Md Shuib dengan Kol Shamsuri Hj Noordin disaksikan Panglima 5 Div, Mej Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan pada 16 Jun 2020.

Kol Norulhisyam Md Shuib bertukar keluar ke Akademi Tentera Darat sebagai Pengarah Kolej Pegawai setelah setahun 3 bulan menjawat jawatan Ketua Staf MK 5 Div mulai 20 Mac 2019, manakala Kol Shamsuri Hj Nordin merupakan bekas Juruarah Maktab Turus Angkatan Tentera sebelum bertukar masuk ke MK 5 Div berkuatkuasa 18 Jun 2020.

Turut hadir Ketua Staf serta pegawai-pegawai staf MK 5 Div. - Mej Aishah Ismail, Gambar: Kpl Junaidi

## Serah Terima Tugas Pegawai Pemerintah 5 Skn RAJD

**SABAH:** Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Pemerintah 5 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (5 Skn RAJD) di antara Mej Mohd Rizam Zulkifli dan Mej Nazulisyam Ahmed Naim disaksikan Panglima 5 Div, Mej Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan di Bilik Gerakan Pasukan Kem Lok Kawi pada 15 Jun 2020.

Majlis diteruskan dengan acara menandatangi Buku Lawatan oleh Panglima 5 Div dan penyampaian cenderahati daripada Pegawai Pemerintah 5 Skn RAJD yang baharu, Mej Nazulisyam Ahmed kepada Panglima 5 Div. - Sjn Mohamad Syahzwan Yahya



# Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 8 RS

Oleh: Pbt Ab Muhammin Ab Salam  
Gambar: Pbt Muhammad Yusry  
Mohamad Zohir

**SABAH:** Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah Batalion Kelapan Rejimen Sempadan (8 RS) telah diadakan dengan disaksikan oleh Panglima 13 Bgd, Brig Jen Abdul Razak Hussain di Dewan Terbuka Kem Shan Shui pada 22 Jun 2020.

Majlis dimulakan dengan menandatangani Nota Serah Terima Tugas dan Penyerahan Tongkat Kuasa Pegawai Memerintah 8 RS antara Lt Kol Mohd Johaizad Jarudin dengan Lt Kol Mohd Zuki Edang@Yusoff selaku Pegawai Memerintah yang baru.

Majlis diteruskan dengan sesi temu-duga Pegawai Memerintah bersama Panglima dan majlis diakhiri dengan jamuan ringkas serta penyampaian cenderamata.



## Panglima 13 Bgd Lawat Pengurus Besar FELDA Wilayah Sahabat



**SABAH:** Panglima 13 Bgd, Brig Jen Abdul Razak Hussain mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengurus Besar FELDA Wilayah Sahabat, Hasrin Ismail di Kompleks Pejabat FELDA Wilayah Sabah pada 24 Jun 2020.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan serta kerjasama yang sedia ter-jalin antara pihak FELDA dan MK ini sejak ianya ditubuhkan pada tahun 2016.

Beberapa perkara yang turut dibincangkan termasuk berkaitan fungsi 13 Bgd kepada penduduk tempatan bukan sahaja untuk memastikan keselamatan kawasan ini malah dapat memberi nilai tambah kepada pembangunan ekonomi setempat menerusi pembinaan kem baharu di Desa Kencana.

Selain itu, Panglima 13 Bgd turut menyatakan bahawa kerjasama di antara pihak 13 Bgd dan FELDA amat penting bagi berkongsi maklumat berkaitan perkampungan haram dan kemasukan PATI terutamanya di dalam kawasan FELDA agar dapat membendung ancaman daripada anasir-anasir luar sehingga tercetusnya konflik seperti yang berlaku di Tanduo pada tahun 2013 dan aktiviti jenayah rentas sempadan yang lain.

Panglima 13 Bgd juga berharap menerusi pendekatan GSPS, hubungan yang akrab ini dapat dikekalkan bukan sahaja kepada warga FELDA malah seluruh warga Lahad Datu agar dapat bersama-sama menjaga kedaulatan negara ter-cinta. - **Lt Muhammad Alif Mohad Jamil, Gambar oleh: Lt M Syahiran Abd Sukor**

# Majlis Serah Terima Tugas Ketua Skuadron 5 SSB

Oleh: 5 SSB

**SABAH:** Majlis serah terima tugas Ketua Skuadron, Skuadron Semboyan Briged Kelima Infantri Malaysia (5 SSB) diadakan di Bilik Gerakan 5 SSB, Kem Lok Kawi pada 9 Jun 2020.

Acara dimulakan dengan pemeriksaan Kawalan Suku oleh Panglima 5 Bgd, Brig Jen Zambery Jefry Hj Darus dan diteruskan dengan acara menandatangani Nota Serah Terima Tugas antara Pemangku Ketua Skuadron, Mej Wan Mohd Jaie Wan Ali dengan Ketua Skuadron baharu, Lt Kol Muhammad Yazrul Yaakub.

Majlis diteruskan lagi dengan upacara se-rah tongkat kuasa dan diakhiri dengan acara bergambar.



## Tembadau Ride Uji Fizikal dan Mental



**SABAH:** Seramai 23 warga MK 5 Div menyertai aktiviti berbasikal yang diketuai oleh Panglima 5 Div, Mej Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan pada 26 Jun 2020.

Acara dimulakan dengan aktiviti pemanasan sebelum memulakan kayuhan bermula dari Markas 5 Div hingga ke Tanjung Aru dengan jarak 24 km dari Kem Lok Kawi.

Meskipun negara sedang berhadapan dengan ancaman Pandemik COVID-19, namun aktiviti riadah amat penting dalam memastikan tahap kesihatan berada di tahap yang memuaskan.

Acara ini merupakan salah satu aktiviti bulanan Markas 5 Div bertujuan untuk mengukuhkan semangat *esprit de corps* dikalangan pegawai selain daripada salah satu aktiviti latihan jasmani. - **Mej Aishah Ismail, Gambar: Pbt Tiefwalzer Whyrnest Baitin**

## UKA Penggal Kedua 5 Skn RAJD

**SABAH:** Seramai enam pegawai dan 42 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) 5 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) mengambil bahagian dalam Ujian Kecergasan Asas (UKA) Penggal kedua yang dilaksanakan pada 25 Jun 2020.

Ujian yang dilaksanakan bagi menguji tahap kecergasan setiap anggota Tentera Darat ini dilaksanakan sebanyak dua kali setahun meliputi ujian Tekan Tubi, Bangkit Tubi dan Larian 2.4km yang diajukan di dalam kawasan Kem Lok Kawi. - **Sjn Mohamad Syahzwan Yahya**



# Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 22 RAMD

Oleh: Kapt Arif Iskandar Mohamed Pakri  
Gambar: Kpl Raja Muhammad Hilman

**SABAH:** Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah 22 RAMD dilaksanakan di Padang Kawad Kem Sri Kinabatangan, Sandakan pada 27 Jun 2020.

Majlis dimulakan dengan perbarisan dan disusuli dengan acara menandatangani Nota Serah Menyerah antara Lt Kol Mohd Rizwan Abdullah dan Lt Kol Osman Abdul Rahim sebagai Pegawai Memerintah 22 RAMD yang baru disaksikan oleh Panglima 5 Briged, Brig Jen Zambery Jefry Hj Darus. Acara diteruskan dengan Penyerahan Tongkat Kuasa dan Penyerahan Panji-Panji Pasukan.

Pada masa yang sama, Acara Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT 22 RAMD turut diadakan di antara Mej Nor Reahan Mahdera kepada Nik Suhaila Ahmad.



## Kursus PIFA Tahap 4



**SABAH:** MK 5 Bgd melaksanakan Kursus PIFA Tahap 4 bertempat di Masjid As Salam, Kem Lok Kawi, Kota Kinabalu, mulai 22 hingga 26 Jun 2020.

Kursus yang merupakan syarat wajib untuk peningkatan kerjaya anggota LLP ini dihadiri seramai 20 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dalam usaha untuk mengukuhkan tahap pengetahuan agama Islam serta menguji penguasaan peserta dalam bacaan Al-Quran.

Kursus PIFA merupakan medium kedua untuk memastikan setiap anggota muslim meningkatkan keimanan dan seterusnya segala ilmu yang diperolehi akan dapat dimanfaatkan dunia dan akhirat. - **Mej Syed Mohd Akhirudin, Gambar: Sel Agama MK 5 Bgd**

## Kursus PMET

**SABAH:** Seramai tujuh peserta menghadiri Kursus Pendidikan Moral dan Etika Tentera (PMET) Tahap 1, Siri 1/2020 bagi Zon Sabah yang dianjurkan oleh Sel Pendidikan MK 5 Bgd di Perpustakaan Kem Lok Kawi mulai 22 Hingga 26 Jun 2020.

Kursus ini dikoordinasikan oleh PS Pendidikan MK 5 Bgd, Lt Leenaambighai Jayabalan dibantu oleh Jurulatih-jurulatih Pendidikan sekitar Kem Lok Kawi.

Sel Pendidikan MK 5 Bgd turut mengajurkan Kursus Penataran Jurulatih Pendidikan yang dihadiri seramai 15 anggota yang diadakan mulai 18 hingga 19 Jun 2020. - **Sel Pendidikan MK 5 Bgd**



# Serah Terima Tugas Kompeni QRF OP PASIR

Oleh: MK MAB

**SABAH:** Majlis Serah Terima Tugas Kompeni QRF OP PASIR Siri 1/2020 diantara Batalion Ke-17 Rejimen Askar Melayu Diraja (Para) dengan Batalion Kelapan Rejimen Renjer Diraja (Para) telah dilaksanakan bertempat di pekarangan Kem Sri Wangsa Semporna pada 13 Mei 2020.

Perbarisan yang terdiri daripada dua pegawai dan 14 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) disempurnakan dengan acara menandatangani Nota Serah Terima Tugas di antara Kapt Muhammad Aswad Mhd Pauzi, Ketua Kompeni 17 RAMD kepada Mej Muhammad Saufi Hassan, Ketua Kompeni 8 RRD disaksikan oleh Ketua Operasi Angkatan Tugas Bersama 2, Lt Kol Junidi Ahmad.



## Kunjungan Hormat DYTM RMS

**MELAKA:** Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor (DYTM RMS) telah berkenan membuat Kunjungan Hormat ke atas Panglima 10 Briged (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki pada 26 Jun 2020.

Kunjungan hormat ini sebagai tanda penghargaan kepada 10 Bgd (Para) susulan DYTMRMS yang merupakan Ketua Platun Rinser, 17 RAMD (Para) menghadiri Kelas Bimbingan Peperiksaan Leftenan ke Kapten Tahun 2020 Peringkat 10 Bgd (Para) melibatkan seramai 26 pegawai dari pasukan naungan 10 Bgd (Para).

Kunjungan ini diakhiri dengan menandatangani Buku Lawatan serta penyampaian cenderahati Panglima 10 Bgd (Para) kepada DYTMRMS.

Turut hadir semasa kunjungan hormat ini adalah Peg Mem 17 RAMD (Para), Lt Kol Anwar Zamani Jusop serta Pegawai Staf Kanan MK 10 Bgd (Para).



## Lembaga Kenaikan Pangkat Anggota LLP



**MELAKA:** Seramai 55 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) ber pangkat Koperal telah terlibat dalam Lembaga Kenaikan Pangkat LLP Kor Inf bagi Siri 1/2020 Peringkat 8 RRD (Para) bermula dari 22 hingga 29 Jun 2020.

Lembaga Kenaikan Pangkat ini dilaksanakan bagi memilih bakal PTT Kanan yang berketerampilan dan komited untuk mengisi kekosongan perjawatan berpangkat Sarjan di 8 RRD (Para).

Lembaga tersebut dimulakan dengan sesi pendaftaran dan pemeriksaan dokumen oleh sekretariat di Dewan Makan Siti Hajar, 8 RRD (Para). Seterusnya, semua calon melaksanakan UKA dan UKKI bagi melayakkan calon ke fasa yang seterusnya iaitu Temuduga Lembaga Akhir.

Sesi Temuduga Lembaga Akhir telah dipengerusikan oleh Pegawai Memerintah 8 RRD (Para), Lt Kol Zulkifli Raub dan ahli-ahli panel yang terdiri daripada Ketua-Ketua Kompeni dan SMR 8 RRD (Para), PW I Sapolrizan Mat Abu.

Seramai 47 calon telah lulus dengan cemerlang dan layak disokong untuk memakai pangkat pangkuhan Sarjan.

- Lt Suhanraj Rajasegaran, Gambar: LKpl Jarod Jonep

# Program Derma Darah Peringkat 10 Bgd Para

Oleh: Lt Mohd Hanif Ahmad  
Gambar: Sel Risik Mk 10 Bgd (Para)

**MELAKA:** Seramai 417 penderma terdiri daripada pegawai dan anggota 10 Bgd (Para) telah terlibat di dalam Program Derma Darah Peringkat 10 Bgd (Para) disempurnakan Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki di Dewan Serbaguna, Kem Terendak.

Program ini dianjurkan oleh Kompeni Perubatan (Para) yang dilaksanakan selama empat hari bermula pada 27 dan 29 Apr, 4 Mei dan 6 Mei 2020 bersama Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Melaka.

Dalam mengekang penularan wabak COVID-19, para petugas serta penderma yang hadir diwajibkan mengikut SOP yang telah ditetapkan seperti memakai penutup mulut dan hidung serta saringan suhu dan mengamalkan penjarakan sosial.

Kemuncak acara derma darah, apabila Panglima 10 Bgd



menyerahkan pek darah kepada wakil Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Melaka, Noriah Abu Bakar.

Program Derma Darah ini merupakan salah satu acara yang dirancang bagi memenuhi keperluan kritikal orang ramai di Hospital Melaka khususnya dan telah berjaya mengumpul sebanyak 372 pek darah.

## Program Anti Dadah Peringkat 10 Bgd Para

**MELAKA:** Seramai 13 pegawai dan 137 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Program Anti Dadah Penggal 1/20 Peringkat 10 Bgd (Para) yang diadakan di Dewan Serbaguna Kem Terendak pada 17 Jun 2020.

Objektif program untuk memberi pendedahan serta meningkatkan kesedaran peserta terhadap gejala-gejala berkaitan dadah dalam perkhidmatan dan juga sebagai salah satu usaha untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja bebas dadah.

Pelaksanaan program pada kali ini turut mengambil kira

langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 di mana semua peserta diwajibkan membuat saringan suhu badan dan memakai topeng muka sebelum masuk ke dalam dewan.

Acara dimulakan dengan ceramah yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Bahagian Pencegahan AADK Melaka, Mohamed Izuan Abdul Rahman.

Selain itu, Pegawai Memerintah 17 RAMD (Para), Lt Kol



Anwar Zamani Jusop turut menjadi Penceramah Jemputan bagi menyampaikan ceramah berkaitan Undang-Undang dan Dasar Terkini TD di dalam isu berkaitan penyalahgunaan dadah.

Program diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada wakil AADK (Melaka) dan penceramah jemputan oleh Ketua Staf Am MK 10 Bgd (Para), Lt Kol Din Izuan Mahar Afandi.

# Panglima 10 Bgd Para Lawat OP PASIR

Oleh: Lt Mohd Ikram Hakim Mohd Fisol

Gambar: Kpl Mohamed Syafiq Zulkifli

**SABAH:** Panglima 10 Bgd (Para), Brig Jen Hj Semaon Hj Marjuki telah melawat kesemua KTJ OP PASIR Sektor Selatan Siri 2/2020 pada 20 hingga 23 Jun 2020.

Ketibaan beliau disambut oleh Pegawai Memerintah 9 RAMD (Para), Lt Kol Ahmad Fitri Othman serta warga Harimau Para.

Pasukan 9 RAMD (Para) dipertanggungjawabkan melaksanakan tugas di Pantai Timur Sabah manakala 8 RRD (Para) pula dipertanggungjawabkan sebagai *Quick Reaction Force* (QRF) bagi keseluruhan OP PASIR di Sabah.

Panglima 10 Bgd (Para) memberikan kata-kata semangat serta berterima kasih kepada anggota yang beroperasi diatas pengorbanan mereka dalam memastikan sempadan Malaysia-Filipina bebas dari sebarang ancaman dan pencerobohan.



Lawatan ini diakhiri dengan Kunjungan Hormat kepada Komander MK ATB 2, Brig Jen Johari Mohd Jaafar.

Turut hadir, Pegawai Memerintah 8 RRD (Para), Lt Kol Zulkifli Raub dan Pegawai Pemerintah KPP, Lt Kol (Dr) Ahmad Farhan Ahmad Fuad.

## Kelas Bimbingan Peperiksaan Kenaikan Pangkat Lt Ke Kapt 10 Bgd Para

**MELAKA:** Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, Raja Muda Selangor (DYTM RMS) telah berkenan untuk menghadiri Kelas Bimbingan Peperiksaan Kenaikan Pangkat Leftenan Ke Kapten (Bertulis) 10 Brighed (Para) Tahun 2020 anjuran 17 RAMD (Para) bermula 22 sehingga 26 Jun 2020.

Kelas bimbingan tersebut telah dilaksanakan di Wisma Perwira 17 RAMD (Para) merangkumi empat subjek iaitu Undang-Undang Tentera, Sejarah Ketenteraan, Hal Ehwal Antarabangsa dan Pengetahuan Am Ketenteraan.

Kelas bimbingan ini berkekuatan 26 pegawai dari pasukan-pasukan naungan 10 Brighed (Para) yang mana 18 pegawai mengambil mata pelajaran Undang-Undang Tentera, 25 pegawai mengambil mata pelajaran Sejarah Ketenteraan, 13 pegawai mengambil mata pelajaran Hal Ehwal Antarabangsa dan 13 pegawai mengambil mata pelajaran Pengetahuan Am Ketenteraan.

Kelas bimbingan ini bertujuan untuk mempersiapkan

DYTM RMS dan pegawai-pegawai untuk menghadapi peperiksaan Lt ke Kapt yang akan dilaksanakan mulai 7 sehingga 9 Jul 2020 di Dewan Serbaguna Kem Terendak, Melaka.

Keberangkatan tiba DYTMRMS ke Wisma Perwira 17 RAMD (Para) telah disambut sendiri oleh Pegawai Memerintah 17 RAMD (Para), Lt Kol Anwar Zamani Jusop serta barisan pegawai 17 RAMD (Para) pada 21 Jun 2020.

Sepanjang kelas bimbingan yang dilaksanakan ini, DYTMRMS telah menunjukkan semangat dan minat yang tinggi serta sudi berkongsi ilmu pengetahuan bersama para pegawai yang lain.

DYTMRMS turut memberikan pendapat serta pandangan dalam sesi perbincangan dan pembentangan taklimat yang telah dilaksanakan dalam kelas tersebut.

Pegawai Pembimbing bagi kelas bimbingan yang dilaksanakan merupakan para pegawai telah dipilih oleh MK 10 Brighed (Para) termasuk Pegawai Pembimbing Jemputan



iaitu PS 1 Undang-Undang MK TD-CSM, Lt Kol Shaharul Othman bagi memberi tunjuk ajar dan ilmu pengetahuan kepada DYTMRMS dan para pegawai di bawah naungan 10 Brighed (Para) bagi menghadapi peperiksaan Leftenan ke Kapten.

DYTMRMS berangkat pulang ke Istana Mestika, Shah Alam pada 27 Jun 2020. - Lt Ahmad Jeffry Ahmad Tarmizi, Gambar: Sel Risik 17 RAMD (Para)

# Lawatan AKS J3 MKAB Ke *Malbatt Village*



**Oleh:** Kapt Muhammad Adam Jalil  
**Gambar :** Kpl Halimatol Sa'adiah Osman

**NEGERI SEMBILAN:** Kontinjen Tentera Darat (TD) MALBATT

850-8 yang kini sedang menjalani Latihan Satu Perkhidmatan (LSP) di *Malbatt Village* telah menerima lawatan Asisten Ketua Staf J3 Markas Angkatan Bersama, Mej Jen Dato' Hj Sanusi Hj Samion TUDM di Port Dickson pada 9 Jun 2020.

Lawatan ini bertujuan untuk melihat dengan lebih dekat serta mendapatkan maklum balas LSP Kontinjen TD yang secara rasminya bermula pada 3 Jun 2020 serta melihat bagaimana kesiapsiagaan Kontinjen TD dalam melaksanakan latihan dengan menerapkan budaya Norma Baharu untuk diaturgerakkan ke Lubnan.

Lawatan dimulakan dengan penyampaian taklimat pelaksanaan LSP - Norma Baharu oleh Kol Azudin Hassan, Komander MALBATT 850-8.

Acara diteruskan dengan *Walking Brief* di sekitar *Malbatt Village* bagi melihat dengan lebih dekat bagaimana perlaksanaan latihan kepakaran mengikut elemen yang disesuaikan mengikut norma baharu.

Turut dipamerkan adalah tatacara penggunaan *Mobile Field Disinfectant* sebagai alternatif sanitasi anggota dalam SOP latihan pada kali ini.

## Malbatt 850-7 Komited Galas Misi Keamanan di Lubnan

**MA'RAKAH:** Warga MALBATT 850-7 terus komited dalam menggalas Misi PBB berpandukan Mandat UNSC 1701 di Selatan Lubnan.

Cabar menggalas tugas di bawah MK UNIFIL di perantauan lebih-lebih lagi dalam berhadapan wabak pandemik COVID-19, benar-benar menguji kekuatan

fizikal dan mental Warga MALBATT 850-7 pada ketika ini.

Warga MALBATT 850-7 sentiasa komited terhadap perlaksanaan tugas dan tanggungjawab di Selatan Lubnan dalam menentukan keamanan sentiasa terpelihara walau-pun menghadapi cabaran dalam menentukan keselamatan kesihatan *personal* serta menguruskan pentadbiran

keluarga di Malaysia yang berada dalam suasana penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MK MALBATT 850-7 sentiasa menjaga moral anggota dan menentukan keselamatan kesihatan sentiasa terpelihara melalui tatacara langkah-langkah pencegahan yang dikuatkuasakan serta memastikan setiap warganya sentiasa dapat berhubung bersama keluarga di tanah air.

Seluruh Rakyat Malaysia, diharapkan dapat mendoakan warga MALBATT 850-7 sentiasa dibawah perlindungan dan diberikan kesihatan yang terbaik serta dipermudahkan segala urusan oleh Allah S.W.T walaupun mereka ini berjauhan dengan keluarga tersayang. - **MALBATT 850-7**



# Sector West Live Firing Exercise

**NAQOURA:** Seramai 10 pegawai dan 75 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) MALBATT 850-7 telah terlibat di dalam Sector West (SW) Live Firing Exercise bertempat di Naqoura Sea Firing Range, Lubnan pada 26 Jun 2020.

Eksesais ini merupakan anjuran bersama MK UNIFIL, J7 dan MK Sektor Barat, G5/7 bertujuan mengoptimumkan kompetensi dan keyakinan pegawai dan anggota dalam mengendalikan senjata persendirian dan bantuan disamping mengeratkan hubungan silaturahim dan kesatuan serta mekanisme di antara batalion di bawah MK Sektor Barat.

Latihan ini disertai oleh tujuh tim daripada kontinjen dan unit di bawah UNIFIL termasuk MALBATT yang meliputi Kontinen dan unit dari ITALBATT, SMR, LAF, GHANBATT, ROKBATT dan FC Unit.

Terdahulu eksesais ini dimulakan dengan pameran statik yang dihadiri oleh Maj Gen Stefano Del Col, Head of Mission/Force Commander (HoM/FC) dan Brig Gen Diego Filippo Fulco, Sector West Commander.

MALBATT turut mempamerkan kenderaan perisai APC Guardian dan senjata bantuan batalion seperti General Purpose Machine Gun (GPMG) dan Sniper Blazer 7.62 mm.

Bagi acara menembak, MALBATT memulakan tembakan dengan disiplin menembak Senjata Sniper Blazer 7.62 mm diikuti tembakan anggota repal menggunakan



Senjata Colt M4 dan diakhirnya tembakan Senjata GPMG dari APC Guardian.

Kesemua target tembakan menyasarkan ke arah Laut Mediterranean dengan di jarak sasaran 300 meter bagi disiplin repalman manakala bagi disiplin Sniper dan GPMG APC Guardian di jarak 700 meter.

Secara keseluruhannya, eksesais ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif yang telah digariskan dan penganjur eksesais mengucapkan tahniah dan berpuashati dengan penglibatan semua Batalion dan unit yang telah memberi kerjasama yang baik sepanjang eksesais berlangsung.

## Pemeriksaan COVID -19 Preparedness and Quarantine Inspection

**MA'RAKAH:** Tim Pemeriksaan Teknikal UNIFIL telah melaksanakan pemeriksaan COVID-19 Preparedness and Quarantine Inspection di Kem Ma'rakah (UNP 2-1) dan Kem Tibnine (UNP 6-43) pada 29 Jun 2020.

Tim ini diketuai oleh Lt Col Ernest Nanbigne, Maj Dr Haichoa Jin, Pakar Perubatan Hospital Naqoura dan seorang Petugas Awam daripada MK UNIFIL.

Pemeriksaan ini memfokuskan kepada tahap persediaan dan kelengkapan untuk menghadapi fasa kuarantin

bagi trup yang pulang ke Bumi Lubnan sekembalinya percutian dari Malaysia.

Ini adalah selaras dengan pengarahan Ibu Pejabat UN, New York yang berkehendakkan setiap Batalion dan unit yang beroperasi di UNIFIL dalam tahap kesiapsiagaan tinggi bagi menghadapi krisis Pandemik COVID-19 yang melanda dunia pada ketika ini.

Objektif pemeriksaan ini adalah bertujuan membendung penularan wabak COVID-19 bagi setiap individu UNIFIL di KTJ Lubnan.

Aspek yang dititikberatkan adalah tatacara penerimaan trup bermula dari Lapangan Terbang Antarabangsa Rafic Hariri sehingga ke Kem Ma'rakah (UNP 2-1) dan Tibnine (6-43).

Pemeriksaan turut memfokuskan aspek persediaan dan kelengkapan tempat penginapan, pengasingan dan kemudahan logistik yang lain.

Secara keseluruhannya, pemeriksaan ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif sepertimana yang digariskan.

Segala kelemahan yang dikenalpasti akan dipertingkatkan dan ditambahbaik dalam mengurus dan mengendalikan Warga MALBATT dari wabak pandemik COVID-19.



# Program Jiwa Murni Eratkan Hubungan Penduduk Setempat

Oleh: SSjn Charles Mandatang

Gambar: Pbt Muhamad Azrie Zaquan Mohd Nordin

**SABAH:** Satu Program Jiwa Murni telah dilaksanakan di Kg Tambisan Darat oleh 13 Bgd dan 3 RRD yang sedang melaksanakan OP PASIR Pesisir Pantai bersama penduduk setempat di Kg Tambisan Darat pada 15 Mei 2020.

Aktiviti dimulakan dengan pelaksanaan gotong-royong membersihkan kawasan sekitar dan mengecat Dewan Serbaguna Kg Tambisan Darat.

Acara diteruskan dengan upacara simbolik penanaman pokok durian di hadapan dewan tersebut oleh Panglima 13 Bgd, Pegawai Unit Pembangunan Masyarakat Tungku dan Ketua Kampung serta turut dilaksanakan pemeriksaan kesihatan secara percuma oleh Pegawai Perubatan dari 824 RSAT dan 3 RRD.

Sebelum acara jamuan dimulakan, Panglima 13 Bgd turut menyampaikan sumbangan peralatan *Personal Protective Equipment* dari MK ini kepada penduduk setempat.

Panglima 13 Bgd dalam ucapannya turut menyatakan berkaitan perkembangan 13 Bgd yang bakal di tempatkan di Desa Kencana dan aktiviti seperti ini amat penting untuk mengeratkan hubungan yang akrab di antara pasukan keselamatan dan penduduk setempat bertepatan dengan



cogan kata Tentera Bersama Rakyat, Sedia Sebilang Masa.

Kerjasama ini juga dapat menjamin kestabilan dan keselamatan memandangkan kawasan ini sentiasa terdedah dengan pelbagai aktiviti jenayah rentas sempadan dan penculikan oleh kumpulan *Kidnap for Ransom* yang didalangi oleh Kumpulan Abu Sayyaf.

Selain itu ianya membolehkan penyaluran maklumat dapat disampaikan oleh penduduk setempat bagi mengekang setiap ancaman yang dihadapi.

Turut hadir Panglima 13 Bgd, Brig Jen Abdul Razak Hussain, Pegawai Memerintah 3 RRD, Mohammed Amin Dollah@Abdullah, Roslan Abdul Hamid, Pegawai Unit Pembangunan Masyarakat Tungku dan Ketua Kampung Tambisan Darat, Abdul Malik Lokman.

## OP MURNI 3 RAMD

**SABAH:** Seramai enam pegawai dan 82 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Batalion Ketiga Rejimen Askar Melayu Diraja (3 RAMD) terlibat dalam atur gerak OP MURNI bagi membantu seramai 394 mangsa daripada 134 keluarga di Daerah Kota Belud, Papar dan Penampang pada 27 Jun 2020.

Anggota akan ke lokasi-lokasi yang terjejas bagi membantu Agensi Keselamatan Awam yang terlibat dalam menjayakan misi menyelamatkan mangsa-mangsa banjir.

Antara aset yang digunakan bagi membantu atur gerak operasi ini agar dapat berjalan dengan lancar adalah



empat buah KPS GK-MK1, sebuah pacuan empat roda Isuzu D-Max dan dua buah Trak 3 Ton manakala aset perairan yang terlibat adalah dua buah bot tempur bersama peralatan dan dua buah *outboard* motor (OBM) 55 hp.

Selain itu, pasukan ini turut mendapat sokongan atur gerak aset daripada Formasi 5 Bgd dan 5 Div dengan bantuan sebuah Trak 7 Ton dan sebuah Trak 5 Ton.

Kesemua aset ini diatur gerak bagi membantu memindahkan orang awam yang terjejas akibat bencana banjir dari kediamaan masing-masing ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di daerah berkenaan.

Di samping itu, operasi ini turut disertai dengan atur gerak *Forward Medical Team* daripada Komp Bravo 1 Bn Ubat dengan menggunakan aset sebuah ambulan domestik, sebuah Bas Klinik Bergerak, sebuah Trak 7 Ton dan sebuah Trak 3 Ton bagi memberi bantuan perubatan kepada mangsa-mangsa banjir yang terlibat.

Pegawai Memerintah 3 RAMD, Lt Kol Yousrie Muhamad turut mengadakan lawatan ke Pusat-pusat Pemindahan Sementara, Pusat Kawalan Operasi Banjir (PKOB) daerah yang terlibat serta melihat sendiri kawasan-kawasan yang terjejas akibat bencana tersebut.

Kerja-kerja pembersihan bagi kawasan-kawasan yang terjejas turut dilaksanakan semasa fasa pasca bencana banjir termasuklah sekolah dan kemudahan-kemudahan awam yang lain. - **Sel Risik 3 RAMD.**

# Ramah Mesra Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM Bersama BAKAT 1 Div



Oleh: MK 1 Div

**SARAWAK:** Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, Yang Amat Mulia Tengku Puteri Seri Teja Puan Sri Hjh Tengku Muhamaini Almarhum Sultan Hj Ahmad Shah telah berkenan menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama BAKAT 1 Div bertempat di Dewan Bukavu pada 21 Jun 2020.

Ketibaan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM disambut dengan Tarian Ngajat Iban oleh Kumpulan ASADIA sebelum ke acara bergambar bersama Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat dan Pengerusi-pengerusi BAKAT Zon Kuching.

Acara diteruskan dengan sesi menandatangani Buku Lawatan oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM sebelum diiringi oleh Pengerusi BAKAT 1 Div, Datin Norzianti

Hj Othman melawat ke gerai-gerai pameran kraftangan hasil daya kreativiti ahli-ahli BAKAT naungan 1 Div.

Lebih menarik apabila dua replika hiasan rumah panjang dari pasukan 10 Rejimen Sempadan dan 3 Worksyop Bgd telah terpilih dan berkenan oleh Yang Amat Mulia Tengku Puteri untuk diletakan di rumah BAKAT ATM di Kuala Lumpur.

Majlis diteruskan dengan jamuan ringan bersama Ahli-ahli BAKAT 1 Div sambil disajikan persembahan-persembahan menarik dari Ahli-ahli BAKAT naungan dan tidak ketinggalan persembahan nyanyian dari Kumpulan *Eastern Venom*.

Pengerusi BAKAT 1 Div telah menyampaikan ucapan aluan dan mewakili seluruh Ahli BAKAT 1 Div

menzhirkan penghargaan kepada Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM atas kesudian melapangkan masa berangkat ke majlis ini.

Dalam ucapan balas oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT ATM, beliau berpesan dan menyarankan agar semua Ahli BAKAT terus komited dalam menjayakan misi dan visi badan ini selain terus menyokong usaha-usaha kebajikan yang telah dilaksanakan.

Acara diakhiri dengan penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf, pesakit kronik dan BAKAT pasukan dibawah naungan.

Turut hadir, Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat, Datin Zainuriah Hj Mustapha, Pengerusi BAKAT 5 Div, Datin Hartiah Hamzah dan Pengerusi Bakat 3 Bgd, Khaliza Mokhtar.

## Lawatan Pengerusi BAKAT 30 Bgd



**KELANTAN:** Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Bn Ke 2 Rejimen Sempadan (2 RS) telah menerima Lawatan Pengerusi BAKAT 30 Bgd, Hasliza Abdul Wahab di Rumah BAKAT Bn Ke-2 RS pada 5 Jun 2020.

Majlis dimulai dengan acara menandatangani Nota

Serah Terima Tugas Pengerusi BAKAT Bn Ke-2 RS antara Lt Kol Kamsiah Abdullah dengan Rozimas Ismail sebagai Pengerusi BAKAT yang baharu.

Ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan dari-pada Lt Kol Kamsiah Abdullah diucapkan kepada seluruh ahli-ahli BAKAT di atas segala sokongan dan kerjasama yang diberikan

sepanjang penglibatan beliau sebagai Pengerusi BAKAT Bn Ke 2 RS dan tahniah juga kepada Rozimas Ismail, Pengerusi BAKAT yang baharu. - **Lt Muhammad Fakhrul Radzi Abdul Hamid, Gambar: LKpl Jasnifelny Hawly Jupri**

67

Tahun Jasa  
**RAJD**  
Dalam TD

Oleh: Pbt Mohammad Fadzil Akirul



Tanggal 22 Apr setiap tahun Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) akan menyambut Hari Ulang Tahun dan pada tahun ini genaplah usia kor RAJD Ke-67 yang mana RAJD merupakan salah satu kor di dalam Tentera Darat (TD) yang memainkan peranan penting serta fungsi-fungsi bagi menyediakan bantuan peperangan kepada TD sama ada dalam aspek pembangunan maupun peperangan. Seperti Kor-kor lain juga, RAJD telah mengalami berbagai perubahan sejarah dengan perkembangan dan pembesaran TD. RAJD bermula dengan peranan awal yang terhad dalam membantu operasi Tentera Persekutuan menentang komunis, khasnya dalam tugas-tugas memusnah bom, membersih kawasan periuk api, menjaga dan membaiki sistem penjanaan, penghantaran dan pembahagian bekalan elektrik (Pakar Elektrik), membina jalan, jambatan, landasan kapal terbang dan keretapi serta menyediakan bekalan air.

Mengimbas sejarah penubuhannya, RAJD telah ditubuhkan pada 22 Apr 1953 dengan penubuhan Pasukan Jurutera Malaysia pertama yang dikenali sebagai *76th Federal Field Squadron* di Balaclava Lines, di Kluang, Johor. Anggota-anggota dari pasukan ini telah dilatih di Pusat Latihan Tentera British bertempat di Nee Soon, Singapura dan Kluang. Apabila negara kita hampir mencapai kemerdekaan, Tentera British telah merancang untuk membubarkan *RE Field Regiment* dan menyerapkan anggota daripada Rejimen kepada *Federation Engineers*.

Pada 15 Jul 1957, Skuadron Jurutera Kedua telah ditubuhkan dengan kekuatan seramai 201 anggota daripada *75th Malayan Field Squadron*. Sementara itu, *76th Federal Field Squadron, Federation Engineers* telah ditukar designasi kepada Skuadron Jurutera Pertama kerana ia merupakan pasukan pertama jurutera dalam Tentera Persekutuan.

Semasa penubuhan 1 Skuadron Jurutera dan 2 Skuadron Jurutera, Cawangan Jurutera Tentera Persekutuan telah ditubuhkan di Kuala Lumpur dengan diketuai oleh Lt Kol RA Blakeway OBE RE sebagai Ketua Jurutera yang pertama.

Sekarang, organisasi ini dikenali sebagai Jabatan Arah Jurutera Markas TD yang diketuai oleh Ketua Jurutera. Terdapat juga 10 Skuadron Jurutera (Para) iaitu pasukan jurutera elit dari ketumbukan 10 Bgd (Para). Pasukan

2 Div yang meliputi kawasan negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu, 3 Div meliputi kawasan Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang manakala 4 Div meliputi kawasan negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Semestinya semua warga TD mengetahui bahawa RAJD yang pakar dalam bidang kejuruteraan tentera terbukti telah menyumbangkan banyak faedah kepada masyarakat dan negara termasuk menyediakan

tenaga mahir kepada sektor awam apabila anggotanya bersara.

Ianya terbukti dan sebagai tanda pengiktirafan, DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong telah berkenan mengurniakan gelaran Diraja pada 6 Jun 1992. Seterusnya pada 5 Jun 2004, DYMM Seri

Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong sekali lagi telah berkenan mengurniakan Panji-panji Diraja kepada kor RAJD.

Semenjak itu juga RAJD mampu memainkan peranan yang lebih luas dalam membantu TD setelah dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan peralatan dan jentera serta mempunyai pegawai-pegawai dan warga RAJD yang berkemahiran tinggi. Oleh itu, semua kejayaan ini adalah hasil daripada perancangan bekas Ketua-ketua Jurutera dan warga RAJD. Tanpa



ini mampu digerakkan kemana sahaja dalam apa jua keadaan sekalipun.

Selain itu terdapat anggota wataniah yang dikenali sebagai RAJD SP dalam RAJD iaitu rejimen pakar. Pasukan ini terdiri dari 40 RAJD Pakar Pengendalian Pelabuhan, 50 RAJD Pakar Pengendalian Keretapi, 60 RAJD Pakar Pengendalian Air dan 70 RAJD Pakar Pengendalian Elektrik.

Selain itu RAJD telah menempatkan unit-unitnya di lokasi-lokasi seperti 1 Divisyen (Div) meliputi kawasan Negeri Sabah dan Sarawak,

pengorbanan dan buah pemikiran mereka RAJD tidak akan sampai sehingga ke tahap sekarang.

Cogan kata Berusaha Berfaedah yang boleh diertikan bahawa segala daya usaha yang baik akan mendapat ganjaran yang wajar. Penerapan nilai Berusaha Berfaedah sebaik di setiap jiwa warga RAJD apabila sahaja mereka menjajakan kaki dalam pasukan-pasukan RAJD selepas layak dipanggil Sapper.

Selain itu, semasa perang RAJD membantu TD untuk berperang, bergerak dan hidup. Antara tugas-tugas yang dilaksanakan semasa didalam peperangan adalah memperbaiki mobiliti pasukan sahabat dan mematahkan mobiliti pasukan musuh.

Selain itu, RAJD turut membantu kemandirian (*Survivability*) pasukan sahabat, melakukan kerja kejuruteraan am, membina laluan, membina jambatan rekaan dan membersihkan padang periu api. Pada masa sama, RAJD juga membantu kepada keamanan sejagat dengan penglibatannya dalam misi-misi di bawah Pertubuh Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai Kumpulan Bantuan Tempur kepada Kontinjen Malaysia.

Walau bagaimanapun, RAJD juga memainkan peranan penting di waktu aman dan antaranya adalah, berlatih untuk berperang dan membantu kerajaan dalam pembangunan semasa darurat atau bencana alam dengan membantu pihak berkuasa awam atau tempatan semasa banjir, tanah runtuhan dan sebagainya.





Pada masa sama pencapaian semasa RAJD yang sering didambakan kerana aktif dalam tugas kejuruteraan ketenteraan di dalam operasi TD di samping tugas-tugas pembinaan infrastruktur di kem seluruh negara serta membantu pembangunan negara melalui Projek-projek Jiwa Murni dengan membina jalan-jalan dan jambatan di Sarawak, Sabah dan Pahang. RAJD juga terlibat dalam pembangunan negara dengan penglibatan pasukannya melaksanakan projek-projek pembinaan infrastruktur asas kepada rakyat terutamanya di kawasan pedalaman atau satu ketika dahulu ditakrifkan sebagai kawasan keselamatan. Penglibatan RAJD dalam projek-projek pembinaan dan baik pulih rumah Veteran ATM di seluruh negara juga sedikit sebanyak menaikkan imej TD amnya dan RAJD khasnya.

Manakala di peringkat antarabangsa RAJD boleh dibanggakan dengan penglibatan dalam penugasan misi pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Lubnan dan Sudan.


Disamping itu, penstrukturuan semula kor RAJD dilaksanakan bagi membolehkan RAJD menjalankan tugas dan peranannya dengan lebih efektif supaya menjadi sebuah pasukan bantuan tempur TD yang boleh dipercayai dan bertujuan memperkasakan pasukan supaya berupaya melaksanakan tugas efektif sejajar dengan situasi, teknologi dan ancaman semasa.

Melalui penstrukturuan terkini RAJD, ia terus mengorak langkah dengan memperkasakan keupayaan dalam empat bidang utama iaitu, Kejuruteraan Medan, Perkhidmatan Kejuruteraan Profesional, Kejuruteraan Pakar Senggara Perhubungan dan *Geospatial* Pertahanan. Tugas dan fungsi *Geospatial* Pertahanan diperkasakan selaras dengan pembangunan strategik di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) seperti *Network Centrix Operation* (NCO), perisikan jurutera dan sistem persenjataan moden ATM yang memerlukan data *geospatial* yang lebih terperinci di samping pengintergrasian data *geospatial* oleh agensi awam serta swasta.

Kini RAJD telah berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan cemerlang. Pengetahuan dan kemahiran kejuruteraan serta

peralatan khas yang dimiliki RAJD membolehkan rejimen ini terus disegani dan dibanggakan oleh seluruh warganya.

RAJD merupakan perintis pembangunan negara terutamanya di kawasan luar bandar dan terpencil. Atas kegigihan dan kegagahan RAJD melaksanakan tugas-tugas pembinaan sama ada di kawasan operasi, bandar, desa mahupun pendalaman telah mencerminkan RAJD adalah sebuah kor yang mendukung tugas dan peranan TD selama 67 tahun.





# KAGAT

## *Bentuk Keperibadian Warga TD*

Oleh: Pbt Muhammad Shafirin  
Mohd Radzi

Tentera Darat Malaysia (TDM) merupakan sebuah organisasi yang kredibel dan unggul serta tidak dinafikan lagi perkembangannya kini yang semakin pesat membangun seiring dengan pembangunan negara. Namun disebalik perkembangan TD tidak janggal dikatakan terdapat sebuah kor yang mampu membawa TD kearah pembentukan kerohanian dan ilmiah warganya dari aspek keagamaan. Ianya bagi seiring dengan penugasan yang dilaksanakan agar warga TD tidak terpesong serta dibimbing oleh ilmu keagamaan dalam melaksanakan sesuatu tugas negara. Kor yang dimaksudkan ialah Kor Agama

Angkatan Tentera atau lebih dikenali dengan nama KAGAT yang kini telah berusia 35 tahun. Mengimbas sejarahnya, perkhidmatan agama dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah lama bermula iaitu selaras dengan penubuhan Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) pada tahun 1933. Walau bagaimanapun, perjawatan ketika itu adalah di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia, bukan di bawah ATM. Sejak dari itu perkhidmatan agama tersebut telah mula berkembang mengikut keperluan perkembangan formasi dan pasukan ATM itu sendiri.

Semakin lama, keperluan pengurusan hal ehwal keagamaan dalam ATM semakin dirasakan penting dan menjadi sinonim dengan pentadbiran ketenteraan sehingga di mana sahaja wujudnya pasukan baharu, perjawatan baharu kakitangan agama (guru agama) diperlukan bagi memenuhi keperluan tugas keagamaan di pasukan dan tehadap keluarga ATM. Ekoran dari perkembangan di atas, idea dan usaha-usaha untuk mengembangkan perkhidmatan agama dalam bentuk Kor di bawah perkhidmatan ATM diwujudkan pada 16 Apr 1985 dimana penubuhan tersebut mendapat persetujuan dan limpah perkenan Seri Paduka Baginda Yang Dipertua Agong Kelapan Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail, selaku Panglima Tertinggi Angkatan Tentera Malaysia ketika itu.

Cetusan ini telah diilhamkan daripada Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud dan idea tersebut dapat dilaksanakan pada tahun 1980 apabila Tun Dr. Mahathir Mohamed mantan Perdana Menteri Malaysia telah menggesa penubuhan sebuah Kor untuk mengendalikan hal ehwal keagamaan ATM. Penubuhan KAGAT ini sekaligus meletakkan KAGAT sebagai Kor yang ke-16 di dalam TD, walau bagaimanapun tugas dan peranannya merangkumi ketiga-tiga perkhidmatan ATM iaitu Darat, Laut dan Udara. Usaha-usaha penubuhan KAGAT telah dimulakan sejak tahun 1979 dan telah dipersetujui oleh Majlis Angkatan Tentera Malaysia dalam mesyuaratnya kali ke-197 pada 24 Jan 1980.

Kesedaran ke arah penubuhan KAGAT dan pengiktirafan peranan KAGAT di dalam ATM merupakan satu semangat, kesedaran dan iltizam kerajaan Malaysia untuk meninggikan syiar dan penghayatan islam khususnya di dalam ATM. Selain itu, KAGAT juga berperanan menerapkan nilai-nilai islam yang unggul berdasarkan kepada ajaran islam dalam semua aspek pentadbiran bagi mewujudkan suasana masyarakat tentera yang cenderung kepada nilai-nilai yang bersih. Pada masa sama dapat bersikap positif di dalam apa jua pandangan dan teguran yang membina kepada kebaikan disamping memberi pengetahuan, kefahaman, bimbingan dan kesedaran ke arah penghayatan ajaran islam yang sejati kepada warga ATM.

Hal ini, memupuk daya tahan dan daya juang yang berterusan serta semangat kerja dan berusaha semata-mata untuk menunaikan amanah masyarakat dan

kerajaan yang berlandaskan dengan tuntutan agama untuk melahirkan anggota tentera yang bersepadau dari aspek kesatuan ketahanan fizikal dan *spiritual combat power* dalam melaksanakan tugas. Seterusnya, membina sumber manusia KAGAT yang profesional, progresif, komprehensif, keterampilan, mantap dan tegas. Selain itu, iaanya dapat melahirkan sebuah perkhidmatan keagamaan yang versatil dan sentiasa ke hadapan dalam apa jua tindakan.

KAGAT telah memainkan peranannya dalam menjadi pemangkin kerohanian ATM dan bersikap proaktif, positif dan komited bagi mencapai misi dan visi perjuangan ATM dalam memberi peningkatan keilmuan. Hal ini bertujuan melahirkan keseragaman ketetapan dan kesatuan matlamat serta pendapat dalam mencapai kehendak yang sama tinggi dengan pihak lain. KAGAT turut menyelesaikan masalah-masalah pentadbiran agama islam mengikut perundangan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa khususnya dalam hal ehwal syariah dan berhubung kait antara ATM dengan masyarakat awam.

Tujuan lain penubuhan KAGAT adalah menyediakan kemudahan anggota dan pendidikan agama islam bagi masyarakat tentera di masa aman, kecemasan dan peperangan. Contohnya, seperti terjadinya kehidupan norma baharu ketika munculnya wabak penyakit Covid-19. KAGAT memupuk daya tahan dan daya juang yang berterusan serta semangat kerja dan berusaha semata-mata untuk menunaikan amanah masyarakat dan kerajaan yang berlandaskan dengan tuntutan agama. Pada masa sama iaanya juga memenuhi keperluan agama anggota islam ATM dan keluarga mereka di dalam apa jua keadaan yang melanda disamping menerapkan nilai-nilai islam yang unggul berdasarkan kepada ajaran islam dalam semua aspek pentadbiran. KAGAT akan memantau anggota ATM bagi mengelak mereka terjerumus aktiviti penyelewengan akidah.

Selain itu KAGAT mengembangkan pelajaran ilmu-ilmu islam, khususnya penekanan kepada keluhuran akhlak, sikap dan sifat setiaawan *Espirit De Corp* serta memberi kesefahaman dalam erti kata yang sebenar tentang perkhidmatan tentera mengikut pandangan islam. Di samping itu, KAGAT turut membuat kajian ilmiah dan umum ke arah pemantapan perkhidmatan dan keagamaan dalam ATM. KAGAT juga memainkan peranan dalam melaksanakan dan menguatkuasakan segala peraturan, undang-undang dan hukum islam yang telah diputuskan oleh majlis agama islam persekutuan dalam negeri-negeri.

Ianya adalah untuk membentuk sahsiah unggul atau *towering personality* ke arah melahirkan warga ATM yang berketerampilan dari segi hala tuju, kejelasan matlamat dalam melaksanakan setiap tugas bagi membantu kepada usaha-usaha mempertingkatkan semangat keperwiraan anggota tentera seimbang dengan misi perjuangan ATM. Kini di usia 35 tahun, satu tempoh yang sangat baharu jika hendak dibandingkan dengan usia organisasi TD atau ATM yang telah menjangkau usia 85 tahun. Sempena ulang tahun KAGAT yang Ke-35, Pengurus KAGAT, Mej Jen Dato' Hj Kamaruddin Hj Mamat telah menyampaikan perutusannya melalui rakaman video disebabkan tidak dapat melaksanakan Perbarisan HUT pada tahun ini kerana berlakunya penularan wabak penyakit iaitu COVID-19. Dalam perutusannya beliau berbangga mempunyai pegawai dan anggota yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan warga ATM lain khususnya dalam menunaikan penugasan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Penglibatan warga KAGAT berada di barisan hadapan atau *Frontliner* amat memberi kesan kepada seluruh

warga tentera khususnya dan barisan *Frontlinery* yang lain. Bahkan kekuatan yang ada pada warga KAGAT yang bermodalkan hati budi sebagai Daie Askari' serta keutuhan modal insan pada cogan kata Berjuang Berakhhlak menjadi suatu medium dakwah yang cukup berharga.

"Dalam keadaan penugasan yang cukup mencabar, kita tampil dengan video tazkirah dari kepimpinan dan juga pegawai serta anggota di pelbagai peringkat.

"Kita hadir dengan peringatan-peringatan bercetak dan media siber, penglibatan khusus dalam penugasan membendung wabak COVID-19 yang melanda negara dengan menjadi contoh memperteguh amalan beribadah di medan Sekatan Jalan Raya (SJR) seluruh negara telah memberi kekuatan dan motivasi kepada seluruh petugas yang lain," katanya.

Tambahnya lagi, beliau turut memperingatkan semula semua warga KAGAT terhadap pesanan semasa mula-mula beliau mengambil alih jawatan sebagai Ketua Pengarah iaitu tentang konsep 5T terdiri dari Ta'lim, Ta'dib, Tarbiyyah, Tadris, Tahzib dan Proses Irsyad yang dikira sentiasa relevan untuk terus dipegang dan menjadi azimat kepada semua warga KAGAT yang merupakan warga kerja dakwah dalam ATM.

Berbalik kepada wadah perjuangan KAGAT ianya telah menggariskan enam Wadah Perjuangan Daie Askari untuk dipatuhi oleh seluruh warga KAGAT. Pemerkasaan Elemen Daie Askari Daie Rabbani melalui tindakan memperlihat karakter daie askari dalam segala gerak kerja masing-masing dalam membentuk sahsiah diri sebagai Daie Rabbani yang jujur dan ikhlas disamping menjadi faktor penyelesaian permasalahan sesetengah pihak di dalam ATM terhadap ajaran agama.

KAGAT juga memperkemaskan diri dengan segala bentuk ilmu, keperluan asas para daie mahupun ilmu-ilmu pengukuhan yang boleh membantu melestarikan tugas sebagai daie yang berkesan.

Seterusnya, memantapkan pengurusan organisasi iaitu memantapkan jentera pengurusan dan pengoperasian KAGAT melalui kaedah kepentingan perkhidmatan dan pemeliharaan kebijakan anggota menjadi teras dalam pentadbiran dan pengurusan bagi hubungan dua hala di antara pihak atasan serta bawahan ditambah baik dari masa ke semasa.

Hal yang demikian, memperkasakan pelaksanaan dasar dan program teras keagamaan kerohanian islam ATM dan peraturan kelulusan Fardhu Ain(PIFA) bagi kenaikan pangkat anggota Lain-Lain Pangkat ATM dan enam teras strategik keagamaan yang telah diletakkan

oleh Jabatan Arah KAGAT kepada semua perkhidmatan. Ini dapat menampilkan KAGAT sebagai peneraju ummah iaitu berupaya tampil menjadi Lead Agency mendominasikan apa jua isu dan program yang boleh menyumbang kepada keselamatan, kestabilan, kesejahteraan negara dan ummah.

Bagi menghargai asset dan mekanisme sedia ada perlulah menambah baik Pasukan Dakwah Medan atau ringkasnya PASDAM dengan pembentukan dan orientasi yang lebih global bagi menjamin kesiagaan KAGAT bagi menyertai misi tugas operasional dan medan. Program sedia ada akan diperkemaskan dan kekuatan anggota akan dipertingkatkan apabila keadaan ekonomi negara mengizinkan dalam kepelbagaian kepakaran dan keilmuan akan diterapkan bagi menjana dimensi baharu aktiviti dakwah supaya ia lebih segar dan bersifat semasa.

Secara keseluruhannya KAGAT merupakan kor yang membantu warga tentera dari aspek keagamaan dan kerohanian yang mana tanpa ajaran agama yang betul dan pembimbing agama yang terlatih tidak mungkin organisasi yang kredibel ini dapat bergerak dengan lebih maju serta disegani tanpa asas keagamaan yang kukuh.





# 53

Oleh: Sjn Nurulhaswani binti Ruzaini  
Gambar: Sjn Sharizan Shariff (KKD)



**U**mum mengetahui dunia dikejutkan dengan wabak pandemik COVID-19 yang mana negara kita tidak terlepas dari dijangkiti wabak yang belum ada vaksinnya lagi.

Ketika ini tugas serta peranan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan Kor Kesihatan Diraja (KKD) khasnya adalah satu daripada kewajipan dan komitmen kepada negara serta rakyat.

Pada 20 Mac 2020, kerajaan telah mengarahkan ATM untuk membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menguatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sekatan jalan raya (SJR) dan rondaan bersama. Dalam PKP fasa 1 dan 2, tugas dan peranan ATM semakin bertambah apabila Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memerlukan bantuan pihak tentera untuk membuat pengawasan di Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Selain itu, ATM mempunyai keupayaan dan kepakaran untuk membantu pihak penguatkuasa dan KKM dalam memerangi COVID-19. Ini kerana ATM memiliki perkhidmatan kesihatan sendiri seperti hospital, doktor, jururawat, anggota perubatan yang juga merupakan anggota tentera dan peralatan yang lengkap serta mencukupi.

Secara langsung KKD telah memberi sokongan dan membantu KKM di pusat kuarantine di MAEPS, Serdang dan membuat saringan kesihatan di pintu masuk Lapangan Terbang KLIA kepada rakyat Malaysia yang pulang ke tanah air. Semangat yang tinggi telah ditunjukkan oleh setiap anggota KKD dalam melaksanakan tugas sepanjang tempoh PKP walaupun berhadapan cabaran



# TAHUN **KKD** PEMANGKIN KECERGASAN ATM



PEMERIKSAAN  
**BTDM**  
Bil 221

sepanjang bulan Ramadhan dengan memakai kelengkapan perlindungan diri (PPE) ketika bertugas dan memang mencabar kerana ketidakselesaan bertugas setiap kali menggunakan PPE.

Penglibatan KKD dalam membantu KKM sedikit sebanyak menaikkan imej ATM dan TD di mata rakyat. Ketika orang ramai kekal bersama keluarga di rumah, mereka perlu berkorban masa demi berkhidmat untuk negara sebagai front-liner atau petugas barisan hadapan susulan penularan wabak COVID-19.

T u g a s - a n g -  
gota KKD akan membuat saringan COVID-19 atau persampelan terhadap penumpang-penumpang yang tiba di KLIA serta orang awam yang tinggal di kawasan-kawasan yang diistiharkan sebagai PKPD. Cabaran yang dihadapi apabila berhadapan dengan individu yang positif COVID-19 dimana masyarakat diluar boleh menjauhi pesakit tetapi mereka perlu berhadapan walau risiko untuk dijangkiti itu ada. Ini kerana tanggungjawab, amanah dan tugas yang perlu mereka hadapi sebaiknya sebagai petugas barisan hadapan.


Cogan kata KKD ialah Khidmat Diutamakan dalam melaksanakan Visi iaitu memberi perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, selamat dan berkesan demi mencapai misi memelihara kekuatan tempur ATM melalui penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit, perawatan dan khidmat rehabilitasi telah terbukti sepanjang 53 tahun kewujudannya. Banyak kejayaan didalam mahupun diluar negara yang menunjukkan reputasi KKD berada ditahap cemerlang sehingga diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti bantuan perubatan dan kemanusiaan di Congo, Namibia, Kampuchea, Somalia, Bosnia, Timor Leste, Sahara Barat, Lubnan dan Bangladesh.

Prestasi kejayaan dan kecemerlangan 53 tahun ini dijadikan sumber inspirasi menyuntik semangat lebih gigih untuk terus maju dalam mempertahankan kejayaan dan melonjakkan kecemerlangan adalah cabaran yang lebih besar untuk KKD muncul antara Kor yang amat dihargai di dalam ATM dan dihormati di peringkat antarabangsa telah terbukti

melalui kerjasama yang dijalankan dengan KKM dalam menangani pandemik wabak COVID-19.

Tentera dan perubatan adalah gandingan dua profesion yang tugasnya diperlukan sepanjang siang dan malam, merentasi sempadan waktu dan keperluan rawatan kesihatan yang tidak mengenal masa. Anggota KKD memiliki dua kesungguhan, dua ketabahan, dua kegigihan, dua komitmen apabila memilih dan terpilih untuk menganggotai KKD yang dipertanggungjawabkan untuk menghadapi dua tugasan kembar yang sangat mencabar.

Kejayaan yang dicapai merupakan hasil daripada himpunan usaha yang dilaksanakan secara berterusan, konsisten, sistematik dan berhaluan yang mana kecemerlangan tidak tercipta melalui retorik dan slogan tetapi tercipta melalui pimpinan yang berwawasan, komitmen yang bersungguh, dedikasi, semangat berkorban, semangat berpasukan dan kesetiaan.



**Col (Dr) R S Corbitt**

Perubatan yang pertama untuk bertugas di dalam Batalion Pertama Askar Melayu. Pengisytiharan Kemerdekaan Malaya pada tahun 1957 telah mendorong kepada penubuhan Sel Perubatan di bawah Cawangan Anggota, Bahagian Angkatan Tentera, Kementerian Pertahanan.

Major B Devlin telah dilantik mengisi perjawatan PS 2 Perubatan pada Sep 1957. Pada tahun 1958, Dr Rudolph Lam telah ditauliahkan sebagai Pegawai Pergigian dan diikuti oleh Dr D A Lopes sebagai Pegawai Perubatan (1960).

Awal tahun 1960, Cawangan Perubatan dan Pergigian diwujudkan di dalam Kor Perkhidmatan Am (Perubatan) apabila Tentera Persekutuan Malaya ditubuhkan. Pada Ogos 1960, Capt (Dr) D A Lopes bersama tujuh anggota perubatan dari Batalion Ke-4 Askar Melayu telah bertugas ke Congo di bawah panji-panji PBB. Pada 12 Sep 1962, Lt Col (Dr) R S Corbitt mengambil alih jawatan *Principal Medical Officer* daripada Lt Col B Devlin. Konfrontasi dengan Indonesia dari tahun 1963 hingga 1966 menyaksikan penyusunan semula Cawangan Perubatan dan Pergigian menjadi Jabatanarah Perubatan.



## Sejarah Penubuhan

Mengimbas kembali detik bermulanya sejarah Perkhidmatan Perubatan dan Pergigian Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah seawal penubuhan Kompeni Percubaan Rejimen Askar Melayu pada 1 Mac 1933 apabila seorang Pegawai Perubatan dari pentadbiran awam British telah diambil berkhidmat.

Pada 15 Jul 1940, Lt P Tomlinson telah ditauliahkan sebagai Pegawai

Col (Dr) R S Corbitt telah dilantik sebagai Pengarah Perkhidmatan Perubatan pertama dan dibantu oleh Lt Col (Dr) K H Notaney sebagai Timbalan Pengarah Perkhidmatan Perubatan (Perubatan) dan Lt Col (Dr) Voon Yoke Lin sebagai Timbalan Pengarah Perkhidmatan Perubatan (Pergigian).

Keperluan terhadap perkhidmatan logistik kesihatan telah membawa kepada penubuhan Depoh Stor Perubatan dan Pergigian Angkatan

Tentera pada 27 Jan 1965. Depoh ini mulanya ditempatkan di Pangkalan Tentera Udara Kuala Lumpur sebelum dipindahkan ke Kem Kinrara pada tahun yang sama. Tanggal 10 Dis 1965, Kumpulan Medan Perubatan Pertama (*1st Field Ambulance*) dan Tim Pembedahan dan Transfusi Pertama (*1st Field Surgical and Transfusion Team*) ditubuhkan. Penubuhan unit-unit ini merupakan detik permulaan kepada penubuhan batalion-batalion perubatan di ATM.

Proses *Malaysianisation* Angkatan Tentera telah mendorong kepada penubuhan Kor Ubatan dan Gigian (*Medical and Dental Corps*) pada 11 Mei 1967. Pada 22 Jun 1967, bangunan *British Military Hospital* Kinrara telah diambil alih dan beroperasi sebagai Hospital Angkatan Tentera Kinrara. Kumpulan Medan Perubatan Kedua dan 2 FSTT telah diluluskan penubahannya pada 14 Mei 1969 dan memulakan operasi di Terendak pada 12 Mac 1970. Hospital Tentera Komanwel (*The Commonwealth Military Hospital*) pula telah diambil alih dan mula beroperasi sebagai Hospital AT Terendak pada 1 Apr 1970.

Tahun 1970 telah memperlihatkan penubuhan unit-unit baharu seperti

Perubatan pada 21 Apr 1983.

Pada 10 Ogos 1988, Perkhidmatan Kesihatan AT mula melangkah ke hadapan dengan pertukaran designasi KUG kepada Kor Kesihatan Angkatan Tentera (KKAT). Jabatan arah Perubatan dinaikkan taraf menjadi Bahagian Perkhidmatan Kesihatan di bawah Markas Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 1993. Selaras dengan itu, perjawatan Pengarah Perkhidmatan Perubatan telah diubah menjadi Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan AT. Di bawah Rancangan Malaysia Ke-6, Hospital AT Lumut telah dibina dan memulakan operasinya pada 1 Jan 1996.

Setelah 30 tahun ditubuhkan dan memberi perkhidmatan kesihatan yang cemerlang kepada ATM dan negara, KKAT telah dianugerahkan gelaran Diraja oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7 Jun 1997. Bermula saat ini, KKAT dikenali sebagai Kor Kesihatan Diraja (KKD).

### **Pengarah Perkhidmatan Perubatan Merangkap Pengerusi Kor Yang Pertama**

Col (Dr) R S Corbitt telah dilahirkan pada 19 Mei 1918 merupakan seorang warganegara India dan telah

*Medical Officers* di Royal Army Medical College, Millbank, London. Beliau juga mendapat ijazah kepakaran *Diploma in Public Health*. Col (Dr) R S Corbitt pernah menyandang jawatan Pegawai Staf 2 (Perubatan) di Kementerian Pertahanan. Beliau dinaikkan pangkat ke Lt Col pada 12 Sep 1962 dan menjadi pegawai Asia pertama memegang jawatan *Principal Medical Officer*.

Jawatan *Principal Medical Officer* telah dinaik taraf menjadi Pengarah Perkhidmatan Perubatan berpangkat *Colonel* pada 1 Jun 1965. Col (Dr) R S Corbitt telah menerajui PKAT selaku *Principal Medical Officer* selama dua tahun dan sebagai Pengarah Perkhidmatan Perubatan selama empat tahun. Beliau telah bersara pada 15 Mei 1969 dan berpindah ke Sydney, Australia serta menetap di sana sehingga akhir hayatnya.

Col (Dr) R S Corbitt adalah seorang yang sangat prihatin kepada tugas dan sering mengambil berat tentang kebaikan anggota bawahannya. Semasa era pemerintahannya, Kor Ubatan dan Gigian terlibat dalam memberi perkhidmatan kesihatan kepada warga ATM semasa peperangan melawan insurgensi dan konfrontasi dengan Indonesia. Col (Dr) R S Corbitt memainkan peranan penting dalam membangunkan struktur dan organisasi Perkhidmatan Kesihatan AT. Sebagai menghargai perkhidmatannya, beliau telah dianugerahkan dengan pingat kebesaran KMN.

### **Hospital Angkatan Tentera**

Kewujudan institusi hospital dalam sesebuah organisasi kesihatan akan melengkapkan sistem perkhidmatan kesihatan tersebut. Hospital berperanan menyediakan perkhidmatan rawatan sekunder dan tertier selain daripada memberi latihan kepada kakitangan kesihatan. Kini, ATM memiliki lima hospital tentera iaitu 94 Hospital Angkatan Tentera di Melaka, 95 Hospital Angkatan Tentera atau lebih dikenali sebagai Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan di Wangsa Maju, 96 Hospital Angkatan Tentera di Lumut, Hospital Angkatan Tentera Wilayah Kota Kinabalu, Sabah dan Hospital Tentera Darat Kem Syed Sirajuddin Gemas, Negeri Sembilan.

### **Batalion Perubatan**

Pembesaran TD telah mendorong kepada penubuhan unit-unit baru perubatan medan. Unit-unit ini bercirikan unit perubatan medan Tentera British iaitu *Field Ambulance* dan



3 Medan Perubatan / 3 FSTT (1972), Institut Perubatan Penerangan (1976), Institut Perubatan Menyelam (1978), 4 Medan Perubatan / 4 FSTT (1979), Sekolah KUG (1980) dan beberapa buah Rumah Sakit Angkatan Tentera, Pusat Perubatan Angkatan Tentera dan Pusat Pergigian Angkatan Tentera. Seiring dengan penyusunan semula Tentera Darat, designasi Kumpulan Medan Perubatan dan Kumpulan Pembedahan dan Transfusi telah ditukarkan menjadi Batalion

diterima menyertai perkhidmatan Tentera Persekutuan Malaya untuk membangunkan Perkhidmatan Kesihatan Tentera Persekutuan. Beliau mendapat ijazah MBBS dari Madras *Medical College*, India dan ditauliahkan sebagai Pegawai Tauliah Jangka Pendek ke dalam *Malayan General Service Corps (Medical)* dengan memegang pangkat Major pada 16 Okt 1959.

Pada bulan Sep 1960, beliau telah dihantar menghadiri kursus Senior

*Field Surgical and Transfusion Team.* Tujuan unit-unit ditubuhkan adalah untuk memberi khidmat bantuan pemindahan kasualti, rawatan awal dan pembedahan kecemasan.

Bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan bantuan perkhidmatan perubatan, konsep penubuhan Batalion Perubatan yang mempunyai elemen hospital bergerak telah diperkenalkan. Ini membolehkan Batalion Perubatan membantu sebuah Divisyen di medan pertempuran dalam aspek-aspek berikut iaitu pemindahan kasualti dari Pos Rawatan Rejimen (RAP) ke Hospital Hadapan, Penyelenggaraan Hospital Hadapan di kawasan Briged dan Hospital Medan di kawasan Divisyen dan Pembekalan keperluan stor serta kelengkapan perubatan.

Sementara bagi tujuan atur gerak, Batalion Perubatan berupaya untuk berdikari dengan elemen bantuan sendiri sewaktu berada di medan peperangan. Ciri fleksibiliti dan *mobility* membolehkannya menggerakkan kompeni-kompeni perubatan untuk mendirikan Hospital Hadapan. Unit-unit pemindahan kasualti boleh diletakkan di Pos Rawatan Rejimen untuk memindahkan kasualti pada sebilang masa.

KKD memiliki dua Batalion Perubatan dimana 1 Batalion Perubatan di Kuching Sarawak manakala 2 Batalion Perubatan dipecahan kepada dua iaitu 2 Batalion Perubatan Kluang, Johor dan B Kompeni, 2 Batalion Perubatan di Sg Petani, Kedah yang mana 2 Batalion

Ubat di bawah pemerintahan 2 Div.

### **Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera (INSAN)**

Institusi latihan dalam KKD bermula dengan penubuhan Kompeni Perubatan pada tahun 1964 di Haigate, Kuala Lumpur. Kompeni ini kemudiannya berpindah ke Kem Kinrara, Puchong dan membentuk Cawangan Latihan yang diketuai oleh Mej (Dr) S Chandran. Kursus akademik pertama yang dilaksanakan bagi anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) adalah Kursus Ordeli Perubatan Kelas III.

Kursus-kursus peningkatan akademik seterusnya dianjurkan oleh Sekolah Kesihatan Tentera British (*British Army School of Health*), Nee Soon Barracks, Singapura. Pada 6 Dis 1966, Kursus Kadar pertama bagi anggota perubatan telah dilaksanakan dengan kerjasama pasukan 1 Medan Perubatan, Kinrara.

Pada tahun 1970, Kompeni Perubatan di Kinrara telah berpindah ke Kem Terendak dan menubuhkan cawangan latihan yang baru di kawasan berhampiran Hospital AT Terendak. Pasukan ini meneruskan peranannya melatih anggota perubatan dalam bidang akademik dan re-jimental. Kursus-kursus dalam bidang pergigian pula, telah dilaksanakan di Pusat-Pusat Pergigian Angkatan Tentera di PGAT KEMENTAH, Kuching dan Port Dickson.

Pada 14 Mei 1980, pasukan ini

ditukar namanya kepada Sekolah Kor Ubatan dan Gigian (SKUG). Peranannya menjadi semakin penting dengan penambahan beberapa jenis kursus yang melibatkan pelbagai ketukangan. Pada 1 Nov 1988 nama SKUG sekali lagi diubah kepada Sekolah Kor Kesihatan (SKK) dan seterusnya kepada Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera (INSAN) pada tahun 1994. Pada masa ini, INSAN berupaya mengendalikan 18 kursus meliputi bidang akademik dan re-jimental.

### **Institut Perubatan Penerbangan**

Sumbangan KKD kepada warga TUDM khasnya dan ATM amnya melalui Institut Perubatan Penerbangan (IPP) telah turut membantu mengharumkan nama Kor. Sebelum tahun 1970, perkhidmatan perubatan dan kesihatan untuk warga TUDM adalah terhad kepada perkhidmatan kesihatan asas bagi memastikan tahap kesihatan anak kapal. Perolehan pesawat-pesawat pejuang dan pemintas seperti F5-E dan A4 *Skyhawk* telah membuka dimensi baru kepada peranan Perkhidmatan Perubatan Penerbangan.

### **Kompeni Perubatan Para**

Bagi mengukuhkan pertahanan negara dan keupayaan tempur Angkatan Tentera dalam menangani sebarang konflik, maka kerajaan telah bersetuju



untuk menubuhkan satu pasukan elit yang mampu diatur gerak dalam masa yang singkat. Pasukan Aturgerak Cepat (PAC) atau *Rapid Deployment Force* telah ditempatkan di Kem Terendak, Melaka pada 3 Jan 1992.

Selaras dengan keperluan yang semakin meningkat, maka pada 30 Nov 1999, Tim Perubatan PAC telah dinaik taraf dan dikenali sebagai Kompeni Perubatan Para (KPP) dan Pegawai Memerintah pertama kompeni ini adalah Lt Kol (Dr) Zubir Ahmad.

### **Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera - Khidmat Perubatan**

Tujuan utama Perkhidmatan Perubatan diwujudkan di dalam ATM adalah untuk memastikan setiap warga tentera sentiasa berada dalam keadaan sihat dan cergas serta boleh diaturgerak pada sebilang masa. Perkhidmatan Perubatan ATM boleh diperolehi dari mana-mana Hospital AT, RSAT dan PPAT yang terdapat di seluruh negara.

Bagi mengkoordinasikan perkhidmatan ini, Cawangan Perubatan di Bahagian Perkhidmatan Kesihatan bertanggungjawab merancang pelbagai aktiviti. Antaranya -menguruskan segala hal berkaitan Perkhidmatan Perubatan Angkatan Tentera, menyediakan polisi dan dasar perubatan serta melaksanakan pentadbiran Lembaga Perubatan dan Lembaga Penentuan Sebab bagi anggota tentera.

Selain itu ianya turut merancang

dan melaksanakan dasar serta keperluan kejururawatan dan menyedia dan melaksanakan program kualiti pengurusan termasuk audit perkhidmatan kesihatan klinikal.

### **Pengertian Lambang dan Bendera KKD**

Sebatang tongkat yang dililit oleh dua ekor ular (*Caduceus*) merupakan simbol atau dikaitkan dengan *profession* penjagaan kesihatan. Ia melambangkan keharmonian dan kerjasama oleh setiap warga KKD semasa melaksanakan tugas dalam pelbagai bidang kepakaran.

Manakala Bunga Padi, melambangkan perpaduan, keharmonian dan komitmen yang berterusan di kalangan warga KKD. Bagi Mahkota Diraja pula melambangkan Institusi Diraja yang menjadi tonggak kedaulatan negara yang perlu dijunjung tinggi oleh seluruh warga KKD dan Cogan Kata Khidmat Diutamakan membawa maksud bahawa semua warga Kor perlu komited dan mengutamakan kepentingan perkhidmatan melebihi kepentingan individu.

Bendera KKD telah diadaptasikan dari Bendera RAMC Tentera British apabila Kor Ubatan dan Gigian diwujudkan pada tahun 1967. Bendera ini mempunyai tiga jalur warna mendarat dengan logo KKD diletakkan di tengah-tengah bendera.

Warna-warna pada bendera membawa maksud seperti berikut iaitu warna merah hati atau maroon (*dull*

*cherry*) melambangkan warna lazim digunakan oleh hampir kesemua Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Komanvel.

Warna biru pula melambangkan perpaduan masyarakat di Malaysia dan warna ini menggambarkan identiti KKD yang terdiri daripada pegawai dan anggota dari semua suku kaum dan bangsa. Manakala warna kuning keemasan melambangkan kesetiaan setiap warga Kor kepada Raja dan Negara.

### **Kesimpulan**

Secara amnya KKD merupakan tulang belakang yang penting didalam ATM dan TD kerana tanpa KKD mustahil ATM mahupun TD dapat melaksanakan sesuatu penugasan atau operasi yang melibatkan kesihatan dilaksanakan dengan jayanya dan cemerlang.

Ditambah pula dengan keadaan situasi negara pada masa kini yang terkesan dengan wabak pandemik COVID-19. Secara tidak langsung, penglibatan warga KKD dalam mengharungi COVID-19 telah menaikkan imej ATM dan TD di mata masyarakat yang mana selama ini ada sesetengah netizen beranggapan tentera hanya makan dan tidur.

Dengan bantuan warga KKD ini membuka minda netizen bahawa tentera memiliki satu aset yang boleh dibanggakan dan bukan untuk diperlekehkan.





R ejimen Askar Wataniah (Rej AW) adalah suatu angkatan sukarela yang berlainan daripada badan-badan sukarela yang lain. AW merupakan pasukan simpanan serta Angkatan Sukarela yang bersama-sama Tentera Darat Malaysia (TDM) dalam mempertahankan negara tercinta yang dahulunya dikenali sebagai Pasukan Simpanan Tentera Darat.

Rej AW juga banteng terakhir TD dalam medan pertempuran. Penyertaan rakyat dalam AW merupakan satu sumbangan murni bagi menyahut seruan pertiwi sesuai dengan konsep HANRUH iaitu Pertahanan Menyeluruh yang ditetapkan dalam Dasar Pertahanan Negara. Sebagai sebuah negara yang pesat membangun dan berwawasan, penglibatan rakyat dan semua pihak adalah amat perlu bagi memainkan peranan dalam pembangunan serta pertahanan negara. HANRUH antaranya mewujudkan bantuan nasional termasuk penggembangan semua sumber negara di samping penglibatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Penyertaan rakyat dalam Angkatan Sukarela di Semenanjung Malaysia bermula semenjak 1902 lagi apabila Kerajaan Inggeris menubuhkan Pasukan Sukarela di Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang dipanggil *Federated Malay States Volunteer Force* (FMSVF), pasukan Sukarela di Negeri Melayu Tidak Bersekutu pula dipanggil *Unfederated Malay States Volunteer Force* (UNFMSVF) dan di Negeri-Negeri Selat pula ialah *The Straits Settlement Volunteer Force* (SSVF).

Pasukan-pasukan Sukarela telah memainkan peranan yang begitu penting terutamanya semasa dalam Perang Dunia Kedua, Darurat 1948-1960 dan Konfrontasi. Semasa darurat ia dikenali sebagai Pasukan Kawalan Kampung (*Home Guard*) yang bertujuan untuk membantu pasukan keselamatan dalam menghadapi ancaman komunis. Pada 1958, Pasukan Kawalan Kampung ini telah dibubarkan setelah keadaan keselamatan telah berjaya dikawal dan dipulih semula.

Bagaimanapun, memandangkan ramai bekas anggota Pasukan

#### Kawalan

Kampung mahu terus menyumbang khidmat sukarela, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengambil keputusan untuk menyusun semula pasukan sukarela supaya ia lebih tersusun serta berkesan. Oleh itu, Ordinan Tentera Darat Simpanan telah digubal pada 1958. Dengan kuasa ordinan ini, sebuah pasukan sukarela yang baharu dikenali dengan nama Askar Wataniah telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 1958.

Konsep mempertahankan negara melalui pasukan sukarela di Tanah Melayu telah bermula sejak awal Zaman Pemerintahan British. Malahan konsep ini telah pun wujud sejak Zaman Kesultanan Melaka, yang mana mereka sanggup berkhidmat secara sukarela serta melafazkan taat setia kepada raja untuk mempertahankan negara.

Pada Jan 1874, dengan termetanya Perjanjian Pangkor telah membuka ruang kepada British untuk campur tangan dalam pentadbiran Negeri-Negeri Melayu dan 1 Jul 1896, Persetiaan Persekutuan telah ditandatangani. Dengan ini, terbentuklah Negeri-Negeri Melayu Bersekutu serta

# RAW

## Berganding Bahu Pertahan Kedaulatan Negara

cam -  
pur tangan British yang lebih meluas. Berikutan dengan wujudnya Persetiaan Persekutuan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu seolah-olah tertakluk kepada kuasa pemerintahan Negeri-Negeri Selat, di mana segala masalah keselamatan dan pertahanan dirujuk kepada pemerintahan Negeri-Negeri Selat.

### Penyusunan Semula

Tahun 1921 hingga 1937 merupakan satu era penyusunan semula ke atas Pasukan Sukarela di Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Selat. Di Negeri-negeri Selat, Pasukan SVC, SVA dan SVI, memulakan proses penyusunan semula pada 1921.

Pasukan-pasukan ini telah digabungkan dan diberi nama baru sebagai *Straits Settlement Volunteer Force* (SSVF) dengan ibu pejabatnya di Singapura. Lt Kol P.E Spencer telah dilantik menjadi Komandan SSVF yang pertama dan di samping itu, terdapat juga orang-orang Melayu yang telah diberi jawatan pegawai, terutama daripada pasukan SSVF Melaka seperti Kapten Muhd Ali Maidin, Lt Abbas

Said  
(kemudiannya memasuki Askar Melayu), Lt Abu Bakar Umar, Lt Jetti Ahmad dan Lt Usman Kering (Datok Naning).

Manakala pada tahun 1937, pasukan Sukarela *Malay States Volunteer Rifles* (MSVR) juga telah disusun semula dan diberi nama baharu yang dikenali sebagai *Federated Malay States Volunteer Force* (FMSVF). Semasa Perang Dunia Kedua, pasukan inilah sebenarnya yang terlibat penuh membantu angkatan tentera lain



PROGRAM GELOMBANG  
ASKAR HAZRAHAH

**BTDM**

95

Bil 221

untuk menentang Jepun.

Pasukan ini mempunyai batalion-batalionnya di setiap negeri, di samping itu mempunyai kompeni *machine gun*, kompeni orang Cina dan pasukan meriam (*light battery*). Pecahan batalionnya adalah seperti Batalion 1 di Perak, Batalion 2 di Selangor, Batalion 3 di Negeri Sembilan dan Batalion 4 di Pahang.

Dari gagasan P&PWVF, SSVF dan FMSVF inilah bermulanya sejarah pasukan Sukarela di negara ini. Secara amnya dapat disimpulkan bahawa Perang Dunia Pertama (1914-1918) telah menjadi faktor penggerak penubuhan Pasukan Sukarela dan di antara pusat Pasukan Sukarela yang ulung sekali ditubuhkan ialah di Sultan Idris Training College (SITC), Tanjung Malim. Pasukan ini dikenali sebagai Sultan Idris Training College Volunteer Force atau SITCVF. Pada tahun 1929, satu kontinjen Sukarela dari Tanah Melayu telah dihantar ke England untuk menghadiri upacara kemahkotaan Raja dan Ratu United Kingdom.

Manakala pada tahun 1934, memperlihatkan P&PWVF dan MSVR dianugerahkan Panji-panji Rejimen masing-masing di samping menerima Panji-Panji DiRaja.

### Pengarah Pertama Askar Wataniah

Kol Dato' Yeop Mahidin Mohamed Shaffiff merupakan Pengarah Askar Wataniah yang pertama, telah dilahirkan pada 20 Feb 1918 di Kampung Lambor Kiri, Parit, Perak.

Beliau adalah anak kepada seorang Pegawai Kastam yang telah mendapat pendidikan awal di Lambor Kiri dan seterusnya di Sekolah Anderson, Ipoh pada 1928 hingga 1937.

Beliau mempunyai cita-cita untuk memasuki Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) tetapi dihalang oleh guru besarnya, L.D Whitfield yang menasihati beliau memasuki perkhidmatan pegawai kanan kerajaan. Pada 7 Ogos 1937, beliau telah diterima untuk memasuki *Malay College*. Semasa di *Malay College*, beliau telah diajar dan dilatih dalam tugas-tugas pegawai kanan kerajaan.

Tanggal 1983, beliau dilantik menjadi majistret di Teluk Anson yang sekarang dikenali sebagai Teluk Intan dan kemudiannya menjadi majistret di Kajang pada tahun 1939. Tahun 1940, beliau telah bertukar ke Kuala Lipis sebagai Penolong Pegawai Daerah. Semasa di Kuala Lipis, beliau telah menganggotai Pasukan Sukarela Tempatan dan seterusnya ditauliahkan sebagai Lettenan Muda.

Apabila Perang Dunia Kedua bermula, beliau telah menujuhkan satu kumpulan anti Jepun yang dikenali sebagai pasukan Gerila Wataniah Pahang iaitu Force 136 di bawah pimpinan Mej Richardson yang telah bersetuju untuk melatih pasukan tersebut. Kekuatan pasukan gerila itu seramai 254 orang dan diketuai oleh Dato' Yeop yang lebih dikenali sebagai Singa.

Kejayaan utama pasukan itu yang masih dalam kenangan beliau dimana kejayaan mereka menyerang hendap dan telah berjaya membunuh 30 hingga 40 orang tentera Jepun serta memusnahkan 41 buah kenderaan. Kejayaan ini adalah hasil perancangan dan pemilihan tempat serang hendap oleh Dato' Yeop selaku ketua pasukan tersebut. Pada tahun 1958, pasukan *Home Guard* dibubarkan dan Dato' Yeop telah dilantik sebagai *Chief Food Deenial Officer* di Perak. Apabila Askar Wataniah ditubuhkan menggantikan *Home Guard*, Dato' Yeop telah dilantik sebagai Pengarah Askar Wataniah yang pertama dengan pangkat Kolonel. Namun begitu, pada Nov 1963 Dato' Yeop telah



meninggalkan bidang ketenteraan dan menjadi Pegawai Daerah Kuala Lipis.



### PUSWATAN

Pusat Latihan Askar Wataniah (PUSWATAN) merupakan sebuah institusi latihan dalam Rangkaian Pemerintahan dan Pentadbiran TD. Pusat latihan ini ditubuhkan untuk melatih pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Sukarela. Peranan PUSWATAN adalah seajar dengan keperluan latihan di Pusat Latihan Tentera Darat yang lain. Kursus-kursus yang dianjurkan di pusat latihan ini merangkumi semua kursus kerja anggota sukarela yang dibahagikan kepada kursus asas untuk pegawai dan anggota LLP.

Di antara kursus-kursus yang dianjurkan adalah seperti Kursus Taktik, Kursus Tugas Staf, Kursus Senjata, Kursus Asas Pegawai Muda dan Kursus Kawad. Sejarah PUSWATAN bermula pada tahun 1952 dengan tertubuhnya pasukan *Home Guard*. Penubuhan pasukan *Home Guard* adalah bertujuan untuk membantu pasukan keselamatan dalam menghadapi ancaman komunis. Apabila wujudnya pasukan *Home Guard*, timbul pula satu keperluan latihan bagi melatih beliau pada ketika itu.

Penduduk kampung dibayar eluan dan diberi latihan kawad serta senjata. Senjata yang digunakan pada ketika itu ialah senapang patah dan SLR. Tidak ada lain-lain



kelengkapan yang diberi kepada angota-anggota *Home Guard* melainkan sepasang pakaian seragam *Jungle Green*. Pada tahun 1954, *Home Guard Training Centre* telah ditubuhkan bagi melatih anggota-anggota yang menyertai pasukan *Home Guard* di Kampung Simee, Ipoh.

Tiga Batalion Askar Wataniah telah diwujudkan iaitu Batalion Pertama di Kuala Kangsar, Batalion Kedua di Ipoh dan Batalion Ketiga di Teluk Intan. Kursus rekrut dan senjata mula dijalankan di Pusat Latihan ini dengan menggunakan senjata seperti SLR dan Rifle 303. Walaupun alat-alat kelengkapan masih belum diperolehi, mereka diperuntukkan alat-alat tidur yang lebih baik. Oleh kerana perkembangan Angkatan Tentera Malaysia, Askar Wataniah juga turut berkembang. Pada tahun 1981, Askar Wataniah gelah dikenali dengan nama Pasukan Simpanan Tentera Darat (PSTD).

Ini memandangkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Askar Wataniah dahulu dari segi operasi dan sekatan jalan raya. Sungguhpun Askar Wataniah dikenali dengan PSTD, tetapi pusat latihan ini masih dikenali dengan Pusat Latihan Askar Wataniah (PLAW) sehingga 21 Dis 1995, PLAW telah ditukar nama kepada PUSWATAN.

### Kerahuan Lebuh Raya Timur Barat (LRTB)

Hasrat kerajaan untuk membangunkan kawasan Utara Semenanjung dimulakan dengan pembinaan jalan raya menghubungi pekan Grik di Perak dengan pekan Jeli di Kelantan. Usaha pembinaan ini bermula pada tahun 1974 dan dalam masa yang sama wujudnya

percubaan-percubaan PKM untuk menyusup masuk ke semenanjung dari Selatan Thai.

Mereka menimbulkan berbagai-bagai ancaman terhadap pembinaan Lebuh Raya Timur Barat (LRTB), serta berhasrat untuk menggagalkan usaha pembinaan ini. Permulaan pengkhianatan PKM di LRTB ini adalah dengan berlakunya pemusnahan 69 buah loji atau jentera pembinaan serta pembunuhan dua orang awam pada 24 Mei 1974. Sukarela Askar Wataniah dikerah berkhidmat sepenuh masa bagi menjaga keselamatan di sepanjang LRTB.

Pada permulaannya anggota-anggota kerahan ini disusun mengikut platon-platon dan ditugaskan di pos-pos tertentu sepanjang LRTB. Dalam tahun 80an, struktur platon-platon ini disusun semula dan diwujudkan batalion-batalion infantri Siri 300 bagi tujuan memperkemaskan lagi kawalan dan pentadbiran anggota kerahan ini.

Walau bagaimanapun, Batalion Siri 300 ini tidak termasuk di dalam struktur atau organisasi Rejimen Askar Wataniah kerana ia merupakan satu pasukan semestara dan kewujudannya adalah semata-mata berdasarkan keperluan operasi.

### Logo Askar Wataniah

Identiti bagi sebuah organisasi tentera adalah menunjukkan satu tradisi yang perlu dikekalkan dan dipelihara. Daripada bentuk, lakaran, warna dan simbol yang tertera di atas lambang, kita dapat mengenali pasukan tersebut. Identiti AW dapat melambangkan si pemakai malahan ia juga dapat memupuk semangat patriotism, cintakan organisasi dan *spirit de corp* AW.

Warna Bendera AW mempunyai maksudnya yang tersendiri. Warna Merah pada bendera AW melambangkan semangat perjuangan, kegagahan, keperwiraan dan etika yang tinggi. Bagi warna Hijau ianya melambangkan kemakmuran tanah air dan Kuning pula melambangkan negara yang mengamalkan dasar raja berperlembagaan. Manakala Pecahan Bintang pula melambangkan 14 negeri yang ada di Malaysia.

Logonya pula mempunyai Bunga Padi yang bermakna Perpaduan, keharmonian dan kerjasama di kalangan semua perkhidmatan ATM. Terdapat Keris dan Parang melambangkan kepahlawanan dan keperwiraan sentiasa dijunjung demi agama, bangsa dan negara serta Bulan dan Bintang menunjukkan Agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia.

Cogan Kata AW ialah Berkhidmat Untuk Negara yang merupakan aspirasi dan keperihatinan anggota AW yang bersedia berkhidmat untuk negara apabila diperlukan. Sentiasa rela berkorban masa dan tenaga demi kepentingan tanah air yang tercinta terutama semasa negara memerlukan khidmat mereka.

### Penutup

Dalam usia 62 tahun banyak peristiwa yang dilalui oleh RAW, antaranya konfrontasi Indonesia dan Peristiwa 13 Mei yang membuktikan keringat RAW diperlukan untuk membantu tugas keselamatan negara. Berdasarkan kepada ancaman tersebut serta atas tujuan inilah maka penubuhan RAW dikaji demi mewujudkan satu Pasukan Simpanan statik yang besar, berkebolehan dan efektif.

Ianya untuk membentuk satu organisasi yang lebih *functional* dan teratur demi menentukan pentadbiran yang lebih sempurna serta meninggikan lagi mutu latihan anggota-anggota sukarela.

# PATRIOTISME

## Dari Perspektif Islam

Oleh: Mej Mohd Ramizi Remli  
PS 2 Penerbitan, Jabatan Arah KAGAT

Tidak dapat dinafikan bahawa asal-usul patriotisme adalah daripada budaya masyarakat Barat yang mereka warisi secara turun-temurun. Perkataan patriotisme itu sendiri berasal daripada bahasa Yunani ‘Patria’ atau ‘Patris’ yang bermaksud tanah air (*fatherland or homeland*). Secara lebih lengkap maksud patriotisme ialah cintakan kepada tanah air dengan kesanggupan untuk menumpahkan hati budi kepadanya.

Disebabkan perkataan ini berasal daripada bahasa Yunani dan kemudian digunakan oleh bahasa Inggeris maka secara khusus perkataan ini mempunyai hubung kait dengan sejarah perkembangan budaya masyarakat Eropah daripada zaman Yunani sehingga zaman Barat Moden. Bagaimanapun ini tidaklah menafikan kewujudan nilai yang sama dalam masyarakat Timur dan masyarakat Islam.

Nilai dan semangat patriotik yang menunjukkan kecintaan terhadap negara atau watan cukup banyak dipersembahkan melalui pengisian Al-Quran dan hadis. Sebagai contoh, Al-Quran merakamkan gambaran semangat cintakan tanah air Nabi Ibrahim a.s yang mengangkat tangan memohon doa kepada Allah SWT untuk keamanan dan kesejahteraan bumi Mekah. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan (ingatlah, ketika Ibrahim berdoa: “Ya Tuhan, jadikanlah negeri ini negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduknya yang beriman di antara mereka kepada Allah dan hari kemudian”. (Al-Baqarah:126).

Demikian juga Nabi Muhammad SAW mempunyai nilai kasih sayang kepada tanah air yang cukup sebatی terhadap bumi kelahiran baginda, iaitu Mekah. Hal ini kerap digambarkan oleh hadis baginda SAW. Antaranya dialog baginda dengan bumi Mekah tatkala terpaksa berhijrah ke Madinah:

“Engku wahai Mekah merupakan satu bumi yang baik dan paling aku cintai, kalau sekiranya kaummu (pendudukmu) tidak mengeluarkan aku darimu nescaya aku tidak akan menetap di mana-mana tempat selain daripadamu”. (Riwayat At-Tirmizi).

Menurut Prof. Emiritus Dr. Hisham Sharabi, patriotisme dalam Islam dikenali sebagai wataniyah yang diamalkan dalam sempadan sesebuah negara yang tidak akan sesekali

membelangi prinsip agama. Ini kerana dalam kerangka Maqasid As-Syariah atau matlamat syarak, agama sentiasa terletak pada kedudukan atau hierarki tertinggi dalam senarai kewajiban untuk dipelihara, dipertahankan dan dimartabatkan.

Dalam konteks ini, mempertahankan negara dengan maksud memelihara agama juga adalah sebahagian daripada maqasid. Ini kerana kebangkitan Islam dengan asbab wujudnya Madinah Al-Munawwarah sebagai Negara Islam yang pertama. Malah pembentukan perlembagaan pertama dalam sejarah tamadun manusia yang dikenali dengan nama Piagam Madinah oleh Nabi SAW juga adalah satu manifestasi kepentingan pemeliharaan agama melalui pembentukan negara bangsa yang kuat.

Secara lebih mendalam, patriotisme sebenarnya merujuk kepada semangat jihad di jalan Allah. Bagaimanapun jihad bukanlah merujuk kepada satu kepentingan yang sempit tetapi meninggikan kalimah Allah yang melibatkan kepentingan yang lebih sejagat. Jihad dalam konteks ini bertujuan untuk menegakkan peradaban manusia seluruhnya supaya berada di landasan yang direhdai Allah.

Konsep jihad yang diutarakan ini seharusnya dilihat dari kaca mata yang positif, iaitu bertujuan untuk mewujudkan perdamaian dan keseimbangan, bukannya perbalahan dan melampau. Melalui semangat perjuangan, pemujaan kepada nafsu, perkara-perkara yang melampaui batas agama, kekejaman atau penindasan, pencabulan hak dan serangan musuh dapat dipatahkan atau dilenyapkan. Sekiranya tiada penghayatan konsep perjuangan kesemua perkara negatif tersebut akan bermaharajalela kerana tiada lagi kuasa pengimbang seterusnya terhapusnya keharmonian dan kesaksamaan dalam kehidupan sejagat.

Justeru, semangat patriotisme yang sebenar sejajar dengan kehendak syariah perlu ditanam, dibajai dan disuburkan di segenap sanubari warganegara tanah air yang tercinta ini. Segala elemen yang menggugat keamanan dan kestabilan hendaklah dibanteras dan dihapuskan.

Segala pertelingkahan yang merugikan juga perlu dielakkan. Kebersamaan dan kesepaduan dalam apa jua usaha untuk mencapai kebaikan untuk negara hendaklah diutamakan. Mudah-mudahan negara kita sentiasa berada di bawah lindungan Ilahi dengan dilimpahi segala bentuk kemakmuran.



# Ikrar Kesateria Teras Perjuangan Anggota ATM



Oleh: Kol Profesor Madya Dr Burhanuddin Jalal

Ikrar Kesatria:

- Beriman kepada tuhan dan bertakwa kepadanya.
- Setia kepada negara dan sedia berkorban demi kepentingannya dengan tidak sekali-kali mengenal menyerah.
- Memegang teguh disiplin tentera dan sentiasa menjunjung tinggi sikap keperwiraan dan kehormatan tentera.
- Mengutamakan pelaksanaan tugas dengan jujur dan ikhlas.
- Menyimpan rahsia negara dengan seketat-ketatnya.”

Itulah lafadz ikrar kesateria yang sering dilafazkan oleh setiap anggota tentera pada setiap pagi atau dalam semua acara perbarisan anggota ATM di ketiga-tiga perkhidmatan akan sebagai janji, komitmen atau ikrar mereka terhadap tugas dan amanah yang telah diberikan. Berdasarkan ikrar Kesateria tersebut pada umumnya, dapat dirangkumkan mengandungi unsur-unsur berikut:

- a. Kepatuhan kepada pemerintah.
- b. Keteguhan dalam menjalankan atau mengamalkan sesuatu.
- c. Menyimpan segala rahsia tentera dengan teguh.



Berdasarkan ikrar tersebut, ternyata ia mempunyai nilai penghayatan Islam yang kuat dan mematuhi pemerintah adalah sesuatu yang wajib .Ini berdasarkan firman Allah dalam Surah al-Nisa' (4:59) yang bermaksud, "Wahai orang yang beriman, Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Qur'an) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya".

Para ulama tafsir seperti Ibn Kathir, Imam al-Qurtubi dan Jalalain, memberikan makna yang pelbagai dalam menafsirkan 'ulil amri'. Jika digabungkan makna-makna tersebut maka ulil amri menepati apa yang telah disabdakan oleh Nabi Muhammad (s.a.w.), "Barang siapa yang mentaati aku, sesungguhnya ia telah mentaati Allah dan barang siapa yang menderhaka aku, sungguhnya ia telah menderhaka Allah dan barang sesiapa yang mentaati amir aku ia telah mentaati aku, dan sesiapa yang menderhaka amir aku, ia telah derhaka aku". (Bukhari dan Muslim, Mausuat al-hadis al-syarif al-kutub al-sittah: 2000). Dari maksud hadis di atas jelaslah bahawa yang dimaksudkan dengan ulil amri ialah amir dan amir itu ialah penguasa yang mesti dipatuhi. Namun demikian sebagai berteraskan Islam ketaatan dilakukan dengan jika selari dengan kehendak Islam dan apabila bertentangan dengan kehendak Islam ia dilarang untuk ditaati seperti sabda nabi yang bermaksud, "Tidak wajib mentaati pemimpin yang menyuruh melakukan maksiat". (Mausuat al-hadis al-syarif al-kutub al-sittah: 2000).

Tekad mempertahankan sesuatu merupakan gambaran dari istiqamah yang dimiliki oleh seseorang dan kata tekad mempunyai kaitan dengan kata iktikad. Kata istiqamah bermaksud berjuang secara gigih dalam mempertahankan prinsip yang benar, dan jika kebenaran itu dikaitkan dengan agama, maka agama perlu dipertahankan dengan segala daya upaya. Menurut Brig Jen (B) Dato' Haji Najmi Haji Ahmad (2009), bekas Pengarah KAGAT, menyatakan bahawa, " mempertahankan agama dan kemerdekaan negara adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan, sehingga ia dapat dikaitkan dengan pernyataan bahawa 'mempertahankan agama sama dengan mempertahankan negara dan mempertahankan negara sama dengan mempertahankan agama".

Sikap istiqamah ini disebut oleh Allah (s.w.t.) dalam surah Jin.(72) ayat 16 yang bermaksud, "(Nabi Muhammad diwahyukan menerangkan lagi), dan bahawa sesungguhnya! kalaulah mereka (manusia dan jin) itu berjalan betul di atas jalan (Islam), sudah tentu Kami (akan




memberikan mereka sebab-sebab kemewahan, terutama) menurunkan hujan lebat kepada mereka".

Berdasarkan ikrar Kesateria ini sudah terdapat nilai-nilai agama yang telah dihayati dan dilaksanakan secara jelas tanpa menyedari ia adalah sebahagian dari nilai penghayatan Islam yang telah lama wujud dalam ATM.

a. Beriman kepada tuhan dan bertakwa kepadanya: Berdasarkan ikrar yang pertama ternyata anggota ATM mempunyai keyakinan terhadap Allah yang maha Esa dan dalam terminologi Islam disebut sebagai mempunyai akidah atau tauhid. Jelas sekali tauhid atau keimanan yang kuat dalam perjuangan merupakan sesuatu yang penting. Dalam sejarah Islam telah membuktikan bahawa kemenangan yang besar dan gemilang diperoleh berkat keimanan yang mantap.

Kita menyedari bahawa, bagaimana Nabi Muhammad mempersiapkan pasukannya dengan keyakinan bahawa Allah adalah pencipta mereka, pemilik, penguasa serta mempunyai kekuasaan ke atas segala sesuatu. Tidak ada sesuatu pun di luar penguasaan Allah dan Allah akan memberi kemenangan kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki dan yang paling pasti ialah Allah akan menolong kepada orang yang beriman. Nabi Muhammad (s.a.w.) telah menanamkan keyakinan ini kepada para pengikutnya, bahawa mereka perlu sentiasa bergantung pada Allah dan perlu sentiasa mengingatinya dalam semua keadaan. Allah berfirman dalam Surah al-Baqarah (2:153) yang bermaksud, "Wahai sekalian orang yang beriman! mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang yang sabar".

Ayat tersebut memperkuat keyakinan dan iman dalam tiga cara iaitu, pertama: Memerintahkan orang beriman untuk mencari pertolongan dari kesabaran dan solat, kerana amalan



## KEAGAMAAN/KEROHANIAN



tersebut akan membangkitkan tenaga dan kekuatan untuk melaksanakan tugas secara efektif. Amalan tersebut juga akan melengkapkan diri dengan keberanian dan ketahanan untuk memikul segala tanggungjawab, cabaran, penderitaan, tekanan, kekerasan dan juga gangguan. Kekuatan daya tahan dan kesabaran itu amat dipentingkan dan jika ia diperoleh melalui ibadah kepada Allah seseorang itu akan berasa aman dan tenteram. Kedua: Menjamin bahawa orang yang beriman dalam keadaan kesusahan, tidak akan dibiarkan sendirian tanpa pertolongan dari Allah. Ini adalah kerana pertolongan dari Allah akan segera datang jika perjuangan dilakukan dengan sabar dan bertahan di jalan-Nya. Ketiga : Orang yang beriman tidak pernah menyerah atau menerima kekalahan dari musuh mereka kerana mereka berjuang untuk menegakkan prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan di muka bumi ini. Jika mereka memperlihatkan suatu kelemahan atau menyerah kepada musuh maka kebenaran akan di kalahkan oleh kebatilan.

Oleh yang demikian orang yang beriman berjuang dengan penuh kekuatan sehingga mencapai kemenangan dan juga

hingga ke titisan darah yang akhir. Perjuangan orang yang beriman akan memperlihatkan kualiti ini dan dalam menghadapi musuh ini mereka mempunyai keyakinan untuk mencapai kemenangan. Mereka juga akan memperoleh cinta Allah kerana Allah mencintai mereka yang tabah, kuat dan pantang menyerah dalam perjuangan. Kualiti dan kemantapan orang yang berjuang dan beriman ini dalam menghadapi musuh disebut dalam al-Quran dalam Surah al-Fath (48:29) yang bermaksud, "Nabi Muhammad (s.a.w) ialah Rasulullah, dan orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang kafir yang (memusuhi Islam)".

Kekentalan semangat dan tekad untuk memikul tanggungjawab

bagi mencapai kemenangan dalam perjuangan adalah kualiti-kualiti penting yang diperlukan dari orang yang benar-benar beriman, lebih-lebih lagi anggota tentera. Dari perspektif Islam, Allah telah menjanjikan bahawa orang terkorban atau gugur di jalan Allah ketika dalam perjuangan melawan musuh akan di balas dengan kehidupan abadi dan kegembiraan. Firman Allah dalam Surah Al 'Imran (3:169-171) yang bermaksud, 'Dan jangan sekali-kali Engkau menyangka orang yang terbunuh (yang gugur syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi tuhan mereka dengan mendapat rezeki (dan juga) mereka bersukacita dengan kurniaan Allah (balasan mati syahid) yang telah dilimpahkan kepada mereka, dan mereka bergembira dengan berita baik mengenai (saudara-saudaranya) orang (Islam yang sedang berjuang), yang masih tinggal di belakang, yang belum (mati dan belum) sampai kepada mereka, (iaitu) bahawa tidak ada keimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berduakacita. mereka bergembira dengan balasan nikmat dari Allah dan limpah kurnia-Nya, dan (ingatlah), bahawa Allah tidak menghilangkan pahala



orang yang beriman”.

Selain dari itu Allah juga telah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 154 yang bermaksud, “Dan janganlah kamu mengatakan (bahawa) sesiapa yang terbunuh dalam perjuangan membela agama Allah itu: orang mati; bahkan mereka itu orang yang hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa), tetapi kamu tidak dapat menyadarinya”.

Penjelasan dan janji Allah berkaitan dengan balasan Allah terhadap orang yang gugur di medan perjuangan diberikan balasan dan dianugerahi kehidupan yang kekal, damai dan bahagia di sisi Allah berfungsi sebagai satu dorongan yang kuat kepada orang yang beriman untuk berusaha keras dan berjuang berdasarkan kemampuan mereka sehingga mencapai kemenangan di dunia atau balasan di akhirat kelak (Afzalur 2002).

Keimanan dan keyakinan kepada yang maha Esa amat diperlukan kepada setiap warga ATM.

b. Setia kepada negara dan sedia berkorban demi kepentingannya dengan tidak sekali-kali mengenal menyerah. Bagi mengukuhkan lagi nilai yang terdapat pada ikrar yang pertama, nilai atau ikrar yang kedua perlu dimiliki dan dihayati oleh setiap anggota tentera. Nilai-nilai penting ini pernah disebut oleh Abdul Aziz (2007), ketika mengulas tentang tanggungjawab, kejujuran, keadilan dengan menyatakan: “Dalam meneruskan perjuangan kita yang benar-benar berdasarkan kebenaran dan keadilan, kita sekalian mesti teguh, mesti sentiasa berhati-hati dan waspada. Jika ini dilupakan kita mungkin menderita selamanya”.

Pertama; Keyakinan bahawa perjuangan mempertahankan dan mengisi kemerdekaan negara sebagai satu tanggungjawab setiap rakyat.

Kedua: Berkeyakinan bahawa mempertahankan negara



adalah menepati kehendak Islam. Salah satu petunjuk seorang warga negara yang mempunyai kejujuran kepada negara merupakan salah satu janji yang perlu diterjemahkan dalam kehidupan. Firman Allah, surah an-Nahl 16: 91-92 yang bermaksud, “Dan sempurnakanlah pesanan-pesanan dan perintah-perintah Allah apabila kamu berjanji; dan janganlah kamu merombak (mencabuli) sumpah kamu sesudah kamu menguatkannya (dengan nama Allah), sedang kamu telah menjadikan Allah sebagai penjamin kebaikan kamu; Sesungguhnya Allah sedia mengetahui akan apa yang kamu lakukan, dan janganlah kamu menjadi seperti perempuan yang telah merombak satu persatu benda yang dipintalnya, sesudah ia selesai memintalnya kuat teguh; Dengan kamu menjadikan sumpah kamu sebagai tipu daya (untuk mencabuli perjanjian yang telah dimeterai) sesama kamu, disebabkan adanya satu golongan yang lebih ramai dari golongan lain. Sesungguhnya Allah hanya mahu menguji kamu dengan yang demikian itu; dan ia sudah tentu akan menerangkan kepada kamu, pada hari kiamat, apa yang kamu berselisihan padanya.”.

Dalam sebuah hadis Nabi bersabda yang bermaksud: “Hendaklah kamu sekalian bersifat benar kerana sesungguhnya kebenaran membawa kebaikan, sedangkan kebaikan membawa syurga dan sesungguhnya seseorang yang melatih dirinya bersifat benar ia akan menjadi orang yang



## KEAGAMAAN/KEROHANIAN

dikenal sangat besar dan sesungguhnya berdusta itu akan membawa maksiat, sedangkan maksiat itu membawa kepada neraka. Dan sesungguhnya seorang pendusta akan ditulis di sisi tuhannya sebagai orang yang sangat pendusta"- Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim, Mausuaat al-hadis al-syarif al-kutub al-sittah: 2000).

c. Sentiasa menjadi contoh dan teladan dalam sikap kesederhanaan. Seseorang Muslim yang baik ialah mereka yang mampu menampilkan dirinya sebagai model yang baik dalam aspek komunikasi dan hubungannya dengan orang lain. Contoh yang baik ini dipamerkan dalam bentuk akhlak yang baik, sumbangan tenaga, kepakaran atau fikiran atau perkara-perkara yang boleh dimanfaatkan oleh orang lain. Aspek ini telah dijelaskan oleh Allah melalui firmanya dalam al-Quran, surah al-Qalam, (68: 4) yang bermaksud, "Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia".

Selanjutnya Allah berfirman dalam surah al-Ahzab (33:21) yang bermaksud, "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)".

Satu lagi aspek penting dalam perkara ini ialah kemanfaatan individu terhadap masyarakat setempat. Ini adalah



seperti yang telah disabdakan oleh Nabi Muhammad (s.a.w.) yang bermaksud: "sebaik-baik manusia di antara kamu ialah mereka yang paling bermanfaat bagi manusia lain". Hadis Riwayat Ibn Majah Mausuaat al-hadis al-syarif al-kutub al-sittah: 2000).

d. Tidak merugikan rakyat. Sebagai lanjutan dari prinsip di atas seseorang Muslim yang baik tidak dibenarkan merugikan rakyat. Islam menentang keadaan ini kerana ia merugikan diri sendiri dan masyarakat serta organisasi seluruhnya. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Muslim, dijelaskan terdapat tiga perkara yang tidak wajar dilakukan terhadap sesama Muslim , sabda nabi yang bermaksud: "Seseorang Muslim tidak boleh melakukan tiga perkara terhadap Muslim lain iaitu menumpahkan darahnya (membunuh), mencuri hartanya dan menjatuhkan maruah dirinya" (Muslim, Mausuaat al-hadis al-syarif al-kutub al-sittah: 2000) 2000).

e. Tidak menakuti rakyat. Perilaku yang ideal mampu





mewujudkan ketenangan dan kedamaian bagi masyarakat sekitar. Ini sesuai dengan prinsip Islam iaitu kedamaian dan ketenangan. Berlawanan sikap ini ialah berlakunya ketakutan dan tekanan atau huru-hara yang ditimbulkan atau rampasan kuasa oleh pihak tentera. Di Malaysia tidak berlaku seperti mana yang telah berlaku di negara jiran (Thailand) telah berlaku 18 kali rampasan kuasa oleh pihak tentera. Untuk itu nabi telah mengajar supaya umatnya sentiasa memohon doa dan rahmat dari tuhan supaya sentiasa terhindar dari kekhawatiran dan ketakutan seperti doa nabi yang bermaksud: "Ya Allah saya berlindung kepada dari sifat lemah, pemalas, takut, kedekut, hutang yang banyak dan juga tekanan dan kongkongan dari orang lain"- Hadis Riwayat Ahmad, Mausuaat al-hadis al-syarif al-kutub al-sittah: 2000)

f. Menjadi contoh kepada pihak lain dan sedia membantu atau berkorban untuk kepentingan atau menyelamatkan orang lain. Prinsip atau tindakan seperti amat penting bagi menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Nabi Muhammad dan para sahabat seperti

Umar Ibn al-Khattab, Umar Abdul Aziz telah melakukan tindakan yang proaktif dalam membantu masyarakat. Nabi umpamanya, pernah menyerahkan kurma yang sepatutnya dimakan oleh keluarganya diserahkan kepada orang lain. Dalam konteks ini ATM telah melakukan kerja-kerja amal dan bantuan kecemasan yang diperlukan untuk membantu rakyat yang menghadapi kesusahan seperti operasi banjir, bantuan malapetaka seperti dalam peristiwa Highlands Towers, runtuhan tanah Bukit Antarabangsa, penerbangan ihsan, menyelamatkan serangan lanun dan juga projek-projek jiwa murni yang lain, ternyata slogan yang berbunyi, 'rakyat dan tentera

berpisah tiada' perlu terus dipegang, dikembangkan dan dihayati bersama.

Berdasarkan nilai-nilai murni yang telah wujud dalam ATM dan jika nilai-nilai murni tersebut turut diamalkan oleh warga ATM seluruhnya, ternyata anggota ATM telah berjaya mengamalkan dan menghayati nilai Islam dalam kehidupan dan kerjaya mereka, dan ia perlu ditambah sedikit lagi dengan menghayati dan mengamalkan ibadah rukun Islam, rukun Iman, ternyata seseorang warga ATM itu akan menjadi insan Muslim yang soleh dan bertakwa serta menepati ciri-ciri insan soleh yang sebenarnya.

TAMAT

Kolonel Profesor Madya Dr Burhanuddin Jalal (Bersara) ialah Profesor Madya di Jabatan Kenegaraan, Kepimpinan dan Ketamadunan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel: burhanuddin@upnm.edu.my.





ISSN 1511-0508

9 771511 050068